

DARIPADA Aisyah Radiallahuanha, bahawa sesungguhnya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :
"Carilah Lailatulqadar pada malam-malam yang ganjil pada 10 hari terakhir bulan Ramadan".
(Riwayat Al-Imam Al-Bukhari)

BERANGKAT MENYAKSIKAN LIGA SUPER MALAYSIA

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berangkat menyaksikan perlawanan Liga Super Malaysia Musim 2025 / 2026. Turut berangkat, paduka-paduka adinda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen. - Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit.



Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman.
Turut berangkat, paduka-paduka adinda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat

■ Oleh : Nooratini Haji Abas

Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

>> Muka 3

BERAKAS, Ahad, 15 Mac. - DPMM FC terpaksa akur setelah tewas 0 - 3 kepada Johor Darul Ta'zim FC dalam saingan Liga Super Malaysia Musim 2025 / 2026 yang berlangsung di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, malam tadi.

Berangkat menyaksikan perlawanan tersebut, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; dan Yang

Rebut keberkatan, keistimewaan Ramadan

■ Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin

KIARONG, Ahad, 15 Mac. - Ibadah Qiamullail merupakan antara amalan sunat yang sangat dituntut dalam Islam, lebih-lebih lagi pada 10 malam terakhir bulan Ramadan, sebagai usaha untuk mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala serta memohon keampunan dan rahmat daripada-Nya.

Sehubungan itu, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) menganjurkan Program Qiamullail Ramadan Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi pada awal pagi tadi bertempat di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kiarong sebagai masjid tumpuan utama di Daerah Brunei dan Muara.

Manakala masjid-masjid utama di tiga daerah lain iaitu Daerah Tutong, di Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong; Daerah Belait, di Masjid Rancangan Perumahan Negara Kampung Pandan, Kuala Belait; dan Daerah Temburong, di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar.

>> Muka 16

Pembangunan, kesejahteraan warga Perkhidmatan Awam future ready

■ Oleh : Aimi Sani

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 15 Mac. - Seiring dengan keperluan semasa, usaha-usaha penambahbaikan dan pembaharuan Perkhidmatan Awam di bawah Civil Service Framework pada dasarnya adalah masih diteruskan dan ditambah baik.

Kini usaha-usaha sedemikian untuk meningkatkan keberkesanan dan prestasi perkhidmatan awam adalah diselaraskan melalui Jawatankuasa Transformasi Perkhidmatan Awam (JTPA) sebagai sebuah platform utama dalam menerajui hala tuju dan pelaksanaan transformasi



sektor awam negara.

Demikian dinyatakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Dato Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof semasa menjawab pertanyaan yang diajukan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 MMN Tahun 2026, bertempat di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, hari ini.

>> Muka 4

Pastikan perbelanjaan awam diurus cekap, berimpak tinggi, berorientasikan hasil

■ Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 14 Mac. - Sejumlah BND6.3 bilion diusulkan bagi Belanjawan Negara Tahun Kewangan 2026 / 2027 semasa pembentangan Rang Undang-undang Perbekalan Tahun 2026 / 2027 oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah pada hari ketiga Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) Tahun 2026, bertempat di Dewan Persidangan MMN,

Bangunan Dewan Majlis, hari ini. Rang Anggaran Belanjawan Negara bagi Tahun Kewangan 2026 / 2027 ini, menurut Yang Berhormat dirangka dalam konteks untuk meneruskan usaha kerajaan dalam merealisasikan Wawasan Brunei 2035, iaitu membentuk sebuah negara yang mempunyai rakyat berpendidikan dan berkemahiran tinggi, menikmati kualiti kehidupan yang baik, serta disokong oleh ekonomi yang mampan, berdaya tahan dan berdaya saing.

>> Muka 11



Berita Utama



MPM Kilanas membaca Yaa Siin, Tahlil di Kubah Makam Diraja

Muka 17



JUALAN Kuih-Muih Raya Belia dilancarkan

Muka 18



14 ditahan semasa Operasi Kiyomeru Fasa III

Muka 27



RANTAI kunci rekaan menarik jadi perniagaan

Muka 29

Tindakan agresif dan strategik perlu demi Wawasan Brunei 2035

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Bismillahir Rahmanir Rahim,
Alhamdulillah Rabbil 'Alameen
Wabihiee Nasta'eenu
'Alaa Umuuriddunya Waddeen,
Wassalaamu 'Ala Asyrafil Mursaleen,
Sayyidina Muhammadin,
Wa'alaa Aalihee Wasahbiee
Ajma'een, Waba'du.

ALHAMDULLAH, dengan limpah rahmat Allah jua, dapatlah kita berkumpul bagi Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 2026 Masihi.

Persidangan MMN bukan setakat pertemuan tahunan, tetapi ia juga adalah wadah strategik untuk membahaskan isu-isu sebenar yang dihadapi oleh negara dan rakyat, berdasarkan penelitian mendalam dan fakta yang kukuh. Pendekatan sesi dialog dan permuazakarah bersama kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan, perlu dimanfaatkan sebaiknya. Pada pendapat beta pendekatan sedemikian telah pun terbukti berkesan dalam merapatkan lagi Ahli-ahli MMN dengan masyarakat, dalam memeduli keperluan serta untuk mendengar keluhan rakyat.

Negara perlu sentiasa peka dengan pergolakan geopolitik antarabangsa dan kesannya terhadap cabaran ekonomi global.

Negara kita juga tidak terlepas dari

menerima kesan cabaran ini, lebih-lebih lagi jika kesan itu menjejaskan harga komoditi tenaga yang menjadi sumber pendapatan negara. Di sinilah Ahli-ahli MMN perlu berganding bahu dan bekerjasama untuk menangani sebarang ketidakpastian yang timbul.

Beta mahu melihat tindakan pelaksanaan yang lebih agresif serta ketahanan dalam merangka dasar dan strategi pembangunan negara, khasnya ke arah matlamat Wawasan Brunei 2035, termasuk usaha berterusan dalam menerokai pelaburan strategik dalam sektor-sektor baharu yang boleh merancakkan lagi pertumbuhan ekonomi negara dan usaha mengukuhkan fiskal kerajaan.

Apa yang pasti, keperluan untuk membangunkan perkara-perkara baharu bukanlah lagi satu pilihan, bahkan ianya satu keperluan yang wajar direalisasikan. Namun begitu, kemajuan juga perlu seimbang dengan perbelanjaan berhemah, termasuk mengutamakan inisiatif yang berimpak tinggi untuk meningkatkan daya tahan negara.

Pendekatan-pendekatan baharu memang diperlukan dalam mewujudkan ekosistem kondusif ke arah pemerkasaan peranan sektor swasta serta Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS).

Dari sudut infrastruktur dan kemudahan awam pula, usaha perlu diteruskan dengan meneroka penyediaan perkhidmatan pengangkutan awam yang lebih berkualiti dan selamat.

Beta amat bersimpati dengan musibah



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 MMN bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi yang berlangsung di Bangunan Dewan Majlis pada Khamis, 12 Mac 2026.

yang berlaku baru-baru ini yang mengorbankan dua penunggang basikal. Maka dalam hal ini, beta menyeru pihak-pihak yang berkenaan terutama Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya untuk bukan sahaja melihat dari segi perundangan

dan penguatkuasaan tetapi juga mesti mengambil berat prasarana yang selamat untuk digunakan.

>> Muka 16

| WAKTU SEMBAHYANG | | | | | | | | | | |
|------------------|--------|----------------|-------|-------|--------|------|-------|------|---------|-------|
| MAC MASIHI | HARI | RAMADAN HIJRAH | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
| 16 | ISNIN | 26 | 4.59 | 5.09 | 6.26 | 6.49 | 12.30 | 3.40 | 6.32 | 7.41 |
| 17 | SELASA | 27 | 4.59 | 5.09 | 6.26 | 6.48 | 12.30 | 3.39 | 6.32 | 7.41 |
| 18 | RABU | 28 | 4.59 | 5.09 | 6.25 | 6.48 | 12.30 | 3.38 | 6.31 | 7.40 |
| 19 | KHAMIS | 29 | 4.58 | 5.08 | 6.25 | 6.47 | 12.29 | 3.38 | 6.31 | 7.40 |
| 20 | JUMAAT | 30 | 4.58 | 5.08 | 6.25 | 6.47 | 12.29 | 3.37 | 6.31 | 7.40 |
| 21 | SABTU | 1 SYAWAL | 4.57 | 5.07 | 6.24 | 6.46 | 12.29 | 3.36 | 6.31 | 7.40 |
| 22 | AHAD | 2 | 4.57 | 5.07 | 6.24 | 6.46 | 12.28 | 3.35 | 6.31 | 7.40 |

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

| RAMALAN CUACA 3 HARI | | | |
|---------------------------------------|----------------|----------------|--|
| ISNIN | SELASA | RABU | |
| Bandar Seri Begawan 33 26 °C | 31 25 °C | 31 25 °C | |
| Pekan Bangar 33 26 °C | 31 25 °C | 31 25 °C | |
| Pekan Tutong 33 26 °C | 31 25 °C | 31 25 °C | |
| Kuala Belait 33 26 °C | 31 25 °C | 31 25 °C | |

Wallahualam Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi
www.mef.gov.bn

SIDANG PENGARANG 16 MAC 2026

Belanja berhemah menjelang Aidilfitri

HANYA tinggal beberapa hari saja lagi umat Islam akan menyambut kedatangan bulan Syawal untuk menyambut Hari Raya Aidilfitri selepas sebulan berpuasa. Menjelang Hari Raya Aidilfitri ini, orang ramai lazimnya sibuk membuat persiapan dengan membeli barang-barang seperti baju-baju baharu, juadah dan tidak ketinggalan juga membeli perhiasan rumah seperti cucul berwarna-warni.

Tidak dinafikan, orang ramai sangat menantikan bulan Syawal yang akan tiba ini, oleh itu, keterujaan dan kegembiraan sudah setentunya semakin terasa dan keinginan diri untuk berbelanja barangan serba baharu.

Walaupun bagaimanapun, kegembiraan menyambut Hari Raya Aidilfitri perayaan tidak seharusnya menyebabkan kita berbelanja secara berlebihan. Dalam hal ini, kita perlu merancang perbelanjaan dengan membuat senarai keperluan sebelum membeli-belah. Senarai ini membantu kita membezakan antara keperluan dan kehendak. Dengan cara ini, kita dapat mengelakkan pembelian barangan yang tidak perlu serta mengawal perbelanjaan kita.

Oleh itu, amalan belanja berhemah amat penting bagi memastikan kewangan keluarga sentiasa terurus.

Selain itu, kita juga boleh menggunakan semula barangan yang masih elok. Contohnya, hiasan rumah atau peralatan yang digunakan pada tahun sebelumnya boleh digunakan semula. Hal ini dapat menjimatkan perbelanjaan dan pada masa yang sama mengurangkan pembaziran.

Di samping itu, semasa menyediakan juadah Hari Raya, kita perlu memasak mengikut jumlah yang sesuai dengan jumlah tetamu. Penyediaan makanan yang berlebihan bukan sahaja menyebabkan pembaziran, malah makanan tersebut mungkin terpaksa dibuang jika tidak habis dimakan.

Tidak salah untuk memeriahkan Sambutan Hari Raya ini tetapi sambutlah dengan kemampuan masing-masing dan janganlah terlalu menyiksa diri untuk membeli sesuatu yang di luar kemampuan. Jadilah pengguna yang bijak dalam menguruskan kewangan.

Untuk akhirnya, belanja berhemah menjelang Hari Raya amat penting bagi memastikan sambutan perayaan tetap meriah tanpa menjejaskan kewangan keluarga. Dengan perancangan yang baik, sikap berjimat-cermat dan mengelakkan pembaziran, kita dapat menikmati Hari Raya dengan lebih tenang dan bermakna.

- Ketua Penyuntingan (Kr)

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

دربیتکن اوله جابتن قراغن. جابتن قردان منتري دان دچیتق اوله قرینت قلس سنديرين برحد، نکارا بروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

Berangkat menyaksikan Liga Super Malaysia

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Pg Mohd. Aminol
Adi Azraie Pg. Haji Nikman



KEBERANGKATAN tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri bagi menyaksikan perlawanan Liga Super Malaysia Musim 2025 / 2026 yang berlangsung di Stadium Negara Hassanal Bolkiah (kanan), manakala gambar kiri, turut berangkat, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman serta anakanda-anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah.

>> Muka 1

Berangkat sama, anakanda-anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Muhammad Aiman, dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Faathimah Az-Zahraa' Raihaanul Bolkiah.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota dan kerabat diraja

dijunjung oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad.

Pada babak pertama perlawanan, pasukan lawan Johor Darul Ta'zim FC mendahului DPMM FC dengan menjaringkan gol pertama mereka pada minit ke-33, hasil sepakan Ager Aketxe.

Walaupun Johor Darul Ta'zim FC menguasai perlawanan, namun DPMM FC tetap bangkit dan terus menyerang Johor Darul Ta'zim FC untuk menyamakan kedudukan, akan tetapi

bola sering kali tersasar keluar.

Menyaksikan babak kedua perlawanan, DPMM FC menunjukkan aksi permainan yang menarik dan bersungguh-sungguh namun Johor Darul Ta'zim FC berjaya menambah gol pada minit ke-74 menerusi Oscar Arribas dan seterusnya pada minit ke-77 hasil sepakan Marcos Guilherme.

Dalam sidang media selepas tamat perlawanan, Ketua Jurulatih DPMM FC, Jamie McAllister berkata para pemain DPMM FC telah pun berusaha

bersungguh-sungguh dalam perlawanan malam ini berbanding perlawanan sebelumnya menentang Johor Darul Ta'zim FC dengan jaringan 10 - 0.

Pada perlawanan seterusnya, DPMM FC akan menentang Negeri Sembilan pada 12 April 2026, di Stadium Tuanku Abdul Rahman, Paroi, Negeri Sembilan, Malaysia.

Sementara itu, DPMM FC berada di kedudukan ke-8 manakala Johor Darul Ta'zim FC kekal berada di puncak liga.



ANTARA aksi perlawanan di antara DPMM FC menentang Johor Darul Ta'zim FC dalam saingan Liga Super Malaysia Musim 2025 / 2026 (kiri), manakala gambar atas, antara yang hadir memberi sokongan.

سوروهنجاي قرحدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

Semak Kedudukan Permohonan awda bagi mengetahui status jawatan kosong yang telah dipohon

1

2

| Bahagian | Status | Lihat Permohonan |
|----------|---------------------------|------------------|
| T | DIJADUALKAN UNTUK UJIAN | 20 |
| B | PROSES PERAKUAN | 20 |
| M | DIJADUALKAN UNTUK UJIAN | 20 |
| W | TIDAK HADIR | 20 |
| I | DITOLAK SELEPAS TEMU DUGA | 20 |
| W | PERMOHON DITERIMA | 20 |

3

WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-22 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



PEMBANGUNAN, KESEJAHTERAAN WARGA PERKHIDMATAN AWAM 'FUTURE READY'

Oleh : Aimi Sani

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid,
Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II.

>> Muka 1

Menurut Yang Berhormat, tema-tema di bawah Civil Service Framework adalah masih kekal relevan dan selaras dengan bidang-bidang utama transformasi Perkhidmatan Awam, antaranya ialah penekanan

terhadap perkhidmatan yang lebih *seamless* dan *personalised*, *co-creation* melalui pendekatan awam, *engagement* bersama pihak yang berkepentingan serta pembangunan dan kesejahteraan warga Perkhidmatan Awam yang *future ready*.

Berhubung status pelaksanaan JTPA, Yang Berhormat seterusnya menjelaskan, bahawa jawatankuasa telah pun menetapkan beberapa fokus ataupun bidang fokus antaranya Pertama : Keperluan melihat penyampaian perkhidmatan secara menyeluruh berasaskan kitar hayat, *life cycle* rakyat dan perniagaan. Kedua : Menilai semula keberkesanan inisiatif sedia ada termasuk sistem penilaian prestasi dan

pembangunan kepimpinan.

"Ketiga : Mengenal pasti punca asas kelemahan dan penyampaian perkhidmatan. Keempat : Menambah baik peraturan dan proses kerja termasuk mempercepat pendigitalan. Dan Kelima : Memperkukuhkan kesejahteraan dan daya tahan penjawat awam.

"Pada masa ini Urus Setia JTPA sedang mengumpul data berkaitan keadaan semasa iaitu *current state* untuk mengenal pasti jurang, cabaran serta isu-isu yang merentas agensi berkaitan dengan bidang-bidang utama transformasi Perkhidmatan Awam yang kaola sebutkan tadi," ujar Yang Berhormat.

Proses seterusnya pula terang Yang Berhormat, untuk menganalisis dapatan dan melaksanakan intervensi berdasarkan dan selaras dengan bidang-bidang utama transformasi Perkhidmatan Awam, antaranya ialah

penekanan terhadap perkhidmatan yang lebih *seamless* dan *personalised*, *co-creation* melalui pendekatan awam, *engagement* bersama pihak yang berkepentingan serta pembangunan dan kesejahteraan warga Perkhidmatan Awam yang *future ready*.

Dalam hal ini, JPM melalui Jabatan Perkhidmatan Pengurusan, MSD menyokong usaha yang diterajui oleh Kementerian Kewangan dan Ekonomi melalui Bahagian Ekosistem Industri dan Perniagaan, IBE bersama Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB) melalui inisiatif proses *review* ke atas proses-proses kerja sedia ada dan seterusnya mencadangkan penambahbaikan ke arah penghasilan proses *end-to-end* yang lebih ringkas dan cekap.

Sehubungan itu, jelas Yang Berhormat, beberapa perkhidmatan berkaitan *pro-business* telah dikenal pasti

untuk diteliti dan seterusnya untuk ditambah baik kepada menghasilkan penyampaian perkhidmatan berkaitan *pro-business* yang lebih mudah, efisien dan mesra pelanggan serta menyumbang kepada kemajuan pencapaian transformasi dalam Perkhidmatan Awam.



AHLI Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim.

Kerjasama padu semua pihak memperkukuh ekonomi negara

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 15 Mac. - Usaha memperkukuh ekonomi negara bukanlah tanggungjawab kerajaan semata-mata tetapi memerlukan kerjasama padu daripada semua pihak di sektor kerajaan dan sektor swasta serta seluruh rakyat dan penduduk negara ini.

Pendekatan kerajaan melalui semakan subsidi pengkorporatan 'Public Private Partnership' dan pemodenan sistem kutipan hasil adalah langkah yang tepat. Namun pendekatan-pendekatan ini memerlukan KPI yang telus, laporan berkala dan pemantauan yang konsisten untuk memastikan kejayaannya.

Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat

Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam menyatakan perkara tersebut pada Perbincangan Peringkat Dasar pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 MMN Tahun 2026 yang berlangsung pada hari keempat, bertempat di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, hari ini.

Yang Berhormat dalam pada itu, menyambut baik perkembangan positif syarikat-syarikat FDI yang telah dan akan beroperasi di negara ini. Dengan 18 lagi projek FDI baharu yang dijangka akan menjana 3,000 peluang pekerjaan antara tahun 2026 hingga 2029 dan juga mewujudkan pelbagai peluang perniagaan kepada

perusahaan tempatan.

Menurut Yang Berhormat, ini adalah khabar gembira dan peluang besar untuk anak-anak tempatan yang mencari pekerjaan. Namun bagi memastikan agar manfaatnya benar-benar sampai kepada rakyat kaola mencadangkan agar maklumat pekerjaan-pekerjaan baharu yang akan datang ini diuar-uarkan lebih awal melalui platform-platform rasmi kerajaan untuk pengetahuan dan persiapan awal mengenainya.

Di samping itu, latihan-latihan kemahiran yang berkaitan juga boleh mula dirancang dan dibukakan kepada mereka yang berminat. *Roadmap* penyertaan tenaga kerja tempatan dalam projek-projek FDI juga perlu disediakan untuk rujukan mengenainya.

Yang Berhormat dalam pada itu, menekankan bahawa peruntukan di bawah RKN12 mencerminkan komitmen kerajaan terhadap kesinambungan negara dan kesejahteraan rakyat melalui tiga keutamaan utama iaitu memperkukuh kestabilan fiskal, memperkasa ekonomi dan menjamin kelestarian

sosial. Yang Berhormat turut menegaskan kepentingan KPI yang telus, pemantauan konsisten serta pengurusan projek yang cekap bagi memastikan setiap perbelanjaan memberi impak nyata.

Dalam hubungan ini, Yang Berhormat turut menyentuh peluang negara dalam ekonomi hijau melalui kedudukan geografi dan nilai agama bagi menarik pelaburan asing, di samping menekankan perlindungan sosial dan sokongan keluarga khususnya kanak-kanak serta keperluan menangani risiko eksploitasi dan penyalahgunaan siber.

Yang Berhormat seterusnya menekankan tanggungjawab bersama rakyat dan kerajaan untuk memastikan setiap peruntukan digunakan secara bijak dengan intervensi awal terhadap projek lemah dan tumpuan kepada strategi berimpak kepada kesejahteraan masyarakat.

Oleh itu, usaha memperkukuh perlindungan sosial serta sokongan kepada keluarga khususnya bagi golongan wanita dan kanak-kanak hendaklah menjadi keutamaan. Lebih-lebih lagi dalam



AHLI MMN, Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam.

menghadapi cabaran-cabaran baharu yang timbul seiring dengan perkembangan teknologi dan perubahan landskap sosial.

Yang Berhormat dalam ucapannya turut mengingatkan bahawa dalam dunia digital yang terkini, ancaman-ancaman seperti eksploitasi dalam talian, penyalahgunaan teknologi dan buli siber semakin berleluasa melalui platform digital memerlukan pendekatan yang lebih holistik, merentas Kementerian dari aspek-aspek perundangan, penguatkuasaan dan kesedaran masyarakat.

PENDEKATAN kerajaan melalui semakan subsidi pengkorporatan 'Public Private Partnership' dan pemodenan sistem kutipan hasil adalah langkah yang tepat. Namun pendekatan-pendekatan ini memerlukan KPI yang telus, laporan berkala dan pemantauan yang konsisten untuk memastikan kejayaannya.

MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-22 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



MENINGKATKAN AKTIVITI EKONOMI DOMESTIK, PELUANG PEKERJAAN TEMPATAN

Oleh : Aimi Sani

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



AHLI Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 15 Mac. - Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim menyatakan keprihatinannya terhadap kadar pengangguran belia yang meningkat kepada 18.3 peratus pada 2024 walaupun pengangguran keseluruhan adalah sekitar peratus, serta menaruh harapan bahawa inisiatif belanjawan akan meningkatkan kesejahteraan rakyat di bawah pimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Berucap pada Perbahasan

Peringkat Dasar bagi Rang Undang-undang dan Usul Ketetapan Kumpulanwang Kemajuan pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 MMN Tahun 2026, bertempat di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini, Yang Berhormat menyokong sepenuhnya Tema Belanjawan 2026 / 2027 iaitu 'Bersama Menjayakan Wawasan Brunei 2035'.

Ini kerana ia menggambarkan komitmen berterusan negara ke arah mencapai Wawasan Brunei 2035 yang berteraskan falsafah negara 'Melayu Islam Beraja'. Ia memfokuskan kepada pengukuhan kestabilan fiskal, transformasi ekonomi dan kelestarian sosial, di samping menekankan peranan GLCs dan institusi kewangan.

"Begitu juga dengan tiga fokus yang dibentangkan iaitu memperkukuh kestabilan fiskal dan tadbir urus kewangan, memperkasa ekonomi melalui transformasi dan inovasi serta menjamin kelestarian sosial dan pembangunan masa hadapan," terang Yang Berhormat lagi.

Yang Berhormat dalam pada itu, turut menyentuh cabaran fiskal termasuk defisit belanjawan, keperluan pengurusan perbelanjaan yang cekap serta pengukuhan Programme and Performance Budgeting (PPB), Public-Private Partnership (PPP) dan *fiscal rules*.

Yang Berhormat menekankan



SUASANA sekitar hari keempat Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 MMN Tahun 2026.

kepentingan strategi FDI yang berimpak tinggi, penglibatan sektor swasta serta pembangunan Bursa Saham bagi merangsang aktiviti ekonomi domestik.

Yang Berhormat turut mengongsikan pandangannya mengenai maklum balas orang ramai terutamanya dari masyarakat *business* antaranya mengenai cabaran-cabaran terhadap kelangsungan perniagaan dan aliran tunai pengusaha perlu diambil perhatian, dianalisa dan diteliti kebolehlaksanaannya.

Beberapa input seperti ini juga pernah disentuh oleh IMF dalam Laporan Article IV Consultation terutamanya yang berkaitan dengan meningkatkan *environment business* bagi menarik penglibatan sektor swasta dan cabaran *structure* yang menghadkan usaha untuk menarik FDI dan PPP.

Dengan memperkukuhkan lagi *institutional development* ini, ia akan memudahkan masyarakat

perniagaan khususnya untuk mengatasi cabaran-cabaran kelangsungan perniagaan yang akan memperkasa dan menggalakkan lagi penglibatan aktif sektor swasta ke arah mencapai matlamat Wawasan Brunei 2035.

Yang Berhormat seterusnya melahirkan harapan agar inisiatif-inisiatif ini akan dapat membantu merangsang lagi aktiviti ekonomi domestik, meningkatkan pendapatan

negara dan sekali gus menyediakan lebih banyak lagi peluang pekerjaan yang berkualiti kepada anak-anak tempatan selaras dengan kelulusan dan kelayakan masing-masing.

Ini juga diharap akan dapat mengurangkan jurang perbezaan kadar pendapatan di antara sektor awam dan sektor swasta dan dalam waktu yang sama, akan dapat meningkatkan *purchasing power* rakyat dan penduduk secara amnya.

BEBERAPA input seperti ini juga pernah disentuh oleh IMF dalam Laporan Article IV Consultation terutamanya yang berkaitan dengan meningkatkan *environment business* bagi menarik penglibatan sektor swasta dan cabaran *structure* yang menghadkan usaha untuk menarik FDI dan PPP. Dengan memperkukuhkan lagi *institutional development* ini, ia akan memudahkan masyarakat perniagaan khususnya untuk mengatasi cabaran-cabaran kelangsungan perniagaan yang akan memperkasa dan menggalakkan lagi penglibatan aktif sektor swasta ke arah mencapai matlamat Wawasan Brunei 2035.

Usaha kepelbagaian ekonomi perlu strategi jelas



AHLI MMN, Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee (atas), manakala gambar kanan, antara yang hadir pada persidangan berkenaan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 15 Mac. - Usaha kepelbagaian ekonomi memerlukan strategi yang jelas, pelaksanaan yang terselaras serta komitmen yang berterusan dalam meneruskan perjalanan kita ke arah Wawasan Brunei 2035.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Dayang

Chong Chin Yee pada Perbahasan Peringkat Dasar bagi Rang Undang-undang dan Usul Ketetapan Kumpulanwang Kemajuan pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 MMN Tahun 2026, bertempat di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Yang Berhormat turut merakamkan penghargaan terhadap pendekatan Whole of Nation semasa pandemik COVID-19 yang menunjukkan kerjasama bersepadu antara kerajaan, agensi, sektor swasta dan masyarakat, serta menekankan bahawa semangat kerjasama tersebut perlu diteruskan bagi menghadapi cabaran ekonomi masa hadapan.

Yang Berhormat dalam pada itu, turut menekankan keperluan kemampunan fiskal, pengukuhan sistem kutipan hasil serta pelaksanaan Fiscal Consolidation Programme 2.0 bagi memastikan perbelanjaan kerajaan dilaksanakan secara berhemah.

Dalam hal ini, Yang Berhormat juga menyentuh mengenai

langkah seperti penubuhan Agri-Tech Food Zone Brunei - Singapura, pengkorporatan entiti serta pembaharuan kawal selia untuk meningkatkan kecekapan ekonomi, di samping menekankan kepentingan perancangan

strategik dan akauntabiliti dasar melalui pemantauan pelaksanaan dan petunjuk prestasi.

Yang Berhormat seterusnya menekankan potensi sektor pelancongan dan pelancongan kapal persiaran, termasuk

pelaburan seperti Borneo Eco-Resort, De' Patoi Restaurant dan Abode Resort and Spa, serta keperluan penyelarasan agensi bagi menarik semula pelancong dan menyokong Wawasan Brunei 2035.



MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-22 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



PASTIKAN RAKYAT NBD DAFTAR SISTEM E-REGISTER KHELN



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 15 Mac. - Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof menekankan bahawa satu perkara yang telah dan terus digalakkan bagi setiap warga Negara Brunei Darussalam (NBD), rakyat dan penduduk tetap untuk mendaftar melalui Sistem e-Register, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri (KHELN) untuk membolehkan kementerian dan pejabat perwakilan bagi negara yang berkenaan menghubungi mereka atau ahli-ahli keluarga di NBD dengan cepat sekiranya berlaku kecemasan atau musibah.

Yang Berhormat menekankan perkara itu pada hari keempat Mesyuarat Pertama dari Musim

Permesyuaratan Ke-22 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) Tahun 2026, di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Beralih kepada pertanyaan Ahli MMN, Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin mengenai KHELN mempunyai beberapa tindakan utama untuk menangani sekiranya berlaku musibah kematian warga NBD di luar negeri.

Tindakan pertama, jelas Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, ialah mengenal pasti dan pemberitahuan. Apabila menerima maklumat atau laporan kematian warga NBD di luar negara, perwakilan di negara tersebut atau yang terdekat akan mengenal pasti identiti individu yang berkenaan melalui dokumen-dokumen perjalanan seperti pasport ataupun kad pengenalan. Setelah pengesahan, perwakilan akan segera dan secepatnya memaklumkan kepada ibu pejabat di KHELN, NBD.

KHELN, tambah Yang Berhormat, akan mendapatkan butir-butir peribadi lanjut seperti maklumat keluarga terdekat di negara ini dengan kerjasama agensi-agensi berkenaan seperti KHELN dan seterusnya menghubungi ahli keluarga yang terdekat tersebut.

Tindakan kedua, jelas Yang Berhormat lagi, adalah bantuan

dan bimbingan konsular. Pejabat Perwakilan KHELN akan memberikan nasihat dan bimbingan konsular kepada ahli keluarga mengenai tatacara yang perlu diikuti dan syarat-syarat di negara berkenaan yang perlu dipatuhi. Ini termasuk urusan dokumentasi rasmi seperti sijil kematian, laporan hospital atau polis serta sebarang keperluan undang-undang atau peraturan di negara berkenaan.

Pejabat perwakilan kata Yang Berhormat, juga akan membantu pengurusan jenazah termasuk urusan penghantaran balik jenazah ke NBD atau pengurusan pengebumian di negara berkenaan tertakluklah kepada kehendak ahli keluarga.

Sokongan logistik termasuk pengurusan permit, koordinasi dengan pihak berkuasa tempatan dan syarikat penerbangan juga dilaksanakan oleh pihak Pejabat Perwakilan.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan, bagi memudahkan komunikasi, KHELN dan Pejabat-pejabat Perwakilan menyediakan saluran komunikasi seperti Talian Hotline dan e-mel konsular bagi membolehkan ahli keluarga mendapatkan maklumat terkini mengenai urusan berkenaan.

Segala kos pengurusan adalah ditanggung oleh pihak keluarga secara terus ataupun melalui syarikat insurans yang

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid,
Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

mana insurans perjalanan tersebut diperolehi.

Yang Berhormat seterusnya menambah, ketiga, kemudahan kepada ahli keluarga. Dalam situasi tertentu tidaklah dapat dinafikan kos-kos mengurus pengebumian ataupun menghantar jenazah balik ke NBD sangat tinggi jika tidak ada mempunyai insurans perjalanan.

Dalam perkara ataupun situasi tersebut, kementerian juga boleh memudah cara urusan pembayaran secara pendahuluan, *advance*, mengikut syarat-syarat tertentu yang mana jumlah tersebut perlulah dibayar balik kepada kerajaan.

Di samping itu, Yang Berhormat mengambil kesempatan untuk memaklumkan kepada orang ramai bahawa berikutan situasi pergolakan yang sedang berlaku di Timur Tengah pada masa ini, KHELN melalui Pejabat-pejabat Perwakilannya di rantau tersebut sentiasa memantau perkembangan keselamatan dari semasa ke semasa terutamanya sekali dalam memastikan kesejahteraan semua warga NBD yang berdaftar di Pejabat-pejabat Perwakilan kita di rantau berkenaan.

Sehubungan itu, Yang

Berhormat mengongsikan, KHELN ingin menekankan pentingnya bagi warga negara ini di negara-negara terjejas khususnya yang belum berdaftar dengan Pejabat-pejabat Perwakilan NBD untuk berbuat demikian secepat mungkin melalui e-Register di laman sesawang KHELN.

Pendaftaran itu menurut Yang Berhormat, akan memudahkan pihak KHELN dan Pejabat-pejabat Perwakilan untuk segera menyalurkan maklumat yang penting dan menghubungi warga NBD sekiranya terjadi keadaan yang tidak menentu.

Dalam pada itu, Yang Berhormat juga ingin merakamkan penghargaan kepada kesemua pegawai dan kakitangan kementerian berkenaan di perwakilan-perwakilan negara di Rantau Timur Tengah yang mana sentiasa memberi khidmat kepada warga NBD dalam mana mereka sendiri pun berhadapan dengan keadaan yang tidak menentu.

Yang Berhormat menjelaskan, semoga Allah Subhanahu Wata'ala seterusnya melindungi mereka dan kesemua warga NBD yang berada di rantau tersebut.

Tingkatkan produktiviti, mengurangkan kebergantungan kepada import



AHLI MMN, Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin (atas), manakala gambar kanan, antara yang hadir pada persidangan berkenaan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 15 Mac. - Pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) Tahun 2026, bertempat di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini, Ahli MMN, Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin menyatakan Pensijilan halal Brunei merupakan kelebihan strategik negara.

Yang Berhormat percaya

bahawa jenama Halal Brunei mempunyai kredibiliti bagi pengguna pengguna Islam negara khususnya pasaran negara Islam, OIC.

"Ke hadapan bagaimana kita dapat mempromosikan sebagai jenama premium bagi produk Brunei bernilai tambah tinggi. Kaola berpendapat bahawa promosi yang lebih strategik serta penjelasan antara piawaian halal dan dasar eksport akan membantu menterjemahkan jaminan kualiti kepada pertumbuhan eksport yang mampan," ujar Yang Berhormat.

Mengenai dengan projek-projek di bawah Rancangan Kemajuan Negara, Yang Berhormat menjelaskan, keutamaan projek pembangunan perlu ditentukan secara strategik supaya impaknya kepada ekonomi dan kesejahteraan rakyat dapat dimaksimumkan.

Melihat kepada bilangan projek yang masih berada dalam peringkat reka bentuk iaitu sebanyak 91 projek, Yang Berhormat ingin mengetahui bagaimana keutamaan projek-projek itu ditentukan agar pelaksanaannya dapat dipercepatkan dan benar-benar selaras dengan keutamaan pembangunan di bawah Wawasan Brunei 2035.

Walau bagaimanapun, Yang Berhormat bersyukur atas pelaksanaan projek-projek pembangunan infrastruktur yang dirancang seperti pembinaan bangunan baharu, tambahan sekolah, pembinaan masjid serta penaiktarafan fasiliti-fasiliti sukan yang diharap akan memberikan manfaat kepada rakyat serta meningkatkan kualiti kehidupan kita semua juga.

Yang Berhormat juga melihat sektor pertanian sebagai salah satu sektor kepelbagaian ekonomi yang penting di samping menyumbang kepada keselamatan makanan dan kestabilan kos sara hidup.

"Dalam hubungan ini, dengan sasaran untuk meningkatkan tahap sara diri beras negara daripada sekitar 8 peratus kepada sehingga 20 peratus menjelang 2027 adalah satu langkah yang dialu-alukan.

Peruntukan di bawah Jabatan Pertanian dan Agrimakanan seperti skim pembelian padi, penyediaan benih serta peningkatan infrastruktur dan teknologi pertanian adalah diharap dapat memperkukuh rantaian nilai industri makanan negara.

"Namun bagi memastikan sasaran ini benar-benar dapat dicapai secara mampan, kaola

YANG Berhormat percaya bahawa jenama Halal Brunei mempunyai kredibiliti bagi pengguna pengguna Islam negara khususnya pasaran negara Islam, OIC.

"Ke hadapan bagaimana kita dapat mempromosikan sebagai jenama premium bagi produk Brunei bernilai tambah tinggi. Kaola berpendapat bahawa promosi yang lebih strategik serta penjelasan antara piawaian halal dan dasar eksport akan membantu menterjemahkan jaminan kualiti kepada pertumbuhan eksport yang mampan," ujar Yang Berhormat.

berpendapat bahawa sokongan berterusan melalui insentif bersasar *targeted incentive*, pemodenan sektor pertanian, pengusaha-pengusaha subsidi untuk pertanian, subsidi

pengagihan baja yang cekap dan telus juga adalah penting bagi meningkatkan produktiviti dan mengurangkan kebergantungan kepada import," jelas Yang Berhormat.



MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-22 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



WAKAF BERPERANAN MEMPERKUKUKKAN KEDUDUKAN FISKAL NEGARA

Oleh : Pg. Vivv Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid,
Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 15 Mac. - Menyentuh mengenai industri halal, Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof dalam perbahasan menyatakan mengikut anggaran semasa, nilai industri global dianggarkan melebihi USD2 trilion hingga USD3 trilion dan berpotensi meningkat sehingga menghampiri USD7 bilion menjelang tahun 2023.

Dalam konteks ini, jelas Yang Berhormat, sektor makanan dan minuman sahaja dianggarkan bernilai lebih daripada USD1.267 trilion pada tahun 2024, di samping perkembangan yang pesat dalam sektor farmaseutikal, komestik apatah lagi pelancongan Islam.

Perkembangan ini secara tidak langsung menjadikan industri halal sebagai salah satu sektor ekonomi yang semakin mendapat perhatian dan pemasarannya

semakin menonjol di bukan sahaja kalangan negara-negara Islam malahan di persada antarabangsa.

"Pada hemat kaola, kepesatan perkembangan ini, Negara Brunei Darussalam (NBD) hendaklah memanfaatkan peluang dengan sebaik-baiknya, apatah lagi negara mempunyai *comparative advantage* dan kekuatan iaitu brand halal dan persijilan Halal Brunei yang diiktiraf dan terkenal di peringkat antarabangsa khususnya dalam kalangan negara-negara Islam.

"Cabarannya, bagaimanakah pendekatan serta rangka pelan tindakan negara yang berstrategik merebut peluang-peluang ini untuk berusaha secara bersungguh sungguh dalam mengembangukan dan memartabatkan industri halal khususnya produk dan Brunei *brand* halal ke persada antarabangsa.

"Ini adalah salah satu daripada usaha kita untuk mempelbagaikan ekonomi yang sejajar dengan aspirasi seperti yang terkandung

di dalam Brunei Economic Blueprint," ujar Yang Berhormat dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan bagi Tahun Kewangan 2026 / 2027 dan Anggaran Kumpulanwang Kemajuan 2026 / 2027 pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 MMN Tahun 2026, bertempat di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Seterusnya Yang Berhormat menaiki perhatian di perspektif pemeraksanaan wakaf sebagai salah satu alternatif instrumen kewangan sosial Islam yang perlu dikembangkan dan diperluaskan kebarigaannya kemanfaatan termasuk perkembangan impak serta meningkatkan sosialisasi masyarakat Islam khususnya dan negara amnya.

Apa yang difahami jelas Yang Berhormat, impak wakaf bukan sahaja menajikan ganjaran pahala dan menjadi amal jariah yang berkekalan bahkan untuk mendatangkan signifikan impak serta kemanfaatan yang meluas kepada masyarakat serta orang awam secara keseluruhannya.

Ujar Yang Berhormat, wakaf ini juga melatih jiwa untuk

bersedekah, mengikis sifat tamak dan mensucikan harta. Kemanfaatan dan khidmat wakaf dapat kita bersama-sama jadikan pengajaran dan juga iktibar sepertimana dalam ayat suci Al-Quran, Surah Al-Baqarah, ayat 261.

"Maksudnya, perumpamaan bagi orang yang mendermakan harta pada jalan Allah ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan buah tangkai. Tiap tiap tangkai itu pula terdapat 100 biji, dan ingatlah Allah akan memperlipat gandakan pahala bagi siapa yang dikehendakinya dan Allah Maha Luas Rahmat kurnianya lagi Maha Mengetahui.

"Lebih-lebih lagi, sekiranya *governance* pengurusan harta wakaf diuruskan secara efektif dan efektif yang belandaskan hukum syarak, sehingga insyaaAllah, mampu menjana *economic return* yang positif tanpa membebankan kedudukan fiskal tahunan kerajaan," terang Yang Berhormat.

Dalam hal ini, tambah Yang Berhormat lagi, beberapa buah negara yang boleh kita jadikan contoh tauladan seperti Republik Turkiye, Malaysia dan Republik Singapura, telah mengorak



AHLI Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof.

langkah ke hadapan dengan mentransformasikan sepenuhnya lebih berinovatif dalam sistem pengurusan wakaf, sehingga menjadikannya sebagai instrumen memperkasakan lagi kebajikan dan kesejahteraan kemasyarakatan sekali gus sebagai pelengkap *value added* yang menjana kepada pembangunan sosial ekonomi negara.

Pada kesimpulannya, wakaf juga berperan menyumbang kepada memperkukuh lagi kedudukan fiskal negara.

Fenomena penurunan kadar kelahiran anak damit wajib diteliti



AHLI MMN, Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 15 Mac. - Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin berkata, dalam perbahasan mengiktiraf dan akur pelbagai usaha yang telah, sedang dan akan dilaksanakan oleh Kerajaan untuk menyediakan belanjawan tahunan yang bertema 'Bersama Menjayakan Wawasan Brunei 2035'.

Menyentuh mengenai golongan anak muda daripada belanjawan ini, Yang Berhormat berkata sering kali terdengar tanggapan bahawa belia *kitani* terlalu memilih pekerjaan, namun perbualan bersama dengan ramai anak muda, menunjukkan gambaran yang berbeza.

"Ramai di antara mereka sebenarnya berusaha memohon pelbagai peluang untuk mencari pekerjaan dengan harapan untuk mendapatkan apa-apa saja jenis pekerjaan, sama ada kerja

sementara dalam *gig* atau membuka *pop-up business*.

"Bukan saja untuk menyara hidup sendiri, tapi untuk berhasrat menyumbangkan, membalas baik budi ibu bapa yang telah banyak berkorban untuk mereka, agar mereka tidak terus menjadi beban. Mereka juga ingin menyumbang secara bermakna kepada keluarga, masyarakat dan negara," ujar Yang Berhormat dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan bagi Tahun Kewangan 2026 / 2027 dan Anggaran Kumpulanwang Kemajuan 2026 / 2027 pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 MMN Tahun 2026, bertempat di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Pada masa yang sama, tambah Yang Berhormat, *kitani* juga melihat bahawa ramai anak muda hari ini menanggukkan perkahwinan dan daripada membentuk keluarga baharu.

Kongsi Yang Berhormat lagi, salah satu faktor yang mungkin menyumbang kepada keadaan ini ialah tidak kepastian dari segi ekonomi dan ketidakstabilan pekerjaan mereka.

Perkara ini dapat dilihat melalui penurunan kadar kelahiran secara beransur-ansur yang telah menurut statistik daripada Department of Economic Planning and Statistics, jumlah kelahiran yang didaftarkan telah menurun dari 6,500 kelahiran pada tahun 2020 kepada 5,360 kelahiran pada tahun 2024 iaitu penurunan sebanyak 1,139 anak damit.

"Dengan pengurangan paling ketara berlaku antara tahun 2023 dan 2024 di mana menurun sebanyak 931 kelahiran. *Feedback* daripada beberapa

pasangan muda beralasan utama adalah keadaan tahap ekonomi, memikirkan sama ada mereka mampu menyediakan kualiti kehidupan kepada anak-anak mereka seperti yang mereka nikmati semasa membesar dulu," terang Yang Berhormat.

Sekiranya fenomena penurunan kadar kelahiran anak damit ini berterusan, Yang Berhormat menambah, ia berpotensi menimbulkan cabaran kepada kelestarian negara pada masa depan termasuk dari sudut kesinambungan generasi dan identiti kebangsaan.

Yang Berhormat juga mengambil maklum pengumuman Elaun Anak Damit sebagai pengganti kepada bantuan *pampers* anak damit sebagai langkah ini adalah merupakan satu pendekatan yang bijak, kerana dapat sedikit membantu keluarga muda serta menggalakkan mereka merancang kewangan bagi keperluan anak-anak mereka.

Namun persoalannya, sejauh manakah inisiatif ini mampu mengurangkan kebimbangan pasangan muda yang memulakan atau menambah saiz keluarga mereka? Oleh itu faktor-faktor yang menyumbang kepada fenomena penurunan kadar kelahiran anak damit wajib diteliti supaya langkah-langkah yang lebih bersesuaian dapat ditimbangkan.

Walaupun ujar Yang Berhormat, kerajaan telah memperkenalkan pelbagai inisiatif untuk mengurangkan kadar pengangguran dan kemajuan telah dicapai dengan penurunan kepada 5 per cent pada tahun 2025, angka ini masih menunjukkan keadaan yang agak amat mendatar dalam beberapa

tahun kebelakangan ini.

"Dalam hal ini, prospek 3,000 pekerjaan baru dari 18 FDI yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri kelmarin membawa berita yang menggembirakan. *No doubt* anak *kitani* masa *ani* sibuk mencari internet di mana mereka akan dapat melayar untuk memohon jawatan-jawatan yang akan diiklankan. Tetapi, jumlah pekerjaan baru ini masih belum dapat menangani isu *underemployment* *unemployment* dalam kalangan mereka.

"Apakah langkah perubahan yang lebih besar atau *state change* yang boleh diperkenalkan bagi penciptaan mencepatkan pekerjaan serta meningkatkan penyertaan tenaga kerja dalam kalangan belia pada anak muda? Sebahagian besar daripada mereka yang mencari pekerjaan ini adalah golongan muda yang berpendidikan tinggi," jelas Yang Berhormat.

Yang Berhormat juga ingin menyentuh sedikit mengenai realiti pekerjaan dalam kalangan belia pada masa ini, pekerjaan *gig* dan menggunakan pelbagai pekerjaan sambilan (*multiple part time jobs*) semakin menjadi sebahagian daripada realiti pasaran pekerjaan.

Oleh itu, tambah Yang Berhormat, mungkin sudah tiba masanya untuk menilai bagaimana sektor ini boleh disokong secara lebih tersusun. Dengan sokongan yang tersusun, Yang Berhormat berpendapat bahawa sektor *gig* dan pekerjaan sambilan ini berpotensi berkembang sebagai pilihan alternatif, pekerjaan-pekerjaan yang lebih formal, dilindungi dan mampan pada masa hadapan.

Selama ini dasar negara banyak menggalakkan belia

untuk mendapatkan pendidikan setinggi mungkin. Kerajaan telah melabur dengan besar dalam menyediakan akses kepada pendidikan serta peluang kemajuan akademik. Kejayaan individu sering kali diukur melalui tahap pencapaian pendidikan.

Namun, terang Yang Berhormat, kenyataan masa kini menyaksikan generasi muda yang berpendidikan tinggi ada Masters dan ada yang Doctorate yang bersedia dan ingin menyumbang, tapi masih menghadapi cabaran untuk menterjemahkan kelayakan akademik mereka kepada peluang pekerjaan yang bermakna dan mampan. Mungkin perkara ini mengajak *kitani* untuk menilai semula, sama ada penekanan dasar *kitani* perlu berkembang secara berperingkat.

"Daripada memberi tumpuan kepada pencapaian kelayakan akademik semata-mata, kepada mengukuhkan mekanisme yang secara aktif kepada program-program yang panjang atau pendek untuk memudahkan penciptaan pekerjaan serta menyerapkan tenaga kerja tempatan.

"Pencapaian pendidikan akan sentiasa menjadi teras utama, namun semakin penting juga untuk memastikan fokus pendidikan dihubungkan dengan secara langsung dengan peluang ekonomi dan mendapat pekerjaan. Mungkin satu indikator yang perlu dinilai kecemerlangan sesuatu institusi pendidikan bukan sahaja dikira berapa banyak graduan tetapi berapa banyak graduan yang lulus mendapat pekerjaan," jelas Yang Berhormat lagi.

MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-22 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



PELAKSANAAN CBA, CIA DUKUNG KESTABILAN MONETARI, KEDAYATAHANAN EKONOMI NEGARA

Oleh : Marlinawaty Hussin

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 15 Mac. - Dasar penetapan nilai matawang Negara Brunei Darussalam (NBD) kepada dolar Republik Singapura kekal menjadi salah satu asas penting dalam memastikan kestabilan monetari negara.

Penetapan tersebut adalah berasaskan rangka dasar monetari negara ini yang terdiri daripada dua komponen utama iaitu Lembaga Mata Wang ataupun Currency Board Arrangement (CBA) dan perjanjian kesalingbolehtukaran matawang ataupun Currency Interchangeability Agreement (CIA) di antara NBD dengan Republik Singapura yang telah berkuat kuasa sejak 12 Jun 1967.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah menjelaskan perkara itu semasa menjawab soalan yang dikemukakan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin

Pengiran Haji Aliuddin mengenai matawang NBD kepada dolar Republik Singapura serta mekanisme dan dasar yang dilaksanakan untuk mempertahankan nilai mata wang NBD agar kekal dan kalis inflasi, pada hari keempat Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 MMN Tahun 2026, di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, hari ini.

Menurut Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, dari prospektif jangka panjang, dasar-dasar CBA dan CIA tersebut masih relevan memandangkan objektif utamanya adalah untuk mengekalkan kestabilan nilai matawang serta memperkukuhkan keyakinan pasaran melalui penetapan kadar satu ke satu antara matawang NBD dan dolar Republik Singapura.

Perjanjian ini terangnya, telah menyediakan asas kestabilan yang konsisten khususnya bagi

sebuah ekonomi kecil dan terbuka seperti NBD, di mana kestabilan kadar pertukaran ini turut menyokong aktiviti-aktiviti perdagangan dan pelaburan dua hala secara lancar dengan mengurangkan risiko pertukaran asing dengan urus niaga rentas sempadan terutamanya dengan Republik Singapura sebagai rakan dagang utama.

Perjanjian tersebut, kata Yang Berhormat, membantu meningkatkan keyakinan pelabur serta menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara.

"Dari segi kestabilan harga domestik, dasar monetari negara ini juga telah membantu mengekalkan kadar inflasi yang rendah dan stabil di jangka masa panjang.

"Secara pro rata kadar inflasi NBD adalah rendah dan terkawal iaitu di bawah satu peratus tahun ke tahun bagi tempoh 1986 hingga 2025 dan sekali gus membantu memelihara kuasa beli pengguna dan kesejahteraan isi rumah," ujar Yang Berhormat.

Selain itu, Yang Berhormat menambah, sebagai sebuah ekonomi yang mengimport sebahagian besar barangan dan perkhidmatan dari pasaran luar,

YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

adanya kestabilan dan kekukuhan matawang merupakan faktor penting dalam memastikan kepercayaan pembayaran luar negara serta bagi mengurangkan tekanan kos import.

Dasar ini diperkukuh lagi dengan subsidi dan kawalan harga pentadbiran yang mana turut membantu dalam menstabilkan harga domestik.

"Strategi ini seterusnya meningkatkan keyakinan kepada pengguna, memperkukuh kedayatahan ekonomi dan membantu memastikan kos barangan keperluan termasuk makanan dapat dikawal pada tahap yang terkawal dan mampan demi kesejahteraan rakyat," kata Yang Berhormat.

Walaupun terdapat perbezaan dari segi struktur dan had tahap daya saing ekonomi di antara kedua-dua negara, kata Yang Berhormat, pelaksanaan CBA dan CIA telah terbukti berfungsi sebagai mekanisme yang menyokong kestabilan monetari



dan kedayatahan ekonomi negara.

Yang Berhormat menambah, kestabilan berkenaan menjadi asas penting dalam usaha mempelbagaikan ekonomi serta memperkukuhkan pertumbuhan jangka panjang.

"Secara keseluruhannya, selagi perjanjian ini terus menyumbang kepada kestabilan harga keyakinan pelabur dan kelancaran perdagangan, dasar polisi NBD adalah kekal relevan dalam menyokong kepentingan ekonomi untuk jangka panjang," terangnya.

Manfaatkan kerjasama perubahan iklim peringkat ASEAN

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 15 Mac. - Kelestarian dan peralihan tenaga bukan lagi isu sampingan, bahkan ia semakin menjadi sebagai faktor daya saing ekonomi.

Negara Brunei Darussalam mempunyai kelebihan tersendiri dalam hal ini melalui kekayaan hutan semula jadi serta komitmen yang tinggi terhadap pemeliharaan alam sekitar.

Aset semula jadi ini bukan saja menyumbang usaha mitigasi perubahan iklim tapi juga berpotensi menjadi asas kepada pembangunan ekonomi negara melalui penyelesaian berdasarkan alam semula jadi.

Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin menyatakan perkara tersebut dalam Perbahasan Rang

Undang-undang Perbekalan Tahun Kewangan 2026/2027 pada hari keempat Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 MMN Tahun 2026, di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, hari ini.

Dalam hal ini, Yang Berhormat ingin melihat peluang negara sebagai pusat kerjasama perubahan iklim di rantau ini dimanfaatkan secara lebih fokus, bukan hanya sebagai reputasi tetapi sebagai platform yang melahirkan projek, pelaburan, pekerjaan baharu dan pemindahan teknologi.

"Soalan kaola, apakah projek-projek ekonomi hijau yang benar-benar tersedia untuk ditawarkan kepada pelabur? Dan apakah mekanisme koordinasi rentas agensi untuk memastikan pelaksanaannya pantas dan konsisten?" soal Yang Berhormat.

Yang Berhormat menambah, seperti yang telah dititahkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengenai potensi



SEKITAR Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 MMN Tahun 2026 yang memasuki hari keempat.

negara untuk memainkan peranan dalam kerjasama perubahan iklim di peringkat ASEAN, peluang tersebut boleh dimanfaatkan untuk memperkukuh kerjasama serantau dalam penyelidikan serta pembangunan ekonomi mampan.

"Di samping itu, kestabilan negara, kedudukan geografi serta penggunaan bahasa Inggeris yang meluas juga merupakan antara faktor yang boleh menyokong usaha menarik kerjasama ekonomi dan pelaburan antarabangsa," ujar Yang Berhormat.

Dalam memastikan keberkesanan pelaksanaan Dasar Negara, transformasi budaya kerja dalam Perkhidmatan Awam juga merupakan faktor yang sangat penting.

Budaya kerja yang meningkatkan produktiviti, akauntabiliti dan integriti serta

pencapaian hasil perlu terus diperkukuhkan supaya setiap dasar kerajaan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

"Pada masa yang sama, keterbukaan untuk menerima pandangan dan maklum balas dari pelbagai pihak termasuk rakyat juga adalah penting dalam memastikan dasar-dasar yang dilaksanakan benar-benar memberi manfaat kepada masyarakat," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat turut menyentuh realiti sosial rakyat dengan menekankan bahawa kekuatan ekonomi bukan hanya dinilai pada kadar pertumbuhan tetapi pada sejauh manakah manfaat pembangunan dirasakan secara adil.

"Jika jurang pendapatan melebar, *Gini coefficient*, tekanan

kos sara hidup meningkat dan peluang pekerjaan yang berpendapatan wajar tidak mencukupi maka ia akan mencetus kesan berantai, *chain effect*, peningkatan permohonan bantuan, tekanan rumah tangga dan risiko sosial yang lain," terang Yang Berhormat.

Yang Berhormat juga menekankan kepentingan memperkukuh perlindungan sosial termasuk sokongan kepada keluarga yang terjejas khususnya wanita dan kanak-kanak.

Dalam era digital tegasnya, ancaman baharu seperti eksploitasi dalam talian, penyalahgunaan teknologi dan bentuk penderaan yang baharu, memerlukan pendekatan yang lebih menyeluruh dari segi perundangan, penguatkuasaan koordinasi agensi serta kesedaran masyarakat.



AHLI Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin.

MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-22 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



SEKTOR PERTANIAN, AKUAKULTUR BERPOTENSI MEMACU EKONOMI STRATEGIK NEGARA



AHLI Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Lau How Teck.

Undang-undang Perbekalan Tahun Kewangan 2026/2027 pada hari keempat Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 MMN Tahun 2026, di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, hari ini.

Dalam hubungan ini, Yang Berhormat melihat bahawa sektor pertanian dan akuakultur mempunyai potensi yang semakin signifikan untuk berkembang sebagai salah satu sektor ekonomi strategik negara.

"Kaola mengambil maklum melalui pembentangan Usul Ketetapan Kumpulanwang Kemajuan bahawa beberapa projek telah disediakan peruntukan bagi memperkukuhkan sektor pertanian dan akuakultur.

"Antara rancangan pembangunan industri ternakan bagi menjana pengeluaran industri ternakan undang fasa empat, serta projek memajukan tapak-tapak industri akuakultur yang bertujuan meningkatkan aktiviti perekonomian dalam

negara.

"Pada pandangan kaola, projek-projek seperti ini bukan sahaja menyumbang kepada pengeluaran makanan domestik tetapi juga mempunyai potensi yang besar untuk menjana peluang ekonomi baharu kepada Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana dalam sektor makanan," kata Yang Berhormat.

Di samping itu, Yang Berhormat juga mengambil maklum mengenai projek Brunei Aquaculture Innovation Centre yang akan menjadi pusat penyelidikan dan inovasi bagi memperkukuhkan pembangunan industri akuakultur negara.

"Pada pandangan kaola, penyediaan infrastruktur penyelidikan seperti ini amat penting bagi memastikan sektor makanan negara mampu berkembang secara lebih moden, produktif dan berdaya saing," ujar Yang Berhormat.

Dalam konteks pembangunan ekonomi negara, sektor makanan tidak lagi dilihat dari sudut sekuriti makanan semata-mata tetapi semakin berpotensi untuk berkembang sebagai industri ekonomi bernilai tinggi.

Dengan adanya pembangunan rantaian nilai yang lebih menyeluruh meliputi pengeluaran,

Oleh : Marlinawaty Hussin

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

pemprosesan, logistik serta pemasaran, sektor berkenaan berpotensi untuk berkembang sebagai salah satu sektor ekonomi yang menyumbang kepada mempelbagaian ekonomi Brunei.

"Kaola mengambil maklum bahawa kerajaan turut menyediakan peruntukan bagi menaik taraf infrastruktur asas seperti projek menggantikan paip-paip serta menaikkan taraf loji-loji di lautan, air bagi meningkatkan asas kepada bekalan air bersih kepada rakyat serta memastikan kesediaan infrastruktur bagi menyokong tapak-tapak industri.

"Kemudahan asas seperti ini amat penting dalam memastikan sektor industri dan perusahaan tempatan dapat berkembang dengan lebih lancar serta mampu menarik lebih banyak pelaburan ke negeri ini," ujar Yang Berhormat.

Di samping itu, Yang Berhormat turut mengambil maklum mengenai projek infrastruktur yang menyokong aktiviti perindustrian termasuk pembinaan jejambat di persimpangan Lebuhraya

Muara-Tutong, di Kawasan Perindustrian Tanjong Kajar yang bertujuan untuk memperkukuhkan asas kepada kawasan perindustrian serta menyokong aktiviti perusahaan dan tempatan.

"Pada pandangan kaola, pembangunan infrastruktur seperti ini amat signifikan kerana ini bukan sahaja memudahkan aktiviti ekonomi tetapi juga turut menyumbang kepada peningkatan kecekapan logistik dan pergerakan barang.

"Secara keseluruhannya, kaola melihat bahawa projek pembangunan dan yang dirancang melalui Kumpulanwang Kemajuan ini mempunyai potensi besar untuk menyokong pertumbuhan ekonomi negara serta membuka lebih banyak peluang kepada rakyat untuk turut serta dalam aktiviti ekonomi," kata Yang Berhormat.

Dengan penyelarasan yang kukuh antara kementerian, sektor swasta serta para pengusaha tempatan, Yang Berhormat percaya usaha-usaha tersebut akan dapat memberikan kesan limpahan ekonomi yang lebih luas kepada negara.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 15 Mac. - Perbelanjaan kerajaan sememangnya memainkan peranan penting dalam memastikan kelangsungan pentadbiran negara serta menyediakan perkhidmatan kepada rakyat.

Namun demikian, pertumbuhan ekonomi negara, dalam jangka masa panjang, juga perlu diperkukuhkan melalui perkembangan sektor swasta serta pembangunan industri domestik yang lebih dinamik.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Lau How Teck dalam Perbahasan Rang



AHLI MMN, Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, Ketua Kampung Putat.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 15 Mac. - Belanjawan Negara bagi Tahun Kewangan 2026/2027 dilihat sebagai tempoh penting dalam usaha merealisasikan Wawasan Brunei 2035 khususnya apabila ia merupakan sebahagian daripada perancangan fiskal lima tahun terakhir menuju sasaran tersebut.

Perkara demikian dinyatakan Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, Ketua Kampung Putat, dalam Perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan Tahun Kewangan 2026/2027 pada hari keempat Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 MMN Tahun 2026, di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, hari ini.

Menurut Yang Berhormat, apa yang juga jelas daripada pembentangan Rang Undang-undang Perbekalan petang semalam ialah bahawa kerajaan terus memberi penekanan kepada pengukuhan asas ekonomi negara dengan peningkatan kesejahteraan rakyat serta pembangunan infrastruktur dan perkhidmatan awam sebagai pemacu utama pembangunan negara.

"Sebagai wakil daerah, kaola

Pembangunan infrastruktur, perkhidmatan awam asas pembangunan negara

melihat pendekatan ini amat penting kerana pembangunan negara pada akhirnya akan diukur bukan saja melalui angka pertumbuhan ekonomi tetapi juga melalui sejauh mana rakyat di peringkat masyarakat dapat menikmati manfaat pembangunan tersebut," ujar Yang Berhormat.

Dalam pembentangan Rang Undang-Undang Perbekalan, terang Yang Berhormat, telah ditegaskan bahawa usaha mempelbagai ekonomi negara akan terus diperkukuh melalui pelaburan strategik serta pembangunan sektor-sektor yang mempunyai potensi untuk menjana pertumbuhan ekonomi yang mampan.

Yang Berhormat berpendapat bahawa usaha tersebut sangat signifikan kerana keadaan ekonomi global yang tidak menentu, dan negara perlu terus memastikan bahawa asas ekonominya sentiasa kukuh dan berdaya tahan.

Namun pada masa yang sama, usaha pembangunan ekonomi ini tambahnya, juga perlu memastikan bahawa manfaatnya dapat dirasakan oleh rakyat secara lebih meluas termasuk di kawasan-kawasan penempatan dan daerah-daerah di seluruh negara.

"Kaola sering mendengar harapan masyarakat supaya pembangunan negara bukan saja tertumpu kepada pusat-pusat ekonomi tertentu tetapi turut memberikan peluang kepada masyarakat di pelbagai kawasan untuk turut serta dalam aktiviti ekonomi negara.

"Selain daripada itu, kaola juga

mengambil maklum bahawa Rang Undang-Undang Perbekalan tahun ini memberikan penekanan kepada kepentingan penyediaan kemudahan asas dan infrastruktur yang berkualiti sebagai sebahagian daripada usaha meningkatkan kesejahteraan rakyat.

"Perkara ini sangat penting kerana kemudahan asas seperti jalan raya, bekalan air bersih, tenaga dan kemudahan awam merupakan antara faktor utama yang menyokong kesejahteraan hidup masyarakat," jelas Yang Berhormat.

Sebagai wakil daerah, Yang Berhormat melihat secara langsung bahawa kemudahan sedemikian memainkan peranan yang besar dalam memastikan kehidupan masyarakat di kawasan-kawasan penempatan dapat berjalan dengan lebih selesa dan teratur.

"Dalam hubungan ini kaola mengambil maklum bahawa melalui peruntukan wang kemajuan, kerajaan telah merancang pelbagai projek pembangunan yang bertujuan meningkatkan kemudahan kepada rakyat.

"Sebagai contoh, Projek Perumahan Negara Kampung Tanah Jambu Fasa 7 yang sedang dilaksanakan akan menyediakan lebih banyak peluang kepada rakyat untuk memiliki tempat kediaman sendiri.

"Pada pandangan kaola, penyediaan perumahan seperti ini amat penting kerana rumah merupakan antara keperluan asas yang sangat signifikan dalam kehidupan rakyat.

"Dengan adanya peluang untuk

memiliki tempat kediaman sendiri, ia bukan saja memberikan keselesaan kepada keluarga bahkan turut membantu membentuk komuniti yang lebih stabil dan harmoni," ujar Yang Berhormat lagi.

Di samping itu, Yang Berhormat juga mengambil maklum mengenai pembinaan masjid baharu di Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Rimba, RPN Kampung Lumut dan RPN Kampung Lugu yang akan memberikan kemudahan ibadat yang lebih selesa kepada penduduk di kawasan-kawasan tersebut.

Bagi masyarakat setempat, masjid bukan sahaja berfungsi sebagai tempat ibadat dan penyebaran Syiar Islam tetapi juga menjadi pusat kegiatan masyarakat yang memainkan peranan penting dalam memperkukuhkan hubungan silaturahmi serta nilai-nilai kemasyarakatan.

Selain daripada projek-projek yang berkaitan dengan kesejahteraan masyarakat, Yang Berhormat turut mengambil maklum bahawa pembentangan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II turut menyebut beberapa projek infrastruktur yang bertujuan menyokong perkembangan ekonomi negara.

Antaranya ialah projek pembinaan jejambat di persimpangan Lebuhraya Muara-Tutong di Kawasan Perindustrian Tanjong Kajar.

"Pada pandangan kaola, projek seperti ini amat penting kerana infrastruktur jalan raya yang baik

bukan saja memudahkan pergerakan orang ramai bahkan turut memainkan peranan besar dalam menyokong perkembangan aktiviti ekonomi dan perusahaan.

"Dalam masa yang sama kaola juga mengambil maklum mengenai projek menaiktaraf sistem bekalan air termasuk penggantian paip-paip serta penambahbaikan loji rawatan air bagi meningkatkan akses kepada bekalan air bersih. Kemudahan seperti ini sangat signifikan kerana bekalan air bersih merupakan antara keperluan asas yang memberi kesan secara langsung kepada kesejahteraan kehidupan masyarakat," ujar Yang Berhormat.

Secara keseluruhannya, Yang Berhormat melihat bahawa Rang Undang-Undang Perbekalan serta projek-projek pembangunan yang dirancang melalui Kumpulanwang Kemajuan ini menunjukkan komitmen berterusan kerajaan untuk memastikan pembangunan negara terus bergerak ke hadapan.

"Kaola amat berharap agar pelaksanaan projek-projek pembangunan ini akan terus dilaksanakan dengan cekap dan teratur supaya manfaatnya dapat dirasakan oleh rakyat dalam tempoh yang sepatutnya.

"Dengan adanya perancangan yang berterusan dan penyediaan kemudahan awam yang lebih baik, kaola percaya rakyat akan dapat menikmati kehidupan yang lebih selesa di samping membuka lebih banyak kepada masyarakat untuk turut serta dalam pembangunan ekonomi negara," terang Yang Berhormat.

MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-22 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



SENTIASA MENGUKUHKAN HUBUNGAN KERAJAAN, MASYARAKAT BAGI MENGHASILKAN IMPAK MENYELURUH

Oleh : Hezlinawati Haji Abd. Karim
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said, Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 14 Mac. – Jabatan Perdana Menteri (JPM) melalui Jabatan Perkhidmatan Pengurusan (MSD) telah pun memperkenalkan Pelaksanaan Pendekatan Awam atau Regular Public Engagement (RPE) oleh agensi-agensinya kerajaan sejak tahun 2018 melalui Surat Keliling JPM bilangan 6/2018.

Pelaksanaan ini turut disokong dengan garis panduan pendekatan awam yang bertujuan untuk menggalakkan penglibatan pihak berkepentingan merangkumi semua golongan yang terkesan atau mempunyai kepentingan terhadap sesuatu dasar termasuk golongan belia dan usahawan sebagaimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat secara lebih bersistematis dan berkesan.

Demikian dijelaskan oleh Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yusof ketika menjawab

pertanyaan yang diajukan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan, Ketua Kampung Sengkarai, Daerah Tutong mengenai dasar belia pada hari ketiga Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 MMN bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi

"PENDEKATAN awam turut disokong melalui Program Sua Muka yang dilaksanakan oleh Jabatan Penerangan bersama penduduk-penduduk kampung berfungsi sebagai platform perhubungan dua hala antara kerajaan dan masyarakat setempat bagi berkongsi dasar, isu semasa serta menangani keperluan penduduk kampung. Manakala Program Masyarakat Bermaklumat (PMB) adalah sebagai salah satu wadah kerajaan untuk membarigakan mesej-mesej utama kerajaan terutama sekali yang menyentuh dasar dan inisiatif terkini bagi mempertingkatkan kefahaman orang ramai terutama sekali di peringkat akar umbi sekali gus menjadi platform untuk memperkukuhkan penglibatan masyarakat untuk mendapatkan isu, pandangan dan cadangan penambahbaikan," jelas Yang Berhormat.

yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Selain itu, jelas Yang Berhormat, melalui Jabatan Perkhidmatan Pengurusan juga akan sentiasa memperkukuhkan lagi RPE serta meningkatkan penglibatan pihak berkepentingan dan orang ramai termasuk meneroka penggunaan platform digital sebagai wadah penglibatan yang lebih terbuka

dan telus.

"Pendekatan awam turut disokong melalui Program Sua Muka yang dilaksanakan oleh Jabatan Penerangan bersama penduduk-penduduk kampung berfungsi sebagai platform perhubungan dua hala antara kerajaan dan masyarakat setempat bagi berkongsi dasar, isu semasa serta menangani keperluan penduduk kampung.

"Manakala Program Masyarakat Bermaklumat (PMB) adalah sebagai salah satu wadah kerajaan untuk membarigakan mesej-mesej utama kerajaan terutama sekali yang menyentuh dasar dan inisiatif terkini bagi mempertingkatkan kefahaman orang ramai terutama sekali di peringkat akar umbi sekali gus menjadi platform untuk memperkukuhkan penglibatan masyarakat untuk mendapatkan isu, pandangan dan cadangan penambahbaikan," jelas Yang Berhormat.

Sebagai nilai tambah, Yang Berhormat seterusnya berkata antara lain program di bawah Jabatan Penerangan yang melibatkan golongan belia adalah seperti Program Perkampungan



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II.

Sivik bagi lepasan ijazah bagi golongan belia dan lepasan ijazah dan Rakan Remaja Penerangan bagi para penuntut Tahun 9 dan 10 di sekolah-sekolah kerajaan dan swasta di seluruh negara.

Di samping itu, kata Yang Berhormat lagi, kerjasama dengan sektor-sektor di luar kerajaan seperti sektor swasta akan turut ditekankan melalui Jawatankuasa Transformasi Perkhidmatan Awam (JTPA) mengikut kesesuaian perkara-perkara yang dibincangkan dalam memastikan penyelarasan dasar dan strategi secara rentas sektor serta menghasilkan impak yang menyeluruh.

Melaksanakan projek kemajuan negara dengan progresif, inovatif



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 14 Mac. – Pada persidangan hari ketiga Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah telah membentangkan Usul Ketetapan

Kumpulanwang Kemajuan.

Yang Berhormat mencadangkan usul di atas nama Yang Berhormat dalam Susunan Urusan yang berbunyi, "Majlis ini dengan ini membuat ketetapan seperti yang dikehendaki oleh Bab 4(2) Akta Kumpulanwang Kemajuan [Penggala 136] bahawa perbelanjaan sejumlah BND480,000,000 untuk dibenarkan, diperuntukkan dan dipohonkan dari Kumpulanwang Kemajuan untuk maksud-maksud tersebut di bawah ini dan disebutkan dalam Anggaran Belanjawan Kemajuan 2026/2027, dibentangkan sebagai Usul Ketetapan Kumpulanwang Kemajuan."

Terdahulu, Yang Berhormat menyebarkan setinggi-tinggi menjunjung kasih atas kurnia titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Majlis Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 MMN Bagi Tahun 1447H/2026M antaranya bagi mengambil tindakan pelaksanaan yang lebih agresif ke arah Matlamat Wawasan Brunei 2035 untuk membina sebuah negara yang progresif dan

berpandangan jauh yang mengimbangi inovasi dengan kelestarian kewangan serta terus menjamin kesejahteraan rakyat.

Pada menjunjung titah-titah nasihat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tersebut jelas Yang Berhormat, kerajaan akan terus berusaha untuk melaksanakan projek-projek kemajuan negara yang akan membentuk masa depan negara yang progresif, inovatif dan seterusnya menjamin kesejahteraan rakyatnya di samping membangun sektor-sektor baharu berpandukan kepada matlamat-matlamat Wawasan Brunei 2035.

Yang Berhormat dalam pada itu mengongsikan peningkatan progres pembangunan projek di bawah Rancangan Kemajuan Negara Ke-12 (RKN12) yang setakat 2 Mac 2026 sebanyak BND254.3 juta, iaitu 53 peratus daripada BND480 juta yang diperuntukkan pada Tahun Kewangan 2025/2026 telah dibelanjakan. Manakala sebanyak 30 buah projek telah siap dilaksanakan dan sebanyak 78 buah projek dalam pelaksanaan.

Sementara itu terang Yang Berhormat, sebanyak 68 projek dalam tawaran, 91 projek masih dalam peringkat reka bentuk, 37 projek dalam peringkat

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said, Azmah Haji Ahad

perancangan, dan satu projek telah dibatalkan. Projek-projek yang siap antaranya adalah projek-projek yang mendukung kluster pendidikan, kemajuan sosial, perumahan, mengukuhkan kelestarian alam sekitar, mengukuhkan sekuriti makanan dan bagi memajukan industri pelancongan.

Yang Berhormat menambah langkah ke tahun ketiga RKN12, progres projek-projek yang dalam pelaksanaan meningkat di mana 78 projek sedang dalam pelaksanaan berbanding dengan 65 projek pada

tahun kewangan lepas.

"Dalam hubungan ini, dengan peruntukan Tahun Kewangan 2026/2027 yang disediakan sejumlah BND480 juta yang mana telah pun dicadangkan dan dipersetujui bersama dengan semua Kementerian semasa Mesyuarat Jawatankuasa Belanjawan Negara, diharap akan dapat memacu progress projek-projek yang sudah dan akan berjalan dengan lebih cekap dan cepat serta menunjukkan peningkatan yang ketara pada masa akan datang," ujar Yang Berhormat lagi.



ANTARA yang hadir pada hari ketiga Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 Majlis Mesyuarat Negara bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi.

MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-22 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



PASTIKAN PERBELANJAAN AWAM DIURUS CEKAP, BERIMPAK TINGGI, BERORIENTASIKAN HASIL

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said, Azmah Haji Ahad

>> Muka 1

Yang Berhormat mengongsikan, BND6.3 bilion Belanjawan Negara yang dicadangkan tersebut adalah untuk membiayai perbelanjaan negara menurut kategori-kategori iaitu BND2.31 bilion (36.7 peratus) untuk membiayai 'Emolumen' termasuk pembayaran gaji, faedah perkhidmatan, kemudahan-kemudahan lain dan caruman majikan.

Seterusnya, BND2.45 bilion (38.8 peratus) untuk membiayai Perbelanjaan Berulang-ulang Kementerian dan Jabatan Kerajaan manakala BND480

juta untuk membiayai projek-projek pembangunan di bawah Rancangan Kemajuan Negara (RKN) 12, dengan Harga Rancangan sejumlah BND4 bilion dan selebihnya untuk membiayai perbelanjaan di bawah tajuk Perbelanjaan Yang Di-Akui.

Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II turut menjelaskan bahawa negara juga berhadapan dengan persekitaran global yang semakin mencabar.

"Ketidaktentuan ekonomi dunia yang dipengaruhi oleh ketegangan geopolitik terkini termasuk di Timur Tengah,

perubahan struktur perdagangan global, dan prospek pertumbuhan global yang sederhana serta cabaran perubahan iklim memerlukan kerajaan untuk bertindak secara berwaspada dan strategik. Oleh itu, keupayaan negara untuk mengekalkan kestabilan makroekonomi dan kedayatahan fiskal adalah amat penting," ujar Yang Berhormat.

Oleh itu, tambah Yang Berhormat, Rang Anggaran Belanjawan ini memberikan penekanan khusus kepada agenda fiskal mampan, dengan memastikan perbelanjaan awam diurus secara lebih cekap, berimpak tinggi dan berorientasikan hasil.

Dalam masa yang sama,

kerajaan akan meneruskan Program Fiscal Consolidation termasuk penambahbaikan tadbir urus kewangan awam, peningkatan kecekapan penyampaian perkhidmatan kerajaan serta pengukuhan peranan sektor swasta sebagai pemacu pertumbuhan ekonomi.

"Pendekatan ini adalah penting bagi memastikan daya tahan fiskal negara dalam jangka sederhana dan panjang, serta bagi mewujudkan ruang fiskal yang mencukupi untuk menyokong keperluan pembangunan dan generasi masa hadapan.

"Kebergantungan berlebihan kepada sumber minyak dan gas sahaja bukanlah pendekatan yang mampan dalam jangka



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

panjang. Oleh itu, kerajaan akan terus berusaha ke arah kepelbagaian ekonomi dan pengukuhan sektor bukan minyak dan gas," tegas Yang Berhormat.

Ekonomi negara catat pertumbuhan 0.7 peratus tahun 2025

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 14 Mac. - Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) negara bagi Tahun 2025 telah mencatatkan peningkatan sebanyak 0.7 peratus tahun-ke-tahun.

Peningkatan ini terutamanya didorong oleh peningkatan sektor minyak dan gas sebanyak 3.1 peratus, selaras dengan peningkatan pengeluaran minyak mentah dan Gas Cecair Asli (LNG).

Manakala sektor bukan minyak dan gas mencatatkan penurunan sebanyak 1.5 peratus, terutamanya disumbangkan oleh penurunan beberapa subsektor utama, termasuk Kewangan; Lain-lain Pembuatan dan Perkhidmatan Kesihatan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah

mengongsikan perkara tersebut dalam pembentangan Rang Undang-undang Perbekalan Tahun 2026 / 2027 pada hari ketiga Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) Tahun 2026, bertempat di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, hari ini.

Bagi sektor perdagangan borong dan runcit, seperti kebanyakan negara lain, cabaran pada tahun 2025 turut dialami, selaras dengan perubahan corak permintaan dan tabiat pengguna.

Perkembangan pesat perdagangan dalam talian telah mendorong peralihan kepada platform digital yang menawarkan kemudahan, pilihan lebih luas dan harga yang kompetitif.

Walaupun bagaimanapun, jelas Yang Berhormat, beberapa subsektor turut mencatatkan pertumbuhan positif,

terutamanya Subsektor Perkhidmatan Pendidikan, Pengangkutan Udara dan Pengangkutan Air.

Perkembangan ini menunjukkan potensi besar untuk terus diperkukuh dan dimajukan, terutamanya melalui peningkatan kecekapan operasi, pemodenan perkhidmatan serta penggunaan teknologi yang lebih meluas bagi memenuhi permintaan masa hadapan.

Yang Berhormat menjelaskan, walaupun pertumbuhan pada tahun ini adalah sederhana, keadaan ini dipengaruhi oleh kesan asas yang tinggi pada tahun sebelumnya. Oleh itu, prestasi ekonomi perlu dinilai dalam konteks trend jangka panjang bagi mendapatkan gambaran yang lebih menyeluruh.

Bagi tempoh di antara tahun 2015 hingga tahun 2025, ujar Yang Berhormat, KDNK mencatat pertumbuhan purata sebanyak 0.6 peratus setahun, dengan sektor bukan minyak dan gas mencatat peningkatan purata sebanyak 2.7 peratus setahun. Ini menunjukkan bahawa dalam jangka panjang, ekonomi negara, khususnya sektor bukan minyak dan gas, telah menunjukkan perubahan positif secara beransur-ansur.

"Bagi memastikan ekonomi kekal stabil dan berkembang, keutamaan strategik terus diberikan kepada pengukuhan dan kepelbagaian sektor bukan minyak dan gas melalui lima sektor keutamaan, iaitu hiliran minyak dan gas, makanan,

perkhidmatan, pelancongan dan ICT.

"Usaha ini memerlukan kerjasama erat semua pihak bagi membangunkan ekosistem perniagaan yang kondusif, termasuk tenaga kerja berkemahiran, infrastruktur berkualiti dan penyampaian perkhidmatan awam yang cekap," tambah Yang Berhormat.

Dari segi nilai eksport, sektor bukan minyak dan gas tambah Yang Berhormat, terus menjadi penyumbang utama sejak tahun 2021 dan pada tahun 2025, menyumbang sebanyak 61 peratus daripada jumlah eksport negara.

Sektor bukan minyak dan gas juga terus menyumbang lebih besar kepada KDNK berbanding sektor minyak dan gas, iaitu sebanyak 54 peratus pada tahun 2025, didorong oleh sektor-sektor keutamaan (*priority sectors*) sebanyak 43 peratus daripada keseluruhan KDNK sektor bukan minyak dan gas.

Yang Berhormat seterusnya mengongsikan, negara terus mencatat Lebihan Perdagangan (*trade surplus*) sebanyak BND5.1 bilion pada tahun 2025, walaupun menurun 4.2 peratus berbanding tahun sebelumnya akibat ketidaktentuan global yang menjejaskan harga komoditi eksport utama, khususnya minyak dan gas serta produk hiliran berkaitan.

Tambah Yang Berhormat lagi, kadar inflasi kekal rendah dan stabil pada tahun 2025, dengan penurunan sebanyak 0.3

peratus berbanding tahun sebelumnya, disokong oleh subsidi kerajaan, kawalan harga barangan keperluan serta pemantauan harga berterusan. Walaupun harga makanan masih lebih tinggi berbanding sebelum pandemik akibat faktor global dan kebergantungan kepada import, tekanan inflasi domestik keseluruhannya kekal terkawal.

Mengenai pasaran tenaga kerja, laporan Kajian Tenaga Kerja 2025 sedang dilaksanakan. Dapatan awal menunjukkan kadar pengangguran penduduk berumur 18 tahun ke atas adalah dijangka pada tahap 5.0 peratus.

Sebagai langkah ke hadapan ujar Yang Berhormat, usaha memperkukuh daya tahan ekonomi negara akan terus menumpukan kepada pembangunan tenaga kerja berkemahiran serta penerapan teknologi dan inovasi merentasi semua sektor. Dalam persekitaran global yang semakin mencabar, daya saing bergantung kepada produktiviti, kecekapan dan keupayaan menyesuaikan diri.

Kerajaan akan terus memperkukuh kerjasama awam-swasta, mempererat hubungan ekonomi serantau serta menyokong Perusahaan, Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) untuk meningkatkan keupayaan dan mempelbagaikan pasaran bagi memastikan pertumbuhan yang mampan dan berdaya tahan dalam jangka panjang.



ANTARA yang hadir pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 Majlis Mesyuarat Negara bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi.

MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-22 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



PROJEK PEMBINAAN PERLU MELALUI PROSES PENILAIAN, PEMATUHAN SOP

Oleh : Hezlinawati Haji Abd. Karim
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said, Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 14 Mac. - Kelulusan projek pembinaan perlu melalui proses penilaian dan pematuan Prosedur Operasi Standard (Standard Operating Procedures - SOP) termasuk pertimbangan Rancangan Kemajuan Negara (RKN) sebelum diluluskan.

Penyelenggaraan kemudahan awam serta pembaikan beberapa flat kosong di bawah Kementerian Pembangunan turut dilaksanakan mengikut keutamaan dan sumber yang ada supaya dapat dimanfaatkan semula oleh pemohon perumahan dan penduduk.

Perkara itu dijelaskan oleh Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid semasa menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, juga Ketua Kampung Putat berhubung cabaran utama dalam penyediaan kemudahan awam

yang setelah dibina kurang dimanfaatkan pada hari ketiga Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 MMN bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan menjelaskan memang ada terdapat bangunan-bangunan yang digunakan tetapi pada masa ini

"DARI segi penyediaan dan pengurusan kemudahan awam juga tertakluk kepada bidang kuasa serta tanggungjawab agensi agensi yang berkenaan. Bagi kemudahan seperti taman permainan kanak-kanak misalnya, ini adalah di bawah kawal selia dan penjagaan Kementerian Pembangunan. Memang kitani dapat melihat berapa taman-taman permainan kanak-kanak di kawasan-kawasan perumahan di kesemua daerah yang telah rosak, usang dan memerlukan pemulihan semula," ujar Yang Berhormat.

tidak dapat dimanfaatkan seperti tujuannya kerana bangunan-bangunan sudah lama dan terdapat kerosakan-kerosakan yang memerlukan *maintenance* dan ini tertakluk kepada *resources-resources* yang ada serta mengikut keutamaan bagi memperuntukkan, untuk memperbaiki bangunan-bangunan tersebut.

"Dari segi penyediaan dan pengurusan kemudahan awam juga tertakluk kepada bidang kuasa serta tanggungjawab

agensi agensi yang berkenaan. Bagi kemudahan seperti taman permainan kanak-kanak misalnya, ini adalah di bawah kawal selia dan penjagaan Kementerian Pembangunan. Memang *kitani* dapat melihat berapa taman-taman permainan kanak-kanak di kawasan-kawasan perumahan di kesemua daerah yang telah rosak, usang dan memerlukan pemulihan semula," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya berkata, kerja-kerja ini memang dibuat perancangan untuk dibuat pemulihan dan pemeliharaan yang berpanjangan bagi memudahkan perkara-perkara ini akan dapat terus dinikmati oleh penduduk-penduduk di kawasan-kawasan setempat, mengikut juga keutamaan *resources* yang ada.

"Bagi setiap projek di bawah kawalan Kementerian Pembangunan, ia disejajarkan dengan tema belanjawan Kementerian Kewangan dan Ekonomi, iaitu 'Bersama Menjayakan Wawasan Brunei 2035' secara mampan bagi menjamin kesejahteraan rakyat", jelas Yang Berhormat.

Oleh itu ujar Yang Berhormat,



YANG Berhormat Menteri Pembangunan.

projek diperlukan untuk memenuhi kriteria-kriteria senarai melalui beberapa penilaian dan semak RKN penelitian keutamaan seperti nilai tambah keperluan projek, statistik aduan dan hasil kajian adalah di antara perkara perkara yang menentukan keutamaan untuk dibuat penyelenggaraan bagi memulihkan fasiliti-fasiliti ini.

Keselamatan lapangan terbang, operasi penerbangan diperkukuh

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 14 Mac. - Operasi dan pengurusan Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB) adalah berpandukan piawaian dan garis panduan Organisasi Penerbangan Awam Antarabangsa, iaitu International Civil Aviation Organization yang juga dikenali sebagai ICAO.

Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha menjelaskan perkara itu bagi menjawab pertanyaan yang

diajukan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial@Tekpin bin Ya'akub, Penghulu Mukim Ukong mengenai ciri-ciri keselamatan fizikal dan digital di LTAB pada hari ketiga Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 MMN bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi memaklumkan

bahawa operasi dan pengurusan LTAB adalah berpandukan piawaian dan garis panduan Organisasi Penerbangan Awam Antarabangsa iaitu ICAO.

"Dalam hubungan dengan ini, konvensyen mengenai penerbangan awam antarabangsa mempunyai lampiran atau *annexes* yang mengandungi piawaian dan amalan disyorkan atau *standards and recommended practices* yang mewujudkan garis asas global untuk keselamatan dan kecekapan penerbangan yang perlu dipatuhi. Khususnya Annex 17 adalah berkaitan dengan keselamatan penerbangan awam, Annex 14 mengenai pengurusan *aerodrome* dan Annex 19 berkaitan *safety management*," jelas Yang Berhormat.

Pendekatan ini, jelas Yang Berhormat lagi, adalah bagi memastikan aspek pencegahan pengesanan dan tindak balas terhadap sebarang ancaman dilaksanakan secara bersepadu dan sistematik. Dari segi tadbir urus keselamatan lapangan terbang adalah dipimpin oleh Seksyen Sekuriti Penerbangan di bawah Jabatan Penerbangan Awam yang bertanggungjawab merangka, menyelaras dan memantau pelaksanaan program keselamatan awam negara.

Bahagian ini juga kata Yang

Berhormat bagi memastikan kawalan akses orang perseorangan dan kenderaan ke kawasan larangan dan kawasan *airside* dilaksanakan secara ketat melalui sistem pas keselamatan, pemeriksaan latar belakang serta audit pematuan yang berterusan. Kawalan ini penting bagi menjamin hanya individu yang diberi kuasa sahaja dibenarkan memasuki kawasan operasi penerbangan.

Di samping itu, jelas Yang Berhormat lagi, kehadiran Pasukan Polis Diraja Brunei yang bertugas sebagai polis lapangan terbang memainkan peranan penting dalam penguatkuasaan undang-undang, rondaan keselamatan, kawalan ketenteraman awam serta tindak balas segera terhadap sebarang



YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi.

insiden jenayah atau ancaman keselamatan. Fungsi ini diperkukuhkan lagi dengan melaksanakan pemantauan berterusan melalui rondaan fizikal serta sistem kamera litar tertutup di kawasan terminal, perimeter dan zon berkepentingan.

Di samping itu, jelas Yang Berhormat lagi, kehadiran Pasukan Polis Diraja Brunei yang bertugas sebagai polis lapangan terbang memainkan peranan penting dalam penguatkuasaan undang-undang, rondaan keselamatan, kawalan ketenteraman awam serta tindak balas segera terhadap sebarang insiden jenayah atau ancaman keselamatan. Fungsi ini diperkukuhkan lagi dengan melaksanakan pemantauan berterusan melalui rondaan fizikal serta sistem kamera litar tertutup di kawasan terminal, perimeter dan zon berkepentingan.



ANTARA yang hadir pada hari ketiga Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 Majlis Mesyuarat Negara bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi.

MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-22 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



One Kick Submission Clinic bantu fahami keperluan teknikal, dokumentasi

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said, Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 14 Mac. – Autoriti Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan (ABCi), Kementerian Pembangunan telah melaksanakan beberapa inisiatif bagi memudahkan dan memperjelaskan proses kelulusan pembinaan rumah, termasuk pelan rumah piawai, kelulusan berperingkat dan bimbingan teknikal awal.

Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid menjelaskan, di antara inisiatif tersebut termasuk menganjurkan sesi bersemuka *one-to-one* bersama dengan Qualified Persons (QP), One Kick Submission Clinic sebagai satu platform perbincangan awal sebelum permohonan rasmi dihadapkan oleh pemohon-pemohon kemajuan melalui sistem OneBiz.

"Ini adalah bertujuan untuk membantu pihak QP memahami keperluan teknikal dan dokumentasi yang dikehendaki untuk dihadapkan semasa menghadapi permohonan dengan tujuan untuk mengurangkan masalah yang sering didapati apabila pihak QP tidak menghadapi permohonan dengan lengkap seperti yang dikehendaki, kerana dengan adanya dokumentasi yang lengkap akan memudahkan pihak ABCi mempercepatkan proses semakan permohonan kemajuan," ujar Yang Berhormat Menteri Pembangunan semasa menjawab soalan daripada Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin, Penghulu Mukim Lumapas pada hari ketiga Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 Majlis

Mesyuarat Negara (MMN) Tahun 2026, di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, hari ini.

Di samping itu, tambah Yang Berhormat, pihak ABCi juga ada memberikan usaha-usaha pembarigaan dan penjelasan maklumat kepada pihak QP dan orang ramai melalui beberapa saluran antaranya ialah termasuk platform media sosial dan laman sesawang rasmi jabatan.

Yang Berhormat berkata, ini adalah bertujuan untuk memperjelaskan tatacara keperluan dan syarat-syarat kelulusan yang perlu dipatuhi. Inisiatif terkini yang dilaksanakan adalah pembarigaan menerusi program wawancara segmen MOD Dialogue dan Rampai Pagi RTB yang diadakan pada 28 Januari 2026, iaitu berkenaan dengan proses kemajuan bangunan dan penguatkuasaan ABCi.

Menurut Yang Berhormat

lagi, yuran perkhidmatan dan kos-kos lain yang lazimnya dikenakan adalah atas perjanjian di antara pemohon iaitu pemilik-pemilik kemajuan perumahan ataupun pemilik rumah yang sendiri yang akan dibangunkan di antara pemilik rumah dengan QP, merangkumi Arkitek, Jurutera Profesional dan Juruukur Bahan berdasarkan keperluan perjanjian yang dipersetujui di antara mereka dengan pemilik selaku klien. Keperluan kos lain termasuklah kos bagi lantikan pembina termasuk penyelaras keselamatan di tapak bina dan keperluan kos yang lain yang berkaitan.

"Daripada data yang diperoleh oleh Kementerian melalui Jabatan ABCi ialah permohonan rumah persendirian pada misalnya yang berharga BND250,000 kos pembinaan, jadi daripada kos tersebut kos perkhidmatan QP ini dilihat adalah di antara 3.5 peratus ke 6.5 peratus iaitu



YANG Berhormat Menteri Pembangunan.

di antara anggaran BND8,750 dan sehingga ke BND16,250 ani. Ani adalah bagi yuran profesional QP yang dikenakan. Yang *kitani* ketahui jua secara umumnya, kos yang dikenakan oleh QP ini lazimnya yang diguna pakai di antara BND8,000 sehingga ke BND10,000 bagi pembinaan sesebuah rumah yang menggunakan khidmat QP ini," terang Yang Berhormat.

KOMITED MEMPERKUKUH EKOSISTEM SUKAN MELALUI PEMBANGUNAN ATLET ELIT

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said, Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 14 Mac. – Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) komited memperkukuh ekosistem sukan melalui pembangunan atlet elit, penglibatan masyarakat serta penguatkuasaan kapasiti di peringkat serantau dan antarabangsa.

Usaha ini adalah selari dengan aspirasi untuk melahirkan negara sukan yang gemilang yang bukan sahaja diukur melalui kutipan pingat malah melalui kualiti hidup rakyat yang sihat dan berdaya tahan selaras dengan Wawasan Brunei 2035.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad menggariskan mengenai perkara itu ketika menjawab soalan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial@Tekpin bin Ya'akub, Penghulu Mukim Ukong dan Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan, Ketua Kampung Belimbing tentang hala tuju pembangunan sukan negara, penganjuran sukan antarabangsa serta pembangunan infrastruktur dan atlet pada hari ketiga Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 MMN bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Jelas Yang Berhormat Menteri

lagi, dalam beberapa tahun kebelakangan ini, Negara Brunei Darussalam (NBD) telah membuktikan keupayaan dalam penganjuran kejohanan peringkat serantau dan antarabangsa. Antaranya termasuklah Kejohanan Karate Asia Tenggara Ke-12, SEAKF, Kejohanan Fencing Borneo Ke-2, Kejohanan Wushu Remaja Dunia Ke-9, The First Brunei Half-Marathon serta ASEAN School Games Ke-14 anjuran Kementerian Pendidikan dengan kerjasama KKBS yang telah membuktikan keupayaan negara sebagai tuan rumah yang berwibawa melalui pendekatan senegara.

Pengalaman ini, tambah Yang Berhormat menjadi asas penting untuk negara melangkah ke hadapan dalam menganjurkan kejohanan yang lebih berskala besar. Walau bagaimanapun, penganjuran sukan bertaraf dunia pada masa kini menuntut pawaian yang semakin kompleks selain faktor kesiapsiagaan atlet, aspek infrastruktur perlu memenuhi spesifikasi teknikal badan sukan antarabangsa termasuklah sistem pencahayaan, siaran bertaraf tinggi, kemudahan pemulihan atlet, akses mesra orang kelainan upaya serta integrasi teknologi digital bagi pengurusan pertandingan dan penyiaran langsung.

"Sehubungan dengan itu, KKBS melalui Jabatan Belia dan Sukan (JBS) dengan kerjasama Jabatan

Kerja Raya sedang melaksanakan peningkat infrastruktur sukan di bawah Rancangan Kemajuan Negara (RKN) secara berperingkat-peringkat.

"Langkah ini melibatkan menaik taraf Kompleks Sukan Mumong, Pusat Tenis Kebangsaan serta kemudahan utama lain termasuk Kolam Renang Kebangsaan, Boling Padang dan Gelanggang Petanque.

"Usaha ini bertujuan bagi memastikan kemudahan fasiliti sukan negara memenuhi standard antarabangsa dan spesifikasi teknikal bagi menganjurkan kejohanan yang berskala besar di masa akan datang.

"Bagi memastikan kejayaan di gelanggang antarabangsa, Kementerian terus memperkukuhkan laluan pembangunan atlet jangka panjang atau apa yang dikenali sebagai *long-term athlete development*," jelas Yang Berhormat lagi.

Yang Berhormat seterusnya berkata, kerjasama erat dengan persatuan sukan kebangsaan, sektor pendidikan dan sektor swasta akan membolehkan program pengenalan bakat dilaksanakan dari peringkat akar umbi. Para atlet elit pula diberikan sokongan sains sukan, iaitu perkhidmatan sains sukan yang komprehensif melalui Sports Medicine and Research Centre, (SMRC) yang mana merangkumi aspek kecerdasan, pemakanan dan persediaan mental.

Pendedahan kepada

pertandingan luar negara, latihan berprestasi tinggi, serta skim bantuan seperti Elite Athletes Programme ujar Yang Berhormat akan terus diperkasa. Manakala bagi sukan berpasukan, penguatkuasaan liga domestik seperti bola sepak, futsal, sepak takraw akan menjadi platform utama dalam memastikan kesinambungan bakat yang kompetitif untuk mewakili negara di persada antarabangsa. Di samping pembangunan atlet elit, Kementerian juga turut memberi penekanan strategik kepada penglibatan masyarakat melalui pendekatan Whole of Nation.

"Usaha ini bukan sekadar untuk meningkatkan statistik penyertaan fizikal malah bertujuan untuk memupuk impak sosial yang mendalam bagi membina rakyat yang berdisiplin dan budaya gaya hidup sihat.

"Prinsip, *inclusivity* dan *accessibility* akan terus menjadi teras utama agar tiada golongan masyarakat yang terpinggir," tegas Yang Berhormat.

Sementara itu, ujar Yang Berhormat juga menjelaskan sukan komuniti di peringkat kampung dan mukim termasuk program khusus bagi wanita, warga emas dan orang kelainan upaya, berfungsi sebagai agen perpaduan yang menyatukan masyarakat serta mengukuhkan kesejahteraan mental. Inisiatif untuk menghidupkan semula Sukan Kebangsaan Brunei Darussalam juga sedang dalam penelitian untuk dijadikan platform



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

pembangunan bakat dan penglibatan secara menyeluruh secara lebih meluas dan seimbang.

Secara kesimpulan, ujar Yang Berhormat, penganjuran sukan dan pembangunan atlet adalah dua elemen yang saling melengkapi. Kapasiti negara sebagai tuan rumah yang berwibawa akan diperkukuhkan lagi melalui kerjasama antarabangsa dalam bidang teknikal, pensijilan jurulatih dan latihan pegawai.

"Dengan sokongan padu daripada agensi kerajaan, sektor swasta, persatuan-persatuan sukan dan seluruh lapisan masyarakat, NBD akan terus maju dalam mempertingkatkan prestasi atlet serta mengukuhkan kedudukan negara di persada sukan antarabangsa," ujar Yang Berhormat lagi.

MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-22 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



PELAKSANAAN PROJEK JALAN RAYA BERPANDUKAN PERANCANGAN KEMAJUAN SEDIA ADA

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said, Azmah Haji Ahad



YANG Berhormat Menteri Pembangunan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 14 Mac. - Kementerian Pembangunan menekankan bahawa pelaksanaan projek-projek jalan raya, sama ada melalui penambahbaikan jalan dan pembinaan jalan baharu dilaksanakan berpandukan perancangan kemajuan sedia ada dan yang telah diluluskan, dibuat selaras dengan mengambil simulasi aliran-aliran lalu lintas di dalam kawasan-kawasan setempat.

Dengan mengambil adaptasi kepada keadaan semasa yang dapat kita lihat di kawasan-kawasan yang penduduknya yang padat, maka terdapat kesesakan lalu lintas pada waktu-waktu *congestion hour* di waktu pagi dan petang semasa orang ramai sibuk untuk pergi bekerja dan menghantar anak-anak sekolah dan demikianlah jua semasa balik ke rumah di sebelah petang.

"Ini adalah di antara perkara yang diambil kira jua dalam memikirkan perancangan bagi pembinaan-pembinaan, sama ada menambah jalan-jalan persimpangan yang baharu," demikian ujar Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid semasa menjawab soalan daripada Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman pada hari ketiga Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 MMN Tahun 2026, di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, hari ini.

Yang Berhormat berkata, berdasarkan pemantauan yang dijalankan ini, kesesakan jalan raya lazimnya berlaku pada waktu

puncak, (*peak hours*) terutamanya pada hari-hari bekerja dan hari-hari persekolahan, dan perkara ini bukanlah satu perkara yang berlaku di sepanjang masa kerana selepas waktu tersebut, aliran trafik kembali normal.

"Namun, kesesakan yang dilihat yang dinilai jua adalah menjadi di antara perkara yang dilihat yang boleh menimbulkan bahaya-bahaya seperti berlakunya kemalangan atau apabila kerja-kerja pembaikan dan penyelenggaraan juga dilaksanakan pada waktu-waktu kesesakan yang disebutkan tadi.

"Dengan mengambil perkiraan segala pertimbangan dan fakta ini, Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Jalan Raya, ada terdapat beberapa strategi untuk meningkatkan kapasiti serta memperbaiki aliran trafik melalui kerja-kerja pelebaran jalan-jalan yang terlibat dan juga termasuk pembinaan di jambatan, menaik taraf jalan-jalan persimpangan seperti yang telah dibuat permohonan dan peruntukan yang diluluskan di bawah Rancangan Kemajuan Negara Ke-12 ini," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat juga mengongsikan, terdapat beberapa jalan yang dibuat perancangan untuk dilebarkan dan beberapa peningkatan-peningkatan yang lain seperti penyiapan Jejambat

Menyeberangi Jalan Utama Mentiri dan Jalan Muara dan Pembinaan Jalan Penghubung Tanah Jambu, yang telah siap dan dilancarkan pada bulan Ogos tahun 2025.

"Selain itu, pembinaan jejambat menyeberangi Lebu Raya Muara Tutong berdekatan Tapak Perindustrian Tanjong Kajar, yang dijangka siap pada penghujung tahun 2026.

"Dan selainnya ialah antara projek yang di dalam proses tawaran pada masa ini, ialah pertama, Melebarkan Jalan Muara di antara Jalan Aman ke

Persimpangan Salambigar.

"Kedua, ialah melebarkan Lebu Raya Tungku dari Jejambat Rimba ke Jejambat Estate Gadong. Ketiga, ialah menaik taraf persimpangan jalan dengan memasang lampu isyarat baharu dan melebarkan jalan berdekatan dengan persimpangan jalan di beberapa Lokasi seperti Jalan 10 RPN Lambak dan persimpangan baharu ke RPN Mengkubau; dan keempat, menaik taraf Jalan Tutong melibatkan kerja-kerja melebarkan jalan dan penambahbaikan persimpangan," ujar Yang Berhormat.

"NAMUN, kesesakan yang dilihat yang dinilai jua adalah menjadi di antara perkara yang dilihat yang boleh menimbulkan bahaya-bahaya seperti berlakunya kemalangan atau apabila kerja-kerja pembaikan dan penyelenggaraan juga dilaksanakan pada waktu-waktu kesesakan yang disebutkan tadi. Dengan mengambil perkiraan segala pertimbangan dan fakta ini, Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Jalan Raya, ada terdapat beberapa strategi untuk meningkatkan kapasiti serta memperbaiki aliran trafik melalui kerja-kerja pelebaran jalan-jalan yang terlibat dan juga termasuk pembinaan di jambatan, menaik taraf jalan-jalan persimpangan seperti yang telah dibuat permohonan dan peruntukan yang diluluskan di bawah Rancangan Kemajuan Negara Ke-12 ini," ujar Yang Berhormat.

Usaha berterusan perkukuh infrastruktur jalan raya

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 14 Mac. - Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Kerja Raya (JKR) menekankan usaha berterusan dalam mempertingkatkan rangkaian infrastruktur jalan raya supaya berada dalam keadaan selamat, efisien dan selesa digunakan oleh orang ramai.

YANG Berhormat berkata, setiap projek pembinaan dan penaiktarafan jalan akan mengambil kira kapasiti saliran berdasarkan kepada analisis hidrologi dan data intensiti hujan semasa termasuk pertimbangan tempoh pulangan, *return period* yang bersesuaian bagi mengurangkan risiko limpahan air.

Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid semasa pertanyaan yang dikemukakan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir, Ketua Kampung Labu Estate dan Piasau-Piasau pada hari ketiga Mesyuarat

Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 MMN Tahun 2026, di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis menjelaskan beberapa langkah penambahbaikan telah dilaksanakan.

Menurut Yang Berhormat, pertama dari aspek bahan dengan penggunaan bahan-bahan baharu seperti *fiber reinforcement geogrid* dan kaedah lain yang bersesuaian yang telah mula digunakan bagi mempertingkatkan ketahanan dan kualiti jalan.

Kedua, papan tanda lama diperbaiki dengan memilih kualiti bahan yang lebih baik daripada logam dan diganti dengan bahan komposit bagi papan-papan

tanda; ketiga, penggantian sistem lama kepada sistem baharu lampu isyarat secara berperingkat di persimpangan lampu isyarat untuk pengurusan fasa isyarat secara lebih responsif.

Dan keempat, aspek reka bentuk sistem saliran didukung oleh Jabatan Saliran dan Pemetungan dan merupakan komponen yang penting bagi memastikan keselamatan serta ketahanan infrastruktur jalan raya dapat dicapai.

Yang Berhormat berkata, setiap projek pembinaan dan penaiktarafan jalan akan mengambil kira kapasiti saliran berdasarkan kepada analisis hidrologi dan data intensiti hujan semasa termasuk pertimbangan tempoh pulangan, *return period* yang bersesuaian bagi mengurangkan risiko limpahan air.

"Manakala dari segi pencahayaan kawasan jalan raya adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Perkhidmatan Elektrik yang menyediakan lampu-lampu jalan di sepanjang jalan raya dan perkara ini sememangnya Jabatan Jalan Raya dan jua daripada kerjasama daripada Jawatankuasa Tertinggi Keselamatan Jalan Raya saling

berhubung dengan Jabatan Perkhidmatan Elektrik untuk memastikan keperluan-keperluan bagi meningkatkan pencahayaan bagi tujuan keselamatan beberapa persimpangan jalan," ujar Yang Berhormat.

Manakala bagi strategi penyelenggaraan berkala yang dilaksanakan adalah pemilihan kontraktor dengan hanya membenarkan kontraktor yang mempunyai loji aspal, *asphalt plant* sendiri dalam Kelas 4,5 dan 6.

Selain itu, tambah Yang Berhormat, semua kerja pembaikan dilaksanakan berpandukan spesifikasi teknikal yang ditetapkan serta dipantau oleh Jabatan Jalan Raya.

Dalam masa yang sama, lawatan turun padang dilaksanakan dari semasa ke semasa bagi memastikan kualiti tahap kerja-kerja penyelenggaraan adalah terkawal dan keselamatan yang dikehendaki.

Jabatan Saliran dan Pemetungan juga berperanan dalam melaksanakan kerja-kerja pembersihan, pengorekan dan pemeliharaan longkang konkrit di sepanjang jalan.

"Jadi, perkara-perkara ini dibuat secara berjadual melalui kontrak penggal, pemeriksaan rutin juga turut dijalankan bagi mengenal pasti kerosakan struktur, mendapan atau halangan aliran yang boleh menjejaskan fungsi sistem saliran," ujar Yang Berhormat



SEBAHAGIAN pelajar yang hadir pada hari ketiga Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 Majlis Mesyuarat Negara bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi.

MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-22 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



SISTEM PENDIDIKAN NEGARA PERLU LEBIH RESPONSIF, BERDAYA TAHAN

Oleh : Hezlinawati Haji Abd. Karim

Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said, Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 14 Mac. – Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh menekankan bahawa sejak pengenalan pada 2009, Sistem Pendidikan Negara Abad Ke-21 (SPN21) menghadapi cabaran global yang semakin kompleks termasuk kemajuan teknologi pantas, anjakan demografi, Green Transition, ketidakpastian ekonomi, geopolitik dan pandemik yang menuntut sistem pendidikan lebih anjal, responsif dan berdaya tahan.

Yang Berhormat menyatakan perkara tersebut semasa menyampaikan kenyataan bertajuk 'Memperkasakan Pendidikan Negara : Keutamaan Strategik Generasi Siaga Masa Hadapan' pada hari ketiga Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Dalam kenyataannya, Yang Berhormat juga menjelaskan bahawa perubahan landskap pekerjaan global termasuk automasi 92 juta pekerjaan serta

pertumbuhan kemahiran AI, digital dan pekerjaan hijau menjelang 2030 (Laporan Future of Jobs 2025, World Economic Forum) memerlukan pembentukan modal insan yang lebih dinamik dan responsif.

Perubahan-perubahan ini ujar Yang Berhormat setentunya menuntut sistem pendidikan negara untuk diperkasa agar lebih anjal, responsif dan berdaya tahan.

"Dalam konteks Negara Brunei Darussalam, dengan mengambil kira faktor-faktor ini, hala tuju pendidikan negara akan diadun secara strategik demi merealisasikan Matlamat Pertama Wawasan Brunei 2035, iaitu Melahirkan Rakyat yang Berpendidikan, Berkemahiran Tinggi dan Berjaya, seterusnya memacu kemajuan ekonomi negara," jelas Yang Berhormat.

Seterusnya, kongsi Yang Berhormat, cabaran yang dihadapi dalam konteks pendidikan negara terdiri dari tiga fokus utama, iaitu Pekerjaan Masa Hadapan (Future Work); Kemahiran Abad Ke-21; dan Transformasi Teknologi / Digital dalam Pendidikan.

Ketika menjelaskan lebih lanjut tentang fokus utama yang

DALAM kenyataannya, Yang Berhormat juga menjelaskan bahawa perubahan landskap pekerjaan global termasuk automasi 92 juta pekerjaan serta pertumbuhan kemahiran AI, digital dan pekerjaan hijau menjelang 2030 (Laporan Future of Jobs 2025, World Economic Forum) memerlukan pembentukan modal insan yang lebih dinamik dan responsif.



YANG Berhormat Menteri Pendidikan.

Biz dan BigStart di bawah Pusat Pendidikan Inovasi (EIC).

Mengenai fokus utama ketiga: Transformasi Teknologi / Digital dalam Pendidikan pula Yang Berhormat menyatakan bahawa Negara Brunei Darussalam memperkukuh transformasi digital bagi menyokong aspirasi Smart Nation melalui Whole of Government Approach termasuk dalam pendidikan bagi meningkatkan keberkesanan pengajaran dan akses sumber pembelajaran.

Yang Berhormat menjelaskan melalui MOE Digital Transformation Plan 2023-2027, rangkaian internet stabil telah disediakan kepada 100 peratus sekolah kerajaan melalui Projek National Education Network (NEN) manakala Projek School Network Infrastructure Upgrade (SNIU) menaik taraf prasarana ICT sekolah secara berperingkat, dengan Fasa 1 melibatkan sembilan sekolah dan Fasa 2 dijadualkan melibatkan 112 sekolah pada Tahun Kewangan 2026/2027.

Penggunaan AI di sekolah diberi perhatian melalui panduan GenAI Guidance for Education, manakala UBD, UNISSA dan UTB turut menggubal dasar penggunaan AI generatif bagi memelihara integriti akademik.

pertama iaitu Pekerjaan Masa Hadapan (Future Work), Yang Berhormat mengongsikan laporan Future of Jobs 2025, World Economic Forum (WEF) yang mengenal pasti 10 kemahiran utama pasaran pekerjaan global termasuk AI & Big Data, Cybersecurity & Networks, Technology Literacy, Creative Thinking, Resilience & Adaptability, Lifelong Learning, Leadership & Influence, Talent Management, Analytical Thinking dan Environmental Stewardship.

Dapatan ini ujar Yang Berhormat, diselaraskan dengan empat tumpuan pendidikan negara iaitu memperluas literasi digital dan AI di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) Awam dan TVET; mentransformasi pembelajaran melalui *project-based learning* dan penyelesaian masalah sebenar; mengukuhkan integrasi industri melalui latihan industri tersusun; serta membentuk graduan berdaya tahan dan berjiwa keusahawanan sebagai *job creators*.

Selain itu, ujar Yang Berhormat lagi, Kementerian Pendidikan turut membangunkan modul teras baharu dalam bidang *emerging technologies* dan *sustainability* seperti AI, Data Science, Sains Alam Sekitar, Inovasi Hijau dan Perubahan Iklim dalam

kurikulum IPT tempatan.

Yang Berhormat juga menyatakan bahawa program IPT Awam dan TVET diperkukuh melalui Feature Analysis Model, penglibatan industri serta pengiktirafan antarabangsa seperti Accreditation Board for Engineering and Technology (ABET) dan Association of Chartered Certified Accountants (ACCA) di samping penekanan kepada gabungan kemahiran akademik, teknikal dan insaniah (*soft skills*).

Ketika menjelaskan mengenai fokus utama kedua iaitu kemahiran Abad Ke-21, Yang Berhormat berkata, SPN21 menekankan kemahiran STEAM dengan elemen 6Cs iaitu Critical Thinking, Creativity, Communication, Collaboration, Character dan Citizenship bagi memastikan modal insan kekal relevan dan berdaya saing.

Pendedahan awal, jelas Yang Berhormat, adalah bermula di sekolah rendah melalui Sains, Matematik dan ICT dengan pendekatan *inquiry-based* dan *real-world learning*.

Ujar Yang Berhormat lagi, program dan Pertandingan STEAM melalui Pusat STEP menunjukkan peningkatan penyertaan daripada 10,225 pelajar pada 2024 kepada 12,346 pada 2025 di samping pelajar juga didedahkan kepada kemahiran keusahawanan dan inovasi melalui program Celik

YANG Berhormat menjelaskan melalui MOE Digital Transformation Plan 2023-2027, rangkaian internet stabil telah disediakan kepada 100 peratus sekolah kerajaan melalui Projek National Education Network (NEN) manakala Projek School Network Infrastructure Upgrade (SNIU) menaik taraf prasarana ICT sekolah secara berperingkat, dengan Fasa 1 melibatkan sembilan sekolah dan Fasa 2 dijadualkan melibatkan 112 sekolah pada Tahun Kewangan 2026/2027.

Sistem pendidikan holistik, inklusif fokus utama SPN21

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 14 Mac. – Tiga fokus utama SPN21 iaitu 'Future Work', Kemahiran Abad Ke-21 dan Transformasi Digital menjadi asas kepada sistem pendidikan holistik dan inklusif bagi melahirkan graduan berpengetahuan dan berkemahiran.

Dalam hal ini, Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh berkata, Pendidikan Khas dilaksanakan berlandaskan Prinsip 5A dengan inisiatif seperti Model Inclusive School (MIS), Centre for Excellence (CoE), dan Program Pra Vokasional dengan Individualised Education Plan (IEP).

Pada hari ketiga Mesyuarat

Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini, Yang Berhormat dalam kenyataannya menjelaskan guru bagi pelajar berkeperluan khas dilatih melalui Program Special Educational Needs Support Educator (SENSE), manakala pelajar turut didedahkan kepada kokurikulum, keusahawanan dan Program Sahsiah Pelajar (PSP) selaras nilai Melayu Islam Beraja (MIB).

Kerjasama dengan Kementerian Hal Ehwal Ugama turut memperkukuh pengajaran agama dan Al-Quran dengan peningkatan purata 20 peratus pelajar fasih membaca

Al-Quran sejak pelaksanaan di peringkat menengah atas pada tahun 2020.

ANTARA yang hadir pada hari ketiga Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 Majlis Mesyuarat Negara bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi.



MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-22
MAJLIS MESYUARAT NEGARA BOLEH DIBACA SETIAP HARI MELALUI LAMAN SESAWANG :

www.pelitabrunei.gov.bn

BAGI MENGETAHUI BERITA-BERITA PENUH



ANTARA yang hadir ialah Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II dan Yang Berhormat Menteri Pembangunan.

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit

>> Muka 1

Antara yang hadir pada Qiamullail Ramadan di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kiarong pada awal pagi tadi ialah Yang Berhormat Menteri-menteri Kabinet dan Yang Mulia

Timbalan-timbalan Menteri bersama para pegawai kanan, pegawai dan kakitangan dari kementerian - kementerian, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Pasukan Polis Diraja Brunei serta Belia Daie', Belia Beliawanis Masjid, Muslimah

REBUT KEBERKATAN, KEISTIMEWAAN RAMADAN



SEBAHAGIAN jemaah perempuan yang hadir pada Program Qiamullail Ramadan Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi.

Masjid dan Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid.

Turut sama mengimarahkan lagi Qiamullail Ramadan ialah para jemaah dalam kalangan orang awam.

Qiamullail Ramadan diisi

dengan Sembahyang Sunat Tasbih Berjemaah diimamkan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kiarong, Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Mustafa bin Haji Murat.

Diikuti dengan bacaan Wirid dan Doa Sembahyang Sunat Tasbih.

Kemudiannya, bacaan Doa Munajat dan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid Tingkat Khas, Awang Haji Haris bin Haji Suboh.

Qiamullail Ramadan ini juga bertujuan mengajak umat Islam agar bersama-sama mengimarahkan masjid serta menghidupkan malam-malam Ramadan dengan pelbagai amalan ibadah seperti Sembahyang Berjemaah, Qiamullail, Zikir dan Doa.

Di samping itu, ia turut berperanan membudayakan amalan beribadah secara berjemaah dalam kalangan masyarakat, sekali gus menyemarakkan semangat untuk merebut keberkatan serta keistimewaan bulan Ramadan yang penuh kemuliaan ini, apatah lagi ketika Ramadan semakin menghampiri penghujungnya.

Majlis Khatam Al-Quran pegawai, kakitangan lelaki KHEU



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Khatam Al-Quran bagi Pegawai dan Kakitangan Lelaki Kementerian Hal Ehwal Ugama bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi diadakan petang tadi di Masjid Hassanal Bolkiah, Kampung Mentiri (atas dan kanan).

MENTIRI, Sabtu, 14 Mac. - Sempena bulan Ramadan yang penuh keberkatan ini, pelbagai pihak termasuk kementerian, jabatan kerajaan, sektor swasta, keluarga serta individu di Negara

Brunei Darussalam (NBD) giat meningkatkan amalan dengan menganjurkan pelbagai acara keagamaan bagi meraih ganjaran pahala berlipat ganda daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

HASRAT NEGARA

>> Muka 2

Dari sudut lain pula, kerajaan beta akan terus memperkukuh budaya kerja yang bersih, beretika berintegriti dan tadbir urus yang cemerlang merentasi semua sektor. Ini termasuk usaha membanteras secara agresif gejala rasuah dan salah guna kuasa akan terus dilaksanakan dengan menumpukan kepada sektor-sektor kerajaan dan swasta, khususnya yang melibatkan aspek perkhidmatan dan penguatkuasaan. Kerajaan beta tidak akan bertolak ansur dalam membanteras gejala rasuah kerana jika tidak dibendung, ianya akan mengancam keselamatan negara.

Akhirnya harapan beta, supaya MMN akan membahaskan isu-isu strategik yang berkeutamaan sebagai sifatnya pencetus idea-idea bernas, pragmatik dan inovatif selaras dengan keperluan semasa negara. Beta ingin Ahli-ahli MMN bersama-sama berganding bahu dengan kerajaan untuk mencari penyelesaian terhadap cabaran-cabaran dan masalah-masalah yang dihadapi oleh masyarakat dan negara.

Matlamat kita adalah jelas iaitu untuk membina sebuah negara yang jauh progresif dan berpandangan jauh yang mengimbangi inovasi dengan kelestarian kewangan serta terus menjamin kesejahteraan rakyat.

Sekian, *Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

Antara aktiviti yang sering menyemarakkan bulan Ramadan ialah bertadarus Al-Quran. Sehubungan itu, Majlis Khatam Al-Quran bagi Pegawai dan Kakitangan Lelaki Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi diadakan petang tadi di Masjid Hassanal Bolkiah, Kampung Mentiri.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman, yang seterusnya memulakan majlis dengan bacaan Surah Al-Fatihah.

Turut hadir, Timbalan Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan; Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim dan Pemangku Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Dr. Awang Haji Abang Hadzmin bin Haji Abang Taha.

Juga hadir, Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan) KHEU, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), Awang Misle bin Haji Abdul Karim serta Pemangku Setiausaha Majlis Ugama Islam Brunei, Pengiran Ahmad Faris Ramadhani bin Pengiran Haji Sellahuddin.

Majlis diteruskan dengan penyampaian bantuan kepada asnaf fakir miskin yang disempurnakan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama selaku Yang Dipertua Majlis Ugama Islam Brunei.

Turut diserikan, Tadabbur Al-Quran disampaikan oleh Pegawai Masjid, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Awang Muhammad Khaizuran Amali bin Haji Kamsani.

Kemudian diikuti dengan bacaan Takhtim dan Tahliil dipimpin oleh pegawai dari Pejabat Ehwal Masjid Daerah Brunei dan Muara bersama para pegawai serta Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Hassanal Bolkiah, Kampung Mentiri. Manakala bacaan Doa

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi



Khatam dan Doa Tahliil dipimpin oleh Imam Masjid Hassanal Bolkiah, Kampung Mentiri, Awang Haji Samsul bin Haji Abdul Latif.

Majlis diserikan lagi dengan Dikir Marhaban beramai-ramai dipimpin oleh pegawai dari Pejabat Ehwal Masjid Daerah Brunei dan Muara bersama para pegawai serta ahli jawatankuasa masjid berkenaan dan diakhiri dengan bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Hassanal Bolkiah, Kampung Mentiri, Pengiran Mohammad Sallehin bin Pengiran Tejuddin.

Pada majlis tersebut, sejumlah BND32,965.45 wang zakat telah diagihkan kepada 120 penerima, terdiri daripada 100 orang asnaf fakir miskin dan 20 orang asnaf muafal dari Daerah Brunei dan Muara.

Sejumlah BND2,484,450.03 telah diperuntukkan oleh Majlis Ugama Islam Brunei bagi agihan zakat wang tunai kepada asnaf fakir miskin dan muafal menjelang Hari Raya Aidilfitri Tahun 1447H/2026M.

Peruntukan tersebut adalah hasil daripada kutipan Zakat Fitrah dan Zakat Harta sepanjang tahun 1447H/2025M yang berjumlah keseluruhan BND21,406,174.99 Daripada jumlah itu, BND1,235,387.43 akan diagihkan

kepada 14,481 orang asnaf fakir miskin, terdiri daripada 2,597 ketua keluarga dan 11,884 orang tanggungan.

Manakala BND1,249,062.60 pula akan diagihkan kepada 2,471 orang asnaf muafal, terdiri daripada 2,148 ketua keluarga dan 323 orang tanggungan.

Agihan wang zakat ini akan diagihkan sebahagiannya secara tunai dan sebahagiannya dikreditkan terus ke akaun bank penerima sebagai usaha meringankan perbelanjaan mereka.

KHEU melalui Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal menyeru seluruh umat Islam di Negara Brunei Darussalam agar menunaikan kewajipan membayar Zakat Fitrah kepada amil-amil yang dilantik sebelum berakhirnya tempoh pembayaran Zakat Fitrah.

Bagi memudahkan orang ramai untuk menunaikan kewajipan berzakat, pembayaran Zakat Fitrah juga boleh dibuat secara dalam talian (*online*) melalui platform perbankan di Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) dan Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB), serta melalui aplikasi syarikat telekomunikasi Datastream Digital (DST), Imagine Sdn. Bhd. dan Progresif di sepanjang bulan Ramadan 1447H.

MPM KILANAS MEMBACA YAA SIIN, TAHLIL DI KUBAH MAKAM DIRAJA

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 15 Mac. - Majlis Bacaan Surah Yaa Siin dan Tahliil telah diadakan di Kubah Makam Diraja hari ini melibatkan Ahli-ahli Majlis Perundangan Mukim (MPM), Majlis Perundangan Kampung (MPK), serta ahli-ahli jawatankuasa takmir masjid di bawah Mukim Kilanas.

Majlis tersebut dianjurkan oleh MPM Kilanas dengan kerjasama enam Jawatankuasa Takmir Masjid di bawah Mukim Kilanas sebagai salah satu usaha memupuk amalan keagamaan serta memperkukuhkan silaturahim dalam kalangan masyarakat mukim berkenaan.

Hadir sama pada majlis tersebut ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof; Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin; dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir pada majlis berkenaan.

Mohamad.

Turut hadir Penghulu Mukim Kilanas, Awang Ahmad Hussain bin Haji Mohsin selaku Pengerusi Majlis, ketua-ketua kampung di bawah Mukim Kilanas, wakil-wakil MPM Kilanas, MPK Kilanas, Kampung Tasek Meradun dan Kampung Bunut, Kampung Kilanas dan Kampung Jangsak, Kampung Bunut Perpindahan, Kampung Tanjung Bunut, Kampung Madewa dan Kampung Telanai serta Kampung Bengkurong.

Selain itu, majlis turut disertai oleh Kumpulan Purih Kampung Bengkurong, Kampung Sinarubai dan Kampung Burong Lepas serta



ahli-ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit, Masjid Kampung Kilanas, Masjid Ar-Rahman Kampung Tanjung Bunut, Masjid Jubli Perak Kampung Jangsak, Masjid Kampung Bunut dan Masjid Kampung Bengkurong.

Majlis dimulakan dengan kehadiran ahli-ahli jawatankuasa, diikuti kehadiran Ahli-ahli MPM, MPK dan jemputan khas serta

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

Foto : Ihsan Majlis Perundangan Mukim Kilanas

ketibaan para jemputan kehormat. Majlis kemudiannya diteruskan dengan bacaan Surah Yaa Siin dan Tahliil.

Majlis berkenaan diadakan sebagai tanda penghormatan dan doa ke hadrat Allah Subhanahu

Wata'ala agar para Al-Marhum dan Al-Marhumah daripada kalangan kerabat diraja dicucuri rahmat serta ditempatkan dalam kalangan orang-orang yang beriman.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Penutup.

Majlis Khatam Al-Quran raikan penghuni KRK



Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Pembangunan Masyarakat

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 14 Mac. - Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dengan kerjasama Kementerian Pembangunan dan Syarikat Imagine Sendirian Berhad telah mengadakan Majlis Khatam Al-Quran bagi residen dan penghuni Kompleks Rumah Kebajikan (KRK) sempena Nuzul Al-Quran 1447 Hijrah / 2026 Masihi.

Majlis berlangsung di Dewan

An-Naura, Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanah Bolkiah.

Hadir selaku tetamu kehormat bersama ke majlis ini ialah Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh

Yang Berhormat Menteri Pembangunan dan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat majlis (kiri), sementara gambar bawah kiri, penyerahan sumbangan sampul Hari Raya kepada para residen dan penghuni KRK.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan.

Seramai sembilan orang peserta yang terdiri daripada residen dan penghuni KRK telah berjaya melengkapkan bacaan 30 juz Al-Quran dan seterusnya diraikan dalam Majlis Khatam berkenaan.

Acara kemudiannya diteruskan dengan bacaan Khatam Al-Quran oleh para residen dan penghuni KRK, diikuti dengan bacaan Takhtim serta Doa Khatam.

Majlis turut disenakan dengan Dikir Marhaban dan penyampaian sijil kepada para peserta.

Atur cara diakhiri dengan bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam serta Sayyidul Istighfar, diikuti dengan penyerahan sumbangan sampul Hari Raya kepada para residen dan penghuni KRK.

Dalam kesempatan ini juga, para tetamu dan peserta berpeluang untuk berbuka puasa bersama sebelum menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah.

Turut hadir ialah isteri kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan dan isteri kepada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan; Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap dari Kementerian Pembangunan dan KKBS; pegawai-pegawai kanan daripada kedua-dua kementerian; wakil daripada Syarikat Imagine Sdn. Bhd. dan Pemangku Pengarah Pembangunan Masyarakat, Dayang Fauziah binti Haji Mohd. Salleh, selaku Pengerusi Majlis.



Jualan Kuih-Muih Raya Belia dukung usahawan tempatan jana pendapatan

Berita dan Foto : Nurdiyana Rajami

TUTONG DAN BELAIT, Ahad, 15 Mac. - Pada tahun ini, Jualan Kuih-Muih Raya Belia telah dilartatkan ke Pusat Belia Daerah Tutong dan Pusat Belia Daerah Belait.

Sehubungan itu, hadir selaku tetamu kehormat menyempurnakan Majlis Pelancaran Jualan Kuih-Muih Raya Belia di Pusat Belia Daerah Tutong petang tadi ialah isteri Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Datin Hajah Kalshom binti Haji Suhaili.

Turut hadir bersama tetamu kehormat ialah para jemputan yang lain terdiri daripada Kumpulan Isteri Menteri-menteri Kabinet, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap dan Ahli Bersekutu.

Sementara itu, di Daerah Belait acara yang sama juga mengambil tempat di Pusat Belia Daerah Belait dengan majlis pelancarannya telah diadakan pagi tadi yang turut dirasmikan oleh isteri Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II.

Majlis dimulakan dengan perasmian Jualan Kuih-Muih Raya Belia 2026 oleh tetamu kehormat, diikuti dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat.

Seterusnya penyerahan sumbangan bantuan yuran petak daripada Kumpulan Isteri Menteri-menteri Kabinet, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap dan Ahli Bersekutu kepada vendor yang berkeperluan seperti ibu tunggal dan belia.

Majlis kemudian diteruskan dengan sesi bergambar ramai dan diakhiri dengan lawatan ke petak-petak jualan.

Sebanyak lapan buah petak jualan di Pusat Belia Daerah Tutong dan enam buah petak jualan di Pusat Belia Daerah Belait telah disediakan bagi peniaga tempatan yang terdiri daripada kumpulan belia bagi menyertai jualan ini, yang mana telah dilartatkan lagi dengan penjualan pelbagai produk kuih-muih serta produk barangan yang lain.

Jualan Kuih-Muih Raya Belia merupakan anjuran Jabatan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan yang bermula pada 9 hingga 18 Mac 2026 mulai pukul 10.00 pagi hingga 10.00 malam.

Oleh yang demikian, orang ramai adalah dialu-alukan untuk mengunjungi dan membeli-belah produk kuih-muih dan barangan yang ada sebagai tanda sokongan kepada produk tempatan serta membantu peniaga-peniaga memperoleh pendapatan bagi Sambutan Hari Raya Aidilfitri yang akan datang.



ISTERI Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II semasa menghadiri Majlis Pelancaran Jualan Kuih-Muih Raya Belia di Pusat Belia Daerah Tutong.

KEMENTERIAN KESIHATAN ADAKAN BACAAN SURAH YAA SIIN, TAHLIL



Yang Berhormat Menteri Kesihatan mengetuai rombongan Kementerian Kesihatan pada Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil di Kubah Makam Diraja.

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohammad Hasif Matzin

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 14 Mac. - Kementerian Kesihatan dan jabatan-jabatan di bawahnya mengadakan Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil khusus bagi ayahanda dan bonda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkhiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman serta paduka anakanda baginda, Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim di Kubah Makam Diraja, di sini.

Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar.

Majlis diisikan dengan bacaan Surah Yaa Siin, diikuti dengan bacaan tahlil beramai-ramai dan seterusnya doa yang dipimpin oleh Awang Haji Mohd. Emmarul bin Haji Azamain dari Unit Perkhidmatan Ugama, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha.

Turut hadir pada majlis berkenaan, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Pengurusan), Pengiran Mohammad Khiruddin bin Pengiran Haji Yusoff; Pemangku Ketua Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan, Pengiran Dr. Haji Md. Khalifah bin Pengiran Haji Ismail; ketua-ketua jabatan, beserta pegawai-pegawai dan kakitangan di Kementerian Kesihatan.

Mengetuai rombongan, Menteri

Jualan Kuih-Muih Raya Belia dilancarkan

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 14 Mac. - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) melalui Jabatan Belia dan Sukan (JBS) sedang mengendalikan Jualan Kuih-Muih Raya Belia 2026 bermula 9 hingga 18 Mac 2026 dari pukul 10.00 pagi hingga 10.00 malam di Dewan Riadah, Pusat Belia, Bandar Seri Begawan.

Sehubungan itu, hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya melancarkan Jualan Kuih-Muih Raya Belia 2026 ialah isteri Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, Datin Hajah Nahriah binti Haji Awang Hasbi.

Atur cara dimulakan dengan Majlis Pelancaran Jualan tersebut diikuti dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat

dipimpin oleh Graduan Ma'had Qiraat Shoubra Al-Azhar, Mesir, Awang Mohammad Afif Fikry bin Haji Abu Bakar.

Majlis diteruskan dengan penyerahan sumbangan bantuan yuran petak daripada Kumpulan Isteri Menteri-menteri Kabinet, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap dan Ahli Bersekutu kepada vendor yang berkeperluan seperti ibu tunggal, belia dan persatuan dan pergerakan belia.

Majlis kemudian disusuli dengan sesi bergambar ramai dan diakhiri dengan lawatan ke petak-petak jualan. Jualan Kuih-Muih Raya Belia 2026 ini merupakan salah satu aktiviti keusahawanan yang diadakan dalam bulan Ramadan bagi persiapan menjelang

Sambutan Hari Raya Aidilfitri.

Sebanyak 26 buah petak jualan telah disediakan bagi peniaga tempatan yang terdiri daripada Ahli-ahli Pertubuhan Perkumpulan Perempuan (WI) Negara Brunei Darussalam dan kumpulan belia menyertai jualan ini, yang mana telah dilartakan lagi dengan penjualan pelbagai produk kuih-muih serta produk barangan yang lain.

Antara objektif jualan ini ialah bagi memberi peluang kepada belia dan masyarakat di negara ini menceburi bidang keusahawanan dan meningkatkan kemahiran serta menjana ekonomi masing-masing.

Di samping itu, ia juga dapat membantu dalam mempromosikan produk yang mereka usahakan untuk mencari pelanggan tetap. Orang ramai dialu-alukan untuk mengunjungi dan membeli-belah produk kuih-muih dan barangan yang ada di jualan tersebut sebagai tanda sokongan kepada produk

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



tempatan serta membantu pendapatan bagi sambutan Hari Raya Aidilfitri pada tahun ini.



ISTERI Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya melancarkan Jualan Kuih-Muih Raya Belia 2026 (atas dan atas kanan), manakala gambar bawah, Jualan Kuih-Muih Raya Belia 2026 ini merupakan salah satu aktiviti keusahawanan yang diadakan dalam bulan Ramadan bagi persiapan menjelang Sambutan Hari Raya Aidilfitri.





MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

- 'Memupuk Budaya Menabung Sedari Kecil'. Tarikh Tutup : 18 Mac 2026
- 'Peranan Individu Dalam Mengurangkan Pemanasan Global'. Tarikh Tutup : 25 Mac 2026
- 'Menyantuni Anak Yatim: Tanggungjawab Bersama'. Tarikh Tutup : 1 April 2026

TERMA DAN SYARAT :

- Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
- Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
- Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :
pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

UNN BERSUNGKAI BERSAMA SMARTER BRUNEI



Siaran Akhbar dan Foto : Unified National Networks Sdn. Bhd.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 15 Mac. - Susulan kerjasamanya dengan SCOT Brunei dalam menyediakan dan mengagihkan 1,000 hidangan bagi menyokong jemaah untuk berbuka puasa di 16 buah masjid di seluruh daerah antara 24 hingga 27 Februari 2026, Unified National Networks Sdn. Bhd. (UNN) telah menjadi tuan rumah daripada Society for the

Management of Autism Related Issues in Training, Education and Resources (SMARTER) pada 13 Mac 2026 bagi Majlis Tahlil dan Sungkai di Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanah Bolkiah.

Hadir pada majlis tersebut ialah Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Yang



YANG Mulia Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi) menyampaikan kunci replika kepada Presiden SMARTER Brunei, Pengiran Zamri bin Pengiran Haji Bujang sebagai simbolik penyerahan empat buah van mini Daihatsu Gran Max daripada UNN (kiri), manakala gambar atas, program ini merupakan sebahagian daripada Siri Amal Ramadan UNN, di mana syarikat tersebut berharap dapat terus menyumbang lebih banyak kepada masyarakat.

Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid juga merangkap Pengerusi UNN; para Pengarah UNN dan Presiden SMARTER Brunei, Pengiran Zamri bin Pengiran Haji Bujang; Pasukan Pengurusan Kanan UNN serta 50 keluarga daripada SMARTER Brunei.

Pada majlis tersebut juga menyaksikan penyampaian kunci replika oleh Yang Mulia Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi) kepada Presiden SMARTER Brunei sebagai simbolik penyerahan empat buah van mini Daihatsu Gran Max daripada UNN kepada SMARTER Brunei bagi membantu

memudahkan keperluan operasi mereka.

Program-program ini merupakan sebahagian daripada Siri Amal Ramadan UNN, di mana syarikat tersebut berharap dapat terus menyumbang lebih banyak kepada masyarakat, khususnya semasa bulan Ramadan yang penuh keberkatan ini.

PPDB bertahlil di Kubah Makam Diraja



ROMBONGAN Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) diketuai oleh Pesuruhjaya Polis, PPDB (atas), manakala gambar bawah, antara yang hadir pada majlis berkenaan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 14 Mac. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) melalui Badan Ugama Islam (BUI) telah mengadakan Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil bagi ayahanda dan bonda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman serta paduka anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim sempena Bulan Ramadan bagi Tahun 1447 Hijrah bersamaan 2026 Masihi di Kubah Makam Diraja.

Rombongan PPDB telah diketuai oleh Pesuruhjaya Polis, PPDB, Dato Seri Pahlawan Awang Sulaiman bin Alidin.

Turut berangkat dan hadir, Timbalan Pesuruhjaya Polis, PPDB, Yang Amat Mulia Pengiran

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

Anak Haji Mohammed Saifullah bin Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris, pengarah dan timbalan pengarah, ketua-ketua formasi, pegawai, anggota pangkat rendah serta kakitangan PPDB.

Bacaan Surah Yaa Siin dan Tahlil telah dipimpin oleh Imam Surau Polis Gadong, APO Sarjan 6472 Mohammad Yusri bin Haji Abu

Bakar. Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam.

Majlis keagamaan ini dikendalikan oleh BUI PPDB yang bertujuan untuk menyemarakkan lagi bulan Ramadan Al-Mubarak dan memperoleh ganjaran pahala berlipat ganda serta keberkatan dari Allah Subhanahu Wata'ala.



70 anak yatim warga PPDB menerima sumbangan derma

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

GADONG, Sabtu, 14 Mac. - Badan Kebajikan Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) bersama Perkumpulan Kebajikan Isteri dan Keluarga Polis (PEKERTI) telah mengadakan Majlis Penyampaian Sumbangan Derma Anak-anak Yatim PPDB bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi yang berlangsung di Dewan Bankuet, Ibu Pejabat Polis Gadong.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Pesuruhjaya Polis, PPDB, Dato Seri Pahlawan Awang Sulaiman bin Alidin bersama isteri, Datin Sabrina Aziemah binti Abdullah Chong selaku Yang Dipertua PEKERTI.

Turut berangkat dan hadir, Timbalan Pesuruhjaya Polis, PPDB, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Haji Mohammed Saifullah bin Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris beserta isteri, Dayang Nur Akmalia binti Leftenan Kolonel (B) Awang Iskandar selaku Pengerusi PEKERTI, serta para pengarah, timbalan pengarah, ketua-ketua formasi dan Ahli-ahli PEKERTI.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Imam Surau Polis Gadong, APO S/Sgt 6472 Mohd. Yusri bin Haji Abu Bakar, diikuti dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran oleh L/CPL 5849 Ahmad Raihan bin Begawan Mudin Haji Matassim.

Majlis kemudian diteruskan dengan penyampaian sumbangan derma daripada Badan Kebajikan PPDB dan PEKERTI yang disampaikan oleh Pesuruhjaya Polis beserta isteri serta Timbalan Pesuruhjaya Polis beserta isteri.

Pada tahun ini, seramai 70 anak yatim yang terdiri daripada anak-anak warga PPDB telah menerima sumbangan berkenaan.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Penutup yang dibacakan oleh APO S/Sgt 6472 Mohd. Yusri.

Majlis berkenaan diadakan adalah sebagai salah satu usaha Badan Kebajikan PPDB dan PEKERTI dalam menyantuni serta meringankan beban anak-anak yatim dalam kalangan keluarga warga PPDB, di samping memupuk semangat kebersamaan, keprihatinan dan nilai kebajikan dalam kalangan warga pasukan.



PESURUHJAYA Polis, PPDB hadir selaku tetamu kehormat majlis. Turut berangkat dan hadir, Timbalan Pesuruhjaya Polis, PPDB.

PROGRAM NUR RAMADAN 3.0 ERATKAN SILATURAHIM, UKHUWAH BELIA



YANG Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat serta menyempurnakan penyampaian sumbangan kepada golongan yang memerlukan (atas dan bawah).



Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Alishahrin Haji Mumin

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 15 Mac. - Dalam usaha untuk memperkukuhkan silaturahmi dan ukhuwah dalam kalangan belia melalui aktiviti kebersamaan, interaksi positif dan penglibatan aktif sepanjang bulan Ramadan, seramai 64 belia mengikuti Program Nur Ramadan 3.0: Belia Al-Wahdah anjuran Masjid Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah menerusi Belia Imtiyaz yang berlangsung selama tiga hari dan dua malam.

Sehubungan itu, majlis penutup bagi program berkenaan diadakan petang tadi di Masjid Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Jalan Kasat, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian sijil kepada para peserta ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dikepalai oleh tetamu kehormat, diikuti dengan bacaan Surah Yaa Siin beramai-ramai dan ucapan daripada Awang Mohammad Faizal bin Awang Lalim selaku Pengerusi Majlis.

Awang Mohammad Faizal dalam ucapannya menjelaskan sepanjang program berkenaan berlangsung

para peserta dapat mengikuti semua aktiviti-aktiviti yang dijalankan di antaranya ialah seperti Qiamullail, Sahur dan Iftar Jama'ie, Tazkirah Subuh, Sesi Bersama Pengerusi, Sign Language Workshop, Sesi Kenali Sahabat Nabi, Lawatan Ilmiah di Balai Khazanah Islam Haji Hassanal Bolkiah, Al-Wahdah Wa Rahmah: Silaturahmi dan Kesejahteraan Teambuilding, Disability Simulation, sumbangan air sirap kepada orang awam dan pengagihan makanan asasi kepada warga emas Kampung Bolkiah 'A' dan 'B'.

"Alhamdulillah, kami juga telah berjaya menyumbangkan air sirap sebanyak 200 botol dan seterusnya diagihkan kepada orang awam di Taman Mahkota Jubli Emas.

"Seterusnya, kami telah mengagihkan sumbangan berupa makanan asasi kepada 20 warga emas Kampung Bolkiah 'A' dan 'B'," ujarnya lagi.

Acara kemudiannya diteruskan lagi dengan penyampaian sumbangan kepada golongan yang memerlukan, penyampaian sijil kepada para penaja, penyampaian sijil kepada peserta program dan penyampaian sijil kepada Ahli Jawatankuasa Program oleh tetamu kehormat.

Seterusnya, majlis diserikan lagi dengan tayangan video pendek sepanjang program dijalankan dan bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam.

Ia diakhiri dengan Lawatan Pameran Aktiviti Program Nur Ramadan 3.0 dan sesi bergambar ramai.

Majlis antara lain bertujuan untuk mewujudkan komuniti belia yang cakna, berdaya saing dan berakhlak, melalui pendekatan program holistik yang menggabungkan elemen kerohanian, sosial, teknologi pembelajaran berasaskan pengalaman dan pembangunan diri, termasuk Lawatan Ilmiah.

104 anak yatim terima sumbangan derma



YANG Mulia Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di Jabatan Perdana Menteri hadir selaku tetamu kehormat dan menyempurnakan penyampaian sumbangan kepada para penerima.

Oleh : Siti Rokiah Abdullah
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

SENGKURONG, Ahad, 15 Mac. - Majlis Penyampaian Derma Anak-anak Yatim bagi Kampung Sengkurong 'A', Kampung Sengkurong 'B', Kampung Tagap, Kampung Selayun dan Kampung Tanjung Nangka bagi Tahun 1447 Hijrah bersamaan 2026 Masihi telah diadakan petang tadi bertempat di Masjid Sultan Sharif Ali, Sengkurong.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos.

Majlis dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Mohd. Zaidin bin Haji Mohd. Noor selaku Pengerusi Jawatankuasa Takmir Masjid Sultan Sharif Ali, Sengkurong.

Acara diteruskan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Awang Haji Manan bin Haji Osman, diikuti bacaan Tahlil dan Doa Arwah yang dipimpin oleh Awang Mohammad Nurkhairi bin Haji Abd. Mustafa. Manakala Doa Allah Peliharakan Sultan turut dibacakan oleh Awang Haji Manan bin Haji Osman.

Pada majlis tersebut, seramai 104 orang anak yatim telah menerima sumbangan, terdiri daripada 29 orang dari Kampung Sengkurong 'A', 26 orang dari Kampung Sengkurong 'B', 15 orang dari Kampung Selayun, 19 orang dari Kampung Tagap dan 15 orang dari Kampung Tanjung Nangka.

Aktiviti kebajikan tersebut dikelola oleh Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Sultan Sharif Ali, Sengkurong dengan kerjasama Jemaah Muslimah serta Belia Syaababul Iman.

Majlis tahunan itu diadakan sebagai usaha untuk menyantuni anak-anak yatim serta membantu meringankan beban keluarga mereka dalam membuat persiapan menjelang Hari Raya Aidilfitri. Sumbangan yang diterima juga diharap dapat digunakan bagi keperluan persekolahan serta keperluan lain.

Sumbangan derma anak yatim berkenaan merupakan hasil kutipan daripada orang ramai melalui Tabung Khas Anak Yatim yang dibukakan sejak 5 Disember tahun lalu hingga 13 Mac 2026. Selain itu, sumbangan turut diterima daripada para dermawan termasuk Pengarah Urusan Autoriti Petroleum Brunei, Awang Shamir Salahudin. Dalam majlis berkenaan, tetamu kehormat menyampaikan sumbangan kepada para penerima.

Sementara itu, hamper makanan disampaikan oleh para penyumbang termasuk Pengarah Urusan Syarikat Gunung Jati dan Club Nissan Terra Brunei, Awang Haji Yusoff bin Haji Metussin, manakala Pengarah Urusan Nazmi Textiles, Awang Nazeer Ahamed bin Mohamed Zackariah turut menyampaikan sumbangan berupa kain kepada para penerima.

Oleh : Siti Rokiah Abdullah
Foto : Ihsan Majlis Perundingan Kampung Menunggol



Semai keceriaan Aidilfitri untuk anak yatim, warga emas



KETUA Pengarah Perkhidmatan Awam hadir menyempurnakan majlis berkenaan yang telah mengambil tempat di The Brunei Hotel (atas dan kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 15 Mac. - Seramai 18 orang anak yatim dan 59 warga emas telah menerima sumbangan derma semasa Majlis Penyampaian Sumbangan Derma dan Berbuca Puasa bersama Anak-anak Yatim

dan Warga Emas Kampung Menunggol, baru-baru ini.

Majlis yang diadakan di The Brunei Hotel itu dihadiri oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Dr. Awang Norfarizal bin Othman dan Pengarah Urusan Cityneon Displays &

Construction Sdn. Bhd., Dato Ting Jack Chai bersama rakan-rakan dan seterusnya menyampaikan sumbangan kepada para penerima.

Majlis tersebut dianjurkan oleh Majlis Perundingan Kampung Menunggol (MPK) dengan kerjasama Pengarah Urusan Cityneon Displays & Construction Sdn. Bhd., Dato Ting Jack Chai bersama rakan-rakan termasuk The Brunei Hotel, Payung Emas, Raymond Tang; Mangkuk Emas Trading Sdn. Bhd., Kelvin Chia; MNP Enterprise, Lim Chin Hai; Eric Yong, Khoo Soon Lye; Ketua Kampung Menunggol, Awang Haji Ibrahim bin Osman serta Awang Haji Rafee bin Haji Yusoff.

Ketua Kampung Menunggol dalam ucapan beliau menzahirkan rasa penghargaan kepada para dermawan yang telah menjayakan majlis tersebut.

Majlis tersebut merupakan acara berkebakikan yang diadakan untuk menceriakan anak-anak yatim dan warga emas bagi meringankan beban serta memberikan keceriaan dalam menyambut Hari Raya Aidilfitri yang bakal menjelang.



KEMENTERIAN PERTAHANAN

**Bilangan Rujukan
Dan Tajuk Tawaran:**

MINDEF / DFA / FY2025 /
NAU / RPK / TA / 1002
Pembelian Alat Kelengkapan
Gerakan Ballistic Shield Dan
Covert Shield Bagi Kegunaan
Angkatan Bersenjata Diraja Brunei

Yuran Tawaran:

BND 30.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian
Borang Tawaran adalah seminggu
sebelum tarikh tutup tawaran,
iaitu **Selasa, 14 April 2026.**

Tarikh Tutup Tawaran:

Selasa,
21 April 2026
Jam 2.00 Petang



Bilangan Dan Tajuk Tawaran:

MINDEF / DFA / FY2025 / NAU /
TL / TA / 1001
Permohonan Pembelian Alat
Selam Dive Cylinder, Dive
Regulator Dan Buoyancy
Compensator Device (BCD)
Bagi Kegunaan Komando Tier 2,
Grup Tindak Permukaan Laut

Yuran Tawaran:

BND 50.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi
pembelian Borang Tawaran
adalah satu (1) minggu
sebelum tarikh tutup tawaran,
iaitu
**Selasa,
7 April 2026.**

Tarikh Tutup Tawaran:

Selasa,
14 April 2026
Jam 2.00 Petang



**JABATAN ALAM SEKITAR, TAMAN DAN REKREASI
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar
Di Negara Brunei Darussalam**

Kelas:
IV atau V

Kategori:
KA01 & B01

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran:**
Selasa,
7 April 2026

Tarikh Tutup Pada:
Selasa,
21 April 2026
Jam 2.00 Petang

**Ditutup di Pejabat Lembaga
Tawaran Kecil, di Tingkat Bawah
Bangunan Kementerian
Pembangunan, Lapangan
Terbang Lama Berakas,
Bandar Seri Begawan BB3510,
Negara Brunei Darussalam**

JASTRE / BL / DB / 01 / 2025(R)
Kerja-Kerja Pembaikan Dan
Penaik Taraf Tapak Semaian
Belimbing, Bandar Seri
Begawan (Reka Dan Bina)

No. Projek:
JASTRE / BL / DB / 01 / 2025(R)

Jumlah Yuran Tawaran:
BND500.00
(Tidak Dikembalikan)



**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar
Di Negara Brunei Darussalam**

Kelas:
II atau III atau IV

Kategori:
KPB12

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran:**
Selasa, 7 April 2026

Tarikh Tutup Pada:
Selasa, 14 April 2026
Sebelum Jam 2.00 Petang

**Ditutup di Pejabat Lembaga
Tawaran Kecil, di Tingkat Bawah
Bangunan Kementerian
Pembangunan, Lapangan
Terbang Lama Berakas,
Bandar Seri Begawan BB3510,
Negara Brunei Darussalam**

JASTRE / BL / T003 / 2026
Kerja-Kerja Pemeliharaan
Landskap Di Jalan Perdana
Menteri (Dari Pusing Keliling
PMO Ke Pusing Keliling
Berakas) Termasuk Jalan
Menuju Pusing Keliling Airport
Dan Jalan Stadium Menuju
Pusing Keliling Pusat Dakwah
Termasuk Jalan Ke Mulia Hotel,
Negara Brunei Darussalam
Untuk Tempoh Tiga (03) Tahun.

No. Projek:
JASTRE / BL / T003 / 2026

Jumlah Yuran Tawaran:
BND 30.00
(Non Refundable)



**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar
Di Negara Brunei Darussalam**

**Kelas II, III, IV atau V
Kategori KPB12**

Tarikh Buka Tawaran pada:
2 Mac 2026 (Isnin)

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran:**
24 Mac 2026 (Selasa)

Tarikh Tutup Pada:
31 Mac 2026 (Selasa)
Sebelum Jam 2.00 Petang

**Ditutup di Pejabat Lembaga
Tawaran Kecil, di Tingkat
Bawah Bangunan Kementerian
Pembangunan, Lapangan
Terbang Lama Berakas,
Bandar Seri Begawan BB3510,
Negara Brunei Darussalam**

JASTRE / BL / T002 / 2026
Kerja-Kerja Penyelenggaraan
Landskap Di Kawasan Pusing
Keliling Lapangan Terbang,
Pusing Keliling Berakas, Pusat
Keliling Pusat Dakwah, Pusing
Keliling PMO, Pusing Keliling
Kiulap dan Pusing Keliling
Berdekatan Masjid Jame 'Asr
Hassanil Bolkiah,
Negara Brunei Darussalam
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun.

No. Projek:
JASTRE / BL / T002 / 2026

Jumlah Yuran Tawaran:
BND30.00 (Non Refundable)



**JABATAN PERKHIDMATAN
ELEKTRIK
JABATAN PERDANA MENTERI**

**Jemputan Untuk
Memberi Tawaran
Jabatan Perkhidmatan Elektrik**

Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / PSP / 100 / 2025

Tajuk Tawaran:
Design And Engineering
Services For The Proposed
Upgrade Of Existing 66kv
Substation To 132kv-Rated
Substation At Muara,
Brunei-Muara District And
At Setia Diraja,
Belait District

Tarikh Tutup:
Selasa,
7 April 2026
Jam 2.00 Petang

Yuran Tawaran:
BND100.00
(Tidak Dikembalikan)



**KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI**

**Pusat Kebangsaan
E-Kerajaan,
Kementerian Pengangkutan
dan Infokomunikasi**

Bilangan Tawaran:
EGNC / PM / 4.1 / 2.2026
Replacement of EGNC
Email Messaging Gateway
with Maintenance and
Support for 3 Years,
Pusat Kebangsaan E-Kerajaan
(EGNC),
Kementerian Pengangkutan
dan Infokomunikasi
(MTIC)

Tarikh Tutup:
Selasa,
31 Mac 2026



**DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

**Bilangan dan
Tajuk Sebut Harga:**
33 / DBP / SH / 2025-2026
Pembekalan Barang Merchandise
Sempena Perasmian Strategi
Membaca Kebangsaan
Perpustakaan Dewan Bahasa
Dan Pustaka, Kementerian
Kebudayaan, Belia Dan Sukan

Harga Borang Tawaran:
BND10.00

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Selasa, 31 Mac 2026
Jam 2.00 Petang



**JABATAN DAERAH
BRUNEI DAN MUARA
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Tawaran

Bilangan Dan Tajuk Tawaran :
JDBM / Q / 07 / 2026
Tawaran Penyewaan 3 Ruang Unit
Kedai Bertempat Di Dewan
Kemasyarakatan Mukim Mentiri,
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 31 Mac 2026
Jam 2.00 Petang



**KEMENTERIAN
HAL EHWAL LUAR NEGERI**

Bilangan Sebut Harga:
01 / MFA-ICC-Q / 2026-27

Tajuk Sebut Harga:
Pest Control Services For
International Convention Centre,
Berakas For A Period Of
Thirty Six (36) Months

Bayaran Yuran Dokumen:
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu, 25 Mac 2026
Jam 2.00 Petang




**JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
DAN INFOKOMUNIKASI**

Tajuk Tawaran:
ATELS / 2026 / LTK-02
Supply, Delivery, Installation,
Configuration, Testing And
Commissioning Of The Air Traffic
Service Switching System
And Health Check For
Voice Communication,
Backup Voice Communication,
And Voice Recording Systems For
The Air Traffic Services Centre,
Department Of Civil Aviation

**Tarikh Iklan / Mengambil
Dokumen Tawaran:**
23 Februari 2026, Isnin

**Tarikh Terakhir Mengambil
Dokumen Tawaran:**
20 April 2026, Isnin

Tarikh Tutup Tawaran:
21 April 2026, Selasa

Kepada:
Pengerusi Lembaga
Tawaran Kecil
Kementerian Pengangkutan
dan Infokomunikasi
Jalan Menteri Besar
Bandar Seri Begawan
BB3910
Negara Brunei Darussalam


**JABATAN BELIA DAN SUKAN
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

Bilangan Tawaran:
JBS / ADM / TDR / 01 / 2026

Keterangan:
Request For Proposal
To Finance, Design,
Build, Manage, Operate
And Maintain A Sports Complex
In Kampung Lambak Kanan -
Retender

Yuran Tawaran:
FOC

Tarikh Tutup:
28 April 2026


KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN
Kenyataan Sebut Harga

**Bilangan Dan Tajuk Sebut
Harga:**
24 / SEPT / 2025 / KKBS / PJK /
16.14 (R)
Renovation Works To Meeting
Room At Level 7, Ministry Of
Culture, Youth And Sports,
Brunei Darussalam (Re-Quotation)

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Khamis,
2 April 2026
Jam 2.00 Petang


Kenyataan Sebut Harga

Bilangan Sebut Harga:
02 / MAR / 2026 / KKBS / PJK /
16.14 (7)
Three (3) Years General Term
Maintenance For Pabx System At
Ministry Of Culture, Youth And
Sports Building,
Brunei Darussalam

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Khamis, 2 April 2026
Jam 2.00 Petang


Kenyataan Tawaran

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
20 / FEB / 2026 / KKBS /
SECURITY / PKBN

Membekalkan Perkhidmatan
Kawalan Keselamatan Bagi
Tempoh Dua Puluh Empat
(24) Bulan
Untuk Kompleks Bangunan Kem
Latihan Program Khidmat Bakti
Negara (PKBN),
Kampung Batu Apoi,
Daerah Temburong, Kementerian
Kebudayaan, Belia Dan Sukan,
Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
31 Mac 2026
Jam 2.00 Petang


Kenyataan Sebut Harga

Bilangan Sebut Harga:
01 / MAR / 2026 / KKBS / PJK /
16.43

Tajuk Sebut Harga:
General Building Term
Maintenance For A Period Of
Twenty-Four (24) Months For
Outward Bound Brunei
Darussalam (OBBD) Temburong,
Brunei Darussalam
1. Batang Duri Camp
2. Belalong Camp

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Khamis,
26 Mac 2026
Jam 2.00 Petang


**JABATAN PERTANIAN
DAN AGRIMAKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER
UTAMA DAN PELANCONGAN**
**Pemberitahuan Sebut Harga
Jabatan Pertanian dan
Agrimakanan**

Sebut harga hendaklah
dimasukkan ke dalam
Peti Sebut harga dan dialamatkan
kepada Ibu Pejabat,
Jabatan Pertanian dan
Agrimakanan,
Jalan Muhibbah,
Lapangan Terbang Lama,
Berakas,
BB3510
Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam.

Tidak lewat dari
jam 2.00 petang
pada
Khamis, 26 Mac 2026.

Borang Sebut Harga:
BND7.00

- 1. JPt / SH / 115 / 2025 - 2026**
Kerja-Kerja Menaiktaraf Jalan
Ladang Di Kawasan Kemajuan
Pertanian (KKP) Maraburong,
Daerah Tutong
- 2. JPt / SH / 116 / 2025 - 2026**
Term Contract For
Air-Conditioning System
Maintenance And Other
Required Works At Zone 'B'
Brunei Muara District,
Jabatan Pertanian
Dan
Agrimakanan For
The Period Of
Twelve (12) Months
- 3. JPt / SH / 117 /
2025 - 2026**
Term Contract For
Air-Conditioning System
Maintenance And Other Required
Works At Zone 'C'
Brunei Muara District,
Jabatan Pertanian Dan
Agrimakanan For The Period Of
Twelve (12) Months
- 4. JPt / SH / 102(A) /
2025 - 2026**
To Provide Training
For SHENA Radiation License



**Bilangan Tawaran Dan
Keterangan Projek:**
1 / BBS / BPPK-TC(1) / 2026-2027
Trees Trimming At Pasarneka
Kuala Belait Jalan Bunga Simpung
Kuala Belait

**Bilangan Tawaran Dan
Keterangan Projek:**
2 / BBS / BPPK-TC(2) / 2026-2027
Chopping, Uprooting, Site
Cleaning And Disposal Of
Trees In Kuala Belait And Seria
Municipal Area

**Dibukakan kepada pemborong -
pemborong yang berdaftar
dengan Kementerian
Pembangunan Negara Brunei
Darussalam**

Yuran Tawaran:
BND5.00
(Non - Refundable)

Tarikh Tutup Tawaran:
Rabu, 4 April 2026


**PERATURAN
PENGIKLANAN
(SEKTOR AWAM / KERAJAAN)
DI PELITA BRUNEI**

IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*)
hendaklah dihantar dan diterima oleh
Meja Iklan bagi **iklan Tawaran TIDAK
kurang dari empat (4) minggu dan
iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari
dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan
dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah
dibaca menggunakan **Microsoft Word**
dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang
Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar
menggunakan **BAHASA MELAYU
SAHAJA.**

- Sila sertakan dokumen-dokumen yang
berkaitan dan nyatakan apa-apa
keperluan iklan berkenaan, seperti
tarikh terbitan untuk diiklankan dan
sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah
dihantar melalui :

E-MEL :

iklan.pb@information.gov.bn

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :

**+673 2383400
sambungan Meja Iklan**

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA
DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI
MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.

IMBASAN MINGGUAN



MAJLIS Khatam Al-Quran yang terdiri daripada 40 dewasa, 33 Muslimah, 46 belia dan 33 beliawanis anjuran Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Sungai Besar.
- Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit.



GEMBIRA dan rasa bersyukur, antara penerima Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-17.
- Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit.



SEBAHAGIAN penerima Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Kali Ke-17 bagi Daerah Temburong.
- Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said.



ORANG Kelainan Upaya antara penerima Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Kali Ke-17. - Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said.

سورة القدر

ليلة القدر: ما لم يغ لبيه بايك درقد سريبو بولن

مقصودن: هندقله كامو جاري اي (ليلة القدر) ايت قد سقولوه مالم تراخير (بولن رمضان) دان كامو جاري اي قد تياف-تياف مالم كنجيل. {حديث رواية إمام بخاري}

جماعه يغ درحمي الله،

دالم أوسها كيت اونتوق مرابه ليلة القدر، اد بيراث فركارا يغ دكالككن اونتوق كيت ملاكوككن، انتاران مبايقكن مباح القرآن، مهمي سرتا برعمل دغن إيسي كاندوغنن، معهدوفكن مالم دغن عبادت، خصوصن سمبهيغ سنة دان مفربايقكن بردعاء كغد الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى. داننارا دعاء يغ فاليع أوتام يغ داوجفكن قد ليلة القدر اداله اف يغ رسول الله صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ اجاركن كغد عائشة رَضِيَ اللهُ عَنْهَا. درقد عائشة رَضِيَ اللهُ عَنْهَا كاتن: اكو فرنه برتان كغد رسول الله صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ. واهي رسول الله! باكيما جك ساي مغتهوي اكن مالم ليلة القدر ايت دغن تفت، افكه دعاء يغ فاتوت ساي باج؟ بكيندا منجواب: كاتاكله اوليهمو: **اللَّهُمَّ إِنَّكَ عَفُوٌّ كَرِيمٌ تُحِبُّ الْعَفْوَ فَاعْفُ عَنِّي**.

مقصودن: يا الله! سوسوگوهن أغكاو مها فمعاف دان مهوكاي كمعافن، اوليه ايت معافكله اكو. {حديث رواية إمام ترمذي}

مندعكن بتاف بسرئ كنجارن ليلة القدر، مك كيت ربوتله فلواغ دغن منيغتككن لاكي عمل عبادت تراوتام سكالو دسقولوه مالم تراخير دبولن رمضان اين. كوناكله فلواغ يغ اد اين اونتوق بنر-بنر كمبالي كغد الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى. جك سبلوم اين كيت فرنه لالاي، مك اينله ماسن اونتوق سدر. جك سبلوم اين كيت جارغ برعبادت، مك اينله فلواغ اونتوق برمولا. جك سبلوم اين كيت جاوه، مك اينله وقتو اونتوق مندككن ديري كغد الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى، كران موغكين رمضان اين اداله يغ تراخير بوات كيت.

أخيرن، موده-مودهن سكل عمل عبادت دان عمل كبايقن يغ كيت لاكوكن دسفنجغ بولن يغ موليا اين دترما اوليه الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى، دكورنياكن دغن سبايك-بايك بالسن سرتا منجادي أسباب كيت تركولوغ دالم كالغن همبان يغ مندافت كامقونن، رحمة دان شفاعة قد هاري يغ تياذ لاكي فرتولوغن ملاينكن فرتولوغن الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى. آمين يا رب العالمين.

سوسوگوهن كامو تله منورونكن القرآن ايت قد مالم ليلة القدر. دان تاهوكه أغكاو افكه مالم ليلة القدر ايت؟ مالم ليلة القدر ايت لبيه بايك درقد سريبو بولن. قد مالم ايت تورون ملائكة-ملائكة دان ملائكة جريل دغن إذن توهن مريك اونتوق مغاتور سكل أروسن. مالم ايت (فوه) كسجهتران هيغك تربيت فجر. {سورة القدر آية: ١-٥}

بَارَكَ اللهُ لَنَا فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنَا بِالْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلْ مِنَّا تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، وَأَسْتَغْفِرُكَ اللهُ الْعَظِيمُ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَبِإِنجَاءِ النَّابِينَ.

جماعه يغ درحمي الله،

برتقوى له كيت كحضرة الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى دغن منيغتككن كيامنن كقدن. سوسوگوهن اورغ يغ فاليع مليا دسيبي الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى ايت ايله اورغ يغ فاليع برتقوى. موده-مودهن كيت منجادي انسان يغ سنتياس مغايغي الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى، براوله كجيان دان كسلامتن دنيا دان جوك داخيرة.

جماعه يغ درحمي الله،

الحمد لله، كيت ملفظكن شكور كحضرة الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى كران دغن ليمقه رحمة دان كاسيه سايقن، كيت ماسيه دفنجهكن عمور، دبري كسمقن اونتوق تروس برنفس دان دفرتموكن لاكي دغن بولن رمضان المبارك. اينله بولن يغ دنيتيكن اوليه سلوروه أومت إسلام كران ددالمن، ترسمبوبي ساتو مالم يغ نيلاين تياذ بنديغن، مالم يغ لبيه بايك درقد سريبو بولن ييايت ليلة القدر.

قد مالم ترسبوت، الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى مغامقونكن دوسا-دوسا همبان يغ برعبادت دغن فوه كيامنن دان فغهارفن، سمات-سمات كران مغهارفكن رضاء الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى. اوليه ايت، ماريله كيت ممفربايقكن دان مليغتكنداكن عمل عبادت سرتا عمل كبايقن، دمي مروت كليبهن يغ تياذ تولوق بنديغن دان كنجارن يغ تيدق ترنيلاي هركان. درقد أبو هريرة رَضِيَ اللهُ عَنْهُ، رسول الله صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ برسبدا: **مَنْ قَامَ لَيْلَةَ الْقَدْرِ إِيمَانًا وَاحْتِسَابًا، غُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ، وَمَنْ صَامَ رَمَضَانَ إِيمَانًا وَاحْتِسَابًا، غُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ**.

مقصودن: بارغسياف يغ منكككن ليلة القدر (مغيسي دغن عبادت) كران إيمان كغد الله دان مغهارفكن فهلا (هان درين) مك اكن دامقوني دوسا-دوسان يغ تله لالو، دان بارغسياف يغ برقواسا رمضان كران إيمان كغد الله دان مغهارفكن فهلا (هان درين) مك اكن دامقوني دوسا-دوسان يغ تله لالو. {حديث رواية إمام بخاري}

جماعه يغ درحمي الله،

ليلة القدر ايت تيدق دنتوكن ساعت دان وقتون كران اي اداله فركارا رهسيا دان هان الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى سهاجله يغ مها مغتهوي. ادافون انتارا حكمه الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى مرهسياكن مالم ليلة القدر ايله اكر كيت تيدق هان ميلميه مالم ترتنتو اونتوق برعبادت، تياثي سباليكن سنتياس تكون دان برسوگوه-سوغكوه برعبادت دسفنجغ مالم-مالم رمضان. دغن ميمبوييكن مالم فوه كبركتن ايت، الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى مندديق هاتي كيت اكر إخلاص دان برسوگوه-سوغكوه دالم برعمل، تنفا بركنتوغ كغد وقتو ترتنتو، ماله تروس كونسيستن دالم معجر رحمة دان كامقونن الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى.

والاو باكيماقون رسول الله صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ برسبدا دالم حديث بكيندا اكر كيت منجاري ليلة القدر ايت قد سقولوه مالم يغ تراخير دبولن رمضان دان قد تياف-تياف مالم يغ كنجيل. درقد أبو سعيد الخدري رَضِيَ اللهُ عَنْهُ، رسول الله صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ برسبدا: **فَالْتَمِسُوهَا فِي الْعَشْرِ الْآخِرِ، وَالتَّمِسُوهَا فِي كُلِّ وَتْرٍ**.

SMARTER BRUNEI ADAKAN MAJLIS KHATAM AL-QURAN



MANGGIS / MADANG, Sabtu, 14 Mac. - Persatuan SMARTER Brunei mengadakan Majlis Khatam Al-Quran bersempena Sambutan Hari Kesedaran Autisme Sedunia (WAAD) bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi bertempat di Dewan

Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit, Manggis / Madang, hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Norarfan

bin Haji Zainal dan isteri, Datin Dr. Dayang Hajah Rohanita binti Haji Yaakub.

Hadir sama, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim.

Seramai 13 individu autisme dari SMARTER Brunei yang terdiri daripada 12 lelaki dan seorang perempuan menyertai Majlis Khatam Al-Quran diiringi oleh keluarga, guru dan Ahli Komuniti SMARTER Brunei.

Tahun ini menandakan tahun ketiga berturut-turut SMARTER Brunei menganjurkan Majlis Khatam Al-Quran dengan penyertaan individu autisme.

Inisiatif ini mencerminkan usaha berterusan organisasi untuk menggalakkan inklusiviti dan menyediakan peluang bermakna kepada individu autisme untuk mengambil bahagian dalam aktiviti keagamaan dan komuniti.

Program ini merangkumi bacaan Surah Al-Fatihah, bacaan Khatam Al-Quran, Takhtim, Doa Khatam dan Dikir Marhaban serta penyampaian sijil dan bunga telur kepada para peserta.

Acara ini meneguhkan komitmen berterusan SMARTER Brunei untuk menyokong pembangunan rohani, inklusiviti dan pemerksaan individu autisme, di samping memperkukuh kesedaran komuniti sempena Hari

Oleh : Aimi Sani

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid



REKTOR Universiti Islam Sultan Sharif Ali dan isteri hadir selaku tetamu kehormat majlis (kiri), manakala gambar atas, antara yang menyertai majlis berkenaan.

Kesedaran Autisme Sedunia yang pada setiap 2 April.

SMARTER Brunei juga ingin merakamkan penghargaan ikhlas kepada penaja-penaja yang bermurah hati yang telah menyumbang kepada kejayaan acara ini, iaitu Hokko Sdn. Bhd., El Waed Sdn. Bhd., Syarikat Aliaa Sdn. Bhd., Malar Setia Sdn. Bhd. serta ibu bapa SMARTER Brunei yang sentiasa menyokong.

Sumbangan mereka mencerminkan komitmen bersama untuk menyokong inisiatif yang memperkasakan dan meraikan individu autisme dalam komuniti.

Turut hadir, Ahli-ahli Jawatankuasa Eksekutif Persatuan SMARTER Brunei yang diketuai oleh Yang Dipertua, Pengiran Zamri bin Pengiran Haji Bujang, bersama-sama wakil daripada institusi agama, agensi kerajaan, ibu bapa, guru-guru dan tetamu jemputan.

Menggalakkan belia terus berdamping dengan Al-Quran

Oleh : Nurdiyana Rajami

Foto : Nurdiyana Rajami, Ihsan Pusat Pembangunan Belia



PEMANGKU Setiausaha Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB), Pengiran Ahmad Faris Ramadhani bin Pengiran Haji Sellahuddin hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan.

TANAH JAMBU, Sabtu, 14 Mac. - Program Bimbingan Al-Quran dan Iqra merupakan program wajib diikuti setiap pelatih di bawah Program Pembangunan Belia yang dikendalikan oleh Bahagian Kerohanian dan Keagamaan, Unit Hal Ehwal Pelatih, Pusat Pembangunan Belia (PPB).

Sehubungan dengan itu, seramai 83 pelatih Program Pembangunan Belia Sesi 2025 terdiri daripada 49 pelatih lelaki dan 34 pelatih perempuan telah diraikan pada Majlis Takreem Al-Quran yang berlangsung di Dewan Bina Diri, PPB, Jalan Utama Tanah Jambu, pagi tadi.

Majlis Takreem Al-Quran merupakan salah satu acara tahunan bagi menandakan para pelatih telah tamat mengikuti Program Latihan Kemahiran dan Program Pembangunan Diri selama sembilan bulan di PPB.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan, Pemangku Setiausaha Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB), Pengiran Ahmad Faris Ramadhani bin Pengiran Haji Sellahuddin yang sekali gus memimpin bacaan Surah Al-Fatihah bagi memulakan majlis.

Majlis diikuti dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Selawat Tafriyyah secara beramai-ramai. Majlis diteruskan dengan bacaan Surah Al-Munafiqun, ayat 1 hingga 11 oleh para pelatih serta diserikan dengan alunan dikir daripada kumpulan lepasan pelatih PPB.

Majlis kemudiannya diselenggarakan dengan acara merenjis minyak wangi dan penyampaian sijil kepada para pelatih PPB diraikan yang telah disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis sebagai penghargaan atas kegigihan serta pencapaian mereka dalam aktiviti kerohanian dan keagamaan sepanjang berada di pusat berkenaan.

Program Bimbingan Al-Quran dan Iqra berkenaan dilaksanakan sejurus selepas para pelatih memulakan pengajian di PPB, iaitu bermulanya mereka menjalani Program Induksi dan dilaksanakan sehingga mereka tamat mengikuti Program Pembangunan Diri.

Oleh yang demikian, antara lain tujuan pelaksanaan program berkenaan adalah untuk meningkatkan kefahaman tentang kepentingan membaca dan menghayati Al-Quran sebagai panduan hidup dan sebagai penggalak kepada belia untuk terus berdamping dengan Al-Quran bagi memupuk keperibadian dan berakhlak Al-Quran.

Majlis Khatam Al-Quran sempena Ulang Tahun Ke-40 UTB



MAJLIS Khatam Al-Quran sempena Sambutan Ulang Tahun Ke-40 universiti berkenaan bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi yang berlangsung di Masjid Universiti Brunei Darussalam (atas dan bawah).

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin

Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit

TUNGKU LINK, Sabtu, 14 Mac. - Universiti Teknologi Brunei (UTB) pagi tadi mengadakan Majlis Khatam Al-Quran sempena Sambutan Ulang Tahun Ke-40 universiti berkenaan bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi yang berlangsung di Masjid Universiti Brunei Darussalam (UBD), di sini.

Acara berkenaan menandakan tamatnya 40 kali bacaan Al-Quran yang dilakukan secara kolektif oleh kakitangan dan pelajar UTB sepanjang bulan Ramadan.

Hadir pada majlis berkenaan, Naib Canselor UTB, Datin Paduka Profesor Dr. Dayang Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan bacaan Surah Adh-Dhuha hingga Surah Al-Masad, bacaan Takhtim dan Doa Khatam Al-Quran.

Majlis turut diserikan lagi dengan Dikir Marhaban.

Sijil khatam Al-Quran kemudiannya disampaikan kepada para peserta sebagai mengiktiraf penyempurnaan bacaan mereka.

Di samping itu, sijil penghargaan turut disampaikan kepada Ahli Jawatankuasa Lajnah Tadqiq dan Murajaah Penerbitan Mushaf UTB sebagai menghargai sumbangan berharga mereka dalam penerbitan dan pemeliharaan Mushaf UTB.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat, memohon keberkatan, kesejahteraan, dan kejayaan berterusan buat UTB dan warganya dalam menandakan 40 tahun sumbangan universiti kepada pendidikan tinggi.

Majlis antara lain merupakan sebahagian daripada aktiviti Sambutan Ulang Tahun UTB dan menjadi peluang bermakna bagi warga UTB untuk bersama-sama dalam mengeratkan silaturahim.



KEBAJIKAN ANAK YATIM TERUS DIBERI PERHATIAN



Oleh : Khartini Hamir
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 15 Mac. - Sempena bulan Ramadan ini, kebajikan anak-anak yatim di negara ini terus mendapat pemeduliaan daripada pelbagai pihak yang bermurah hati menghulurkan sumbangan derma bagi memberikan keceriaan dalam menyambut Hari Raya Aidilfitri yang bakal menjelang tiba. Samima Sendirian Berhad melalui inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) petang tadi mengadakan Majlis Penyampaian Sumbangan Derma Kepada Anak-anak Yatim dan Majlis Bersungai yang diadakan di Musollah Al-Hidayah dan Dewan Samima, Madang Junction, Kampung Madang.

Hadir pada majlis tersebut, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan, Ketua Kampung Belimbing; Penolong Pengarah Urusan, Perkhidmatan Projek Khas, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB), Mejar (B) Sopian bin Haji Mohammad Yassin; Pemangku Ketua Kampung Madang dan Pemangku Ketua Kampung Manggis. Acara terdahulu dimulakan dengan bacaan Surah Yaa Siin, Tahlil dan Doa Arwah yang dipimpin oleh Imam Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit, Kampung Manggis / Madang, Awang Nuzli bin Haji Jumat. Seterusnya penyampaian sumbangan derma kepada seramai

50 orang anak-anak yatim dari Kawasan Berakas dan Madang, ini termasuk pek sumbangan berupa Buku Yaa Siin, kalendar, barangan peralatan tulis dan buku, minuman dan beg kitar semula Samima. Pada majlis itu juga, Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah turut menerima sumbangan sebanyak BND5,000 dari Samima Sdn. Bhd. yang disampaikan oleh Pengarah Urusan Syarikat Samima Sdn. Bhd., Awang Haji Hidayatullah bin Haji Tajudeen, sumbangan tersebut diterima oleh Penolong Pengarah Urusan, Perkhidmatan Projek Khas, YSHHB. Atur cara kemudiannya diteruskan dengan majlis berbuka puasa dan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah.



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Ketua Kampung Belimbing hadir pada majlis tersebut (atas dan atas kiri), manakala gambar bawah, sebahagian daripada yang hadir pada majlis berkenaan.



MPK Tungku hulurkan sumbangan



KETUA Kampung Tungku dan Katok hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut yang diadakan di Ruang Legar, Masjid Pengiran Muda 'Abdul Malik, Kampung Tungku.

Oleh : Siti Rokiah Abdullah
Foto : Ihsan Haji Zakaria Haji Liman

TUNGKU, Ahad, 15 Mac. - Majlis Perundingan Kampung (MPK) Tungku melalui Biro Kebajikan dan Kemasyarakatan petang tadi telah mengadakan Majlis Penyampaian Derma kepada Anak-anak Yatim daripada Kampung Tungku dan Katok. Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis yang berlangsung di Ruang Legar, Masjid Pengiran Muda 'Abdul Malik, Kampung Tungku ialah Ketua Kampung Tungku dan Katok, Awang Ahmad Khairi bin Haji Hassan. Dalam ucapannya, Ketua Kampung Tungku dan Katok menzahirkan ucapan penghargaan atas usaha dan sumbangan yang telah dihulurkan kepada

anak-anak yatim terutama dalam meringankan keperluan seharian dan membuat persiapan menjelang Sambutan Hari Raya Aidilfitri. Sumbangan yang dihulurkan, tambah beliau, merupakan keprihatinan dan sokongan yang diberikan dalam menyantuni kebajikan dan kesejahteraan anak-anak yatim. Jelasnya, semangat saling membantu dan mengambil berat antara satu sama lain mencerminkan masyarakat kampung yang kuat dan bersatu padu. Pada tahun ini, seramai 14 anak yatim yang bermastautin di kampung berkenaan telah menerima sumbangan derma.

Rabithah Alumni Al-Azhar Al-Syarif Brunei Darussalam santuni golongan memerlukan



Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Ihsan Rabithah Antarabangsa Alumni Al-Azhar Al-Syarif Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 15 Mac. - Dalam sama-sama meringankan beban golongan kurang berkemampuan agar dapat menjalani ibadah puasa dengan penuh rasa syukur selain membantu pihak kerajaan untuk menghulurkan sumbangan kepada mereka yang memerlukan, Rabithah Antarabangsa Alumni Al-Azhar Al-Syarif Brunei Darussalam hari ini menganjurkan satu aktiviti berkebabjikan iaitu Program Khayrat Azhari. Program Khayrat Azhari merupakan program yang bertujuan untuk membantu masyarakat yang kurang berkemampuan di samping menzahirkan sikap pemeduliaan warga Rabithah kepada pembangunan ummah. Aktiviti tahunan ini

menyasarkan golongan muaf yang memerlukan bantuan serta golongan fakir miskin di keempat-empat daerah. Aktiviti dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah dan doa oleh Pengerusi Lajnah Kebajikan dana Kemasyarakatan, Awang Muhammad Hairul Nizam bin Muhammad. Kemudian diteruskan dengan ucapan oleh Ra'es Rabithah Antarabangsa Alumni Al-Azhar Brunei Darussalam, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof. Penyerahan sumbangan diadakan secara serentak di kesemua daerah yang disertai oleh Jawatankuasa Eksekutif Rabithah dan para belia daripada Ahli Rabithah. Bagi Daerah Belait

RA'ES Rabithah Antarabangsa Alumni Al-Azhar Brunei Darussalam menyempurnakan penyampaian sumbangan kepada salah seorang penerima.

sumbangan kepada empat penerima disampaikan oleh Ra'es Rabithah Jawatankuasa Eksekutif Rabithah, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz. Sementara itu, bagi Daerah Brunei dan Muara, sumbangan kepada 13 buah keluarga telah disampaikan oleh Naib Ra'es II Jawatankuasa Eksekutif Rabithah, Profesor Dr. Siti Sara binti Haji Ahmad; Setiausaha Agung Rabithah, Awang Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abd. Rahman dan Timbalan Setiausaha I Rabithah, Pengiran Haji Haslin bin Pengiran Haji Ali. Manakala bagi Daerah Temburong sumbangan kepada empat penerima telah disampaikan oleh Naib Ra'es I Jawatankuasa Eksekutif Rabithah, Dato Seri Setia Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal. Bagi Daerah Tutong pula sumbangan kepada empat penerima disampaikan oleh Bendahari Agung Rabithah, Awang Haji Abdul Aziz bin Haji Akop. Melalui program ini, ia juga dapat menjadi suatu keceriaan bagi golongan yang disasarkan, dan sumbangan itu juga dihasratkan supaya akan dapat menampung perbelanjaan dalam sama-sama menyambut hari kemenangan umat Islam pada 1 Syawal nanti.

LEBIH 40 ANAK YATIM, IBU TUNGGAL TERIMA SUMBANGAN DERMA

Berita dan Foto : Siti Rokiah Abdullah



BERAKAS, Sabtu, 14 Mac. - Lebih 40 orang anak-anak yatim dan para ibu tunggal dari Kampung Subok dan Kampung Kiarong telah menerima sumbangan dalam satu majlis penyampaian derma yang diadakan di Citis Square Shopping Mall, Berakas, hari ini.

YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Pemangku Penghulu Mukim Kianggeh merangkap Ketua Kampung Subok hadir pada majlis tersebut dan seterusnya menyerahkan sumbangan kepada penerima.

Hadir pada majlis tersebut ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat, Pemangku Penghulu Mukim Kianggeh merangkap Ketua Kampung Subok.

Turut hadir, Pengurus Besar Citisquare dan Max V Management, Dato Lai Heng Wai; Ketua Kampung Kiarong, Awang Muhamad Syair bin Haji Samsudin serta para jemputan lain. Majlis dimulakan dengan bacaan doa yang dipimpin oleh Awang Haji Md.

Rasidi bin Haji Sulaiman bagi memohon keberkatan serta kelancaran majlis.

Dalam ucapan alu-aluannya, pihak pengurusan menjelaskan bahawa usaha menyantuni anak-anak yatim dan para ibu tunggal tersebut merupakan tradisi tahunan yang telah diungkuhkan lebih sedekad.

Inisiatif berkenaan bukan sahaja sebagai pelaksanaan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) kepada masyarakat, malah turut menjadi platform untuk berkongsi rezeki serta menzahirkan keprihatinan terhadap golongan yang memerlukan.

Menurut pihak pengurusan lagi, penganjuran majlis tersebut adalah hasil keprihatinan serta kemurahan hati Pengurus Besar Citisquare

Shopping Mall dan Max V Management, Dato Lai Heng Wai bersama ahli keluarga beliau yang sentiasa menyokong usaha kebajikan kepada masyarakat.

Majlis berkenaan turut menekankan bahawa bulan Ramadan merupakan waktu yang amat digalakkan untuk memperbanyakkan amal kebajikan serta membantu golongan yang memerlukan, selaras dengan nilai-nilai keprihatinan dan semangat berkongsi rezeki dalam kalangan masyarakat.

Pihak penganjur juga berharap agar usaha kebajikan seumpama ini akan dapat diteruskan pada masa hadapan sebagai satu inisiatif berterusan dalam membantu serta menceriakan kehidupan golongan yang memerlukan di negara ini.

17 penderma sumbang ke Tabung Anak Yatim

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Daerah Brunei dan Muara

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 14 Mac. - Sebanyak 17 penderma terdiri daripada syarikat-syarikat dan orang persendirian telah menyumbangkan derma pada Majlis Penyampaian Sumbangan Derma ke Tabung Anak Yatim Jabatan Daerah Brunei dan Muara berlangsung di Bilik VIP, Jabatan Daerah Brunei dan Muara, hari ini.

Hadir bagi menerima sumbangan tersebut ialah Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Pengiran Muhammad Ameer Mubaarak bin Pengiran Haji Hashim. Sumbangan derma tersebut adalah daripada Chinese Chamber of Commerce BSB, Kok, Lo Wan Yee, Lim Ting Guan, Goh Kok An, Sng Teck An, Law Tiong Kian, Lim Wee Ann, Lim Eng Hsin, Hong Kim Seng, Lim Kian Seng, Women Council dan Youth Entrepreneur Council berjumlah BND16,599.



PEMANGKU Pegawai Daerah Brunei dan Muara hadir bagi menerima sumbangan tersebut.

Chamber of Commerce BSB, Kok, Lo Wan Yee, Lim Ting Guan, Goh Kok An, Sng Teck An, Law Tiong Kian, Lim Wee Ann, Lim Eng Hsin, Hong Kim Seng, Lim Kian Seng, Women Council dan Youth Entrepreneur Council berjumlah BND16,599.

Chamber of Commerce BSB, Kok, Lo Wan Yee, Lim Ting Guan, Goh Kok An, Sng Teck An, Law Tiong Kian, Lim Wee Ann, Lim Eng Hsin, Hong Kim Seng, Lim Kian Seng, Women Council dan Youth Entrepreneur Council berjumlah BND16,599.

Chamber of Commerce BSB, Kok, Lo Wan Yee, Lim Ting Guan, Goh Kok An, Sng Teck An, Law Tiong Kian, Lim Wee Ann, Lim Eng Hsin, Hong Kim Seng, Lim Kian Seng, Women Council dan Youth Entrepreneur Council berjumlah BND16,599.

14 ditahan semasa Operasi Kiyomeru Fasa III



PERAHU dipercayai digunakan dalam menjalankan kegiatan pengedaran dadah (kiri), manakala gambar kanan, antara yang dirampas semasa operasi berkenaan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 14 Mac. - Biro Kawalan Narkotik (BKN) telah meneruskan Operasi Kiyomeru Fasa III yang menyasarkan kepada satu lagi rangkaian pengedaran dadah yang berkaitan dengan rangkaian sebelum ini di Kampong Ayer.

Operasi Kiyomeru Fasa III ini dijalankan di tiga buah lokasi berlainan di Kampung Saba pada 12 Mac 2026 dan telah menahan seramai 14 orang. Mereka terdiri daripada 11 lelaki dan tiga perempuan dalam lingkungan

umur 14 hingga 62 tahun. Operasi Kiyomeru Fasa III telah merampas 860.59g Syabu yang dianggarkan bernilai lebih daripada BND100,000 di pasaran tempatan dan boleh menampung sekurang-kurangnya 8,500 pengguna dadah.

Turut dirampas ialah wang tunai berjumlah BND65,059; RM123 dan SGD45 serta beberapa bentuk barang kemas dipercayai hasil daripada kegiatan pengedaran dadah.

Kemudian beberapa buah kenderaan iaitu kereta dan perahu



serta beberapa unit telefon bimbit dipercayai digunakan dalam menjalankan kegiatan pengedaran dadah; alat perkakas untuk membungkus (*packing*) dadah seperti gunting, alat timbangan digital dan plastik lutsinar kecil serta alat perkakas untuk menyalahgunakan dadah turut juga dirampas.

Salah seorang hasil daripada tangkapan operasi ini disiasat di bawah Seksyen 3A, Akta Penyalahgunaan Dadah, Penggal 27 atas kesalahan memiliki dadah terkawal bagi tujuan mengedar

yang mana, jika sabit kesalahan dengan jumlah dadah yang dimiliki, boleh membawa hukuman gantung sampai mati.

Manakala lima orang tangkapan lainnya turut disiasat di bawah Seksyen 3, Perintah Mendapatkan Kembali Aset Jenayah, 2012 (Criminal Asset Recovery Order - CARO).

Hasil daripada siasatan yang dijalankan, mereka yang ditangkap merupakan orang suruhan dan ahli keluarga kepada dalang utama yang bersubahat dalam menjalankan kegiatan pengedaran

Siaran Akhbar dan Foto : Biro Kawalan Narkotik

dadah. Dalang utama rangkaian ini ialah seorang lelaki warga tempatan berumur 26 tahun yang pada masa ini masih dalam buruan BKN. Suspek dipercayai aktif menjalankan kegiatan pengedaran dadah di kawasan Kampung Saba Darat 'A' dan Kampung Saba Tengah.

BKN terus memburu dan memohon bantuan kerjasama orang ramai untuk menjejaki Mohammad Rafik bin Silimah, nombor Kad Pengenalan 01-096794 berhubung kes ini. BKN ingin menegaskan bahawa tindakan melindungi suspek adalah dikira sebagai bersubahat dalam menjalankan jenayah dadah.

Siasatan BKN mendapati bahawa Mohammad Rafik telah mempergunakan dua individu di bawah umur, masing-masing berusia 14 dan 18 tahun untuk menghantar bekalan dadah kepada pelanggan-pelanggannya. Selain itu, beliau juga terlibat dalam kegiatan jenayah lainnya iaitu perjudian dan penyeludupan barang tegahan untuk dijual kepada orang awam.

BKN akan terus memburu pengedar dadah lainnya dan menghadapkan mereka ke muka pengadilan untuk berhadapan dengan tindakan undang-undang.



Bersatunya jiwa sukarelawan, ringankan beban golongan memerlukan

Oleh : Nurdiyanah Rajami

Foto : Nurdiyanah Rajami, Ihsan Persatuan Hand4hand

HAKIKATNYA untuk menjadi sukarelawan bukanlah suatu tugas yang mudah. Suka, rela dan ikhlas, itulah ciri asas sukarelawan yang mana mereka perlulah mempunyai komitmen yang tinggi, berkeyakinan dan sentiasa bersiap sedia dari segi mental dan fizikal dalam menghulurkan pelbagai bentuk bantuan secara proaktif dan kreatif tanpa mengharapkan ganjaran semata-mata. Itulah yang dinamakan seorang sukarelawan yang berkualiti, umpama permata berkilauan yang berjiwa emas.

Dalam suasana masyarakat Islam di negara ini menyambut keindahan bulan suci Ramadan, Persatuan Hand4hand sebagai salah sebuah Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) tempatan di negara ini yang aktif dalam misi bantuan sukarelawan yang melibatkan masyarakat dalam dan luar negara tidak ketinggalan menjayakan Projek Jejak Ramadhan 2026 di keempat-empat daerah, baru-baru ini.

Di sebalik Projek Jejak Ramadhan 2026

Jejak Ramadhan 2026 ini merupakan sebuah projek yang bermatlamat untuk memberi bantuan dan meringankan beban kepada golongan keluarga yang kurang berkemampuan di Negara Brunei Darussalam (NBD) dalam bentuk sumbangan untuk menampung keperluan mereka di bulan Ramadan dan juga sebagai persiapan menyambut Hari Raya Aidilfitri.

Perkara berkenaan antara yang dikongsikan oleh Pengurus Projek Jejak Ramadhan 2026, Dayang Nur Izzah binti Ibrahim semasa berkesempatan ditemu bual penulis semasa sesi penyusunan dan pembungkusan barangan sumbangan yang

dijalankan di Youth Hub, Stadium Negara Hassanal Bolkiah sekitar awal bulan Mac lalu.

Dalam menghuraikan mengenai tahap pelaksanaan projek berkenaan, beliau berkata terdapat tiga fasa secara keseluruhannya. Bermula dengan fasa pertama iaitu sesi Infak Ramadan dan kutipan barang sumbangan.

"Sesi Infak Ramadan merupakan inisiatif untuk berkolaborasi dengan pasar raya tempatan. Tujuannya adalah untuk menggalakkan para pembeli supaya bersedekah dalam bentuk barangan belian untuk golongan keluarga yang kurang berkemampuan dan diletakkan di tempat yang tersedia.

"Keistimewaan peluang ini membolehkan masyarakat umum untuk sentiasa beringat dan peka terhadap sebilangan anggota masyarakat yang kurang bernasib baik serta mempunyai sumber pendapatan yang terhad dalam persediaan merayakan bulan Syawal yang bakal menjelang. Manakala sesi kutipan barang sumbangan adalah bertujuan untuk memberi peluang kepada orang ramai untuk menyumbang barangan keperluan asas yang diperlukan oleh golongan keluarga yang memerlukan seperti beras, gula, garam, minyak masak termasuklah pelbagai makanan dan minuman tin dan juga barangan kebersihan," ujarnya.

Turut menambah penjelasan lanjut, Penolong Pengurus Projek Jejak Ramadhan 2026, Dayang Nurul Rafidah binti Amran, pada fasa kedua bagi projek berkenaan merangkumi sesi penyusunan dan pembungkusan di mana barang-barang yang disumbangkan akan disusun dan dibungkus kepada kepelbagaian pakej mengikut barangan seperti makanan asas,

makanan tin dan peralatan kebersihan.

"Manakala pada fasa terakhir barulah dilaksanakan sesi pengagihan ke rumah-rumah kepada 150 keluarga yang memerlukan di keempat-empat daerah pada minggu ketiga bulan Ramadan. Adapun penentuan golongan keluarga yang memerlukan untuk menerima sumbangan itu diperoleh dengan kerjasama ketua-ketua kampung yang terlibat di setiap daerah," kongsinya beliau.

Lebih 200 sukarelawan sahut cabaran

Di sebalik kesungguhan 14 orang ahli jawatankuasa Persatuan Hand4hand yang mengukayahkan Projek Jejak Ramadhan 2026 turut dijayakan oleh kegigihan seramai 245 sukarelawan yang berdaftar.

Mengulas sedikit mengenai penglibatan sukarelawan berkenaan, Awang Mohammad Nazib bin Haji Lamat dan Dayang 'Izzatul Abidah binti Haji Mohamad Gani selaku Penyelaras Sukarelawan Projek Jejak Ramadhan 2026 turut mengungkapkan jiwa kesyukuran adanya sambutan yang amat menggalakkan daripada sukarelawan yang terdiri daripada golongan belia dan beliawanis berumur antara 15 hingga 35 tahun, iaitu 87 peratus terdiri daripada golongan pelajar institusi pengajian tinggi dan juga universiti.

Menerusi pelaksanaan Projek Jejak Ramadhan 2026, Awang Ahmad Syaadi bin Rahim selaku Pegawai Perhubungan Korporat Projek Jejak Ramadhan 2026 juga menambah bahawa ia sememangnya diharap dapat membentuk dan menanamkan sikap belas kasihan dan tanggungjawab dalam diri para peserta yang terlibat khususnya dan juga masyarakat amnya bagi sama-sama berganding bahu menghulurkan segala bentuk bantuan

kepada golongan insan-insan memerlukan dari semasa ke semasa.

"Selain itu, dengan menjayakan projek ini, ia juga dapat melatih kami dan juga para sukarelawan yang terlibat bertukar-tukar pendapat antara satu sama lain sekali gus menjana idea dalam proses percambahan fikiran positif serta menimba pengalaman baharu untuk menangani pelbagai isu seperti kemiskinan dengan menggunakan pendekatan yang mampan," jelas beliau di akhir temu bual.

Peri mustahaknya belia berjiwa sukarelawan

Oleh itu, semangat sukarelawan perlu diterapkan dalam jiwa anak-anak muda khususnya generasi belia di mana pun mereka berada agar mereka mampu menjadi bangsa yang berjiwa kental dalam mengharungi pelbagai cabaran mendatang sekali gus sebagai pencetus dan penggerak kemajuan dan kestabilan negara.

Perlu kita ketahui bahawa kekuatan bangsa dan negara bukan hanya bergantung kepada harta benda semata-mata, namun hakikatnya ia juga bergantung kepada tenaga manusia termasuklah golongan belia. Sebagai aset yang amat berharga serta tonggak dan kekuatan masa depan bagi sesebuah negara, golongan belia adalah pewaris kepimpinan negara dan kesinambungan umat di masa hadapan.

Dengan kata lain, maju atau mundurnya sesebuah negara itu bergantung kepada keupayaan, kesanggupan, kebolehan dan ketekunan para belia dalam mencapai pembangunan negara lebih-lebih lagi dalam menjayakan Wawasan Brunei 2035 dan juga memartabatkan Negara Zikir berlandaskan falsafah Melayu Islam Beraja.



Rantai kunci rekaan menarik jadi perniagaan

Oleh : Norliah Md. Zain
Foto : Ihsan projek.bn

RANTAI kunci (*keychain*) merupakan aksesori kecil yang digunakan untuk mengikat kunci agar mudah dibawa dan tidak hilang. Rantai kunci lazimnya dibuat daripada pelbagai jenis bahan seperti logam, plastik dan mempunyai pelbagai reka bentuk yang menarik. Selain berfungsi sebagai mengikat kunci, ia juga sering dijadikan cenderamata atau hadiah dalam pelbagai acara.

Ketika ini ia turut dijadikan sebagai sebahagian dari gaya hidup sehari-hari. Rantai kunci turut dijadikan sebagai hiasan beg malah turut menjadi simbol dan ekspresi peribadi, setentunya dapat menarik perhatian.

Malah di media sosial juga, banyak anak muda memperlihatkan koleksi rantai kunci mereka yang pelbagai, bermula dengan bentuk karakter, boneka, hingga produk *handcrafted*.

Seiring dengan perkembangan rantai kunci dengan rekaan yang unik dan menarik, ia dapat dijadikan satu perniagaan kecil-kecilan. Terdapat pengusaha kecil yang cuba menghadirkan pelbagai inovasi baru dalam reka bentuk yang terkini yang mempunyai nilai artistik

dan selesa digunakan.

Membuat rantai kunci (*keychain*) merupakan satu projek kreatif yang menyeronokkan. Ada banyak cara untuk menghasilkan rekaan unik bergantung pada bahan dan gaya yang disukai.

Dayang Nur Amalina Liyana binti Haji Bakar telah mengusahakan membuat rantai kunci bersama suaminya Haji Yusrizam bin Haji Abd. Tahir secara sepenuh masa. Sebelum membuat perniagaan ini, beliau merupakan ejen kepada produk kecantikan.

Selain rantai kunci, syarikat beliau *projekcetak.bn* juga membuat produk cetakan lain seperti baju, beg, *luggage tag* dan *photobook* namun memilih untuk fokus kepada rantai kunci memandangkan permintaannya yang tinggi bagi produk ini.

Rantai kunci yang dibuat antaranya *mechanical keyboard keychain*, *dual tone name keychain*, *custom car keychain* dan *chibi keychain*.

Ditanya mengenai idea membuat rantai kunci, Dayang Nur Amalina menjelaskan ia datang semasa menonton TikTok bersama adik. Sementara *mechanical keyboard keychain* beliau lihat di negara lain ia mendapat sambutan yang luar biasa lalu mereka cuba membuatnya dan

alhamdulillah sambutannya tidak putus-putus.

Manakala rantai kunci untuk gambar kereta pula, ia adalah idea suami beliau sendiri yang mana sambutannya juga tidak putus-putus.

Dengan membuat perniagaan ini beliau bersyukur dapat membantu kehidupan sehari-hari seperti membayar bil bulanan, malahan ada ketikanya rezeki tersebut dapat dibawa keluar negeri. Beliau juga bersyukur kerana ada juga pelanggan yang datang semula membuat tempahan.

Setakat ini hanya beliau dan suaminya sahaja yang mengusahakan membuat rantai kunci namun pada masa tertentu apabila permintaan terlalu tinggi, barulah mereka meminta bantuan keluarga dan rakan-rakan.

Beliau bersyukur kerana dapat menjana rezeki dari rumah memandangkan pergerakan yang agak terhad kerana mempunyai *parkinson disease* pada usia muda.

"InsyaAllah, membuat pekerjaan di rumah dapat membantu hidup kami suami isteri," ujarnya.

Antara cabaran menjalankan perniagaan ini ialah ketibaan stok untuk bahan membuat rantai kunci yang ditempah secara *online* mungkin tidak

seperti yang dijadualkan, namun setakat ini segalanya lancar dan dapat diatasi. Kebanyakan peralatan untuk membuat rantai kunci juga ada yang diperoleh dari pasaran tempatan dan juga dari luar negara seperti Malaysia dan juga tempahan secara *online*.

Kebanyakan urusan bersama pelanggan dibuat secara *online* begitu juga dengan pemasaran. Apabila tempahan sudah siap, pelanggan akan mengambilnya di rumah.

Untuk membuat rantai kunci, beliau hanya belajar dengan mencuba-cubanya sendiri. Kepelbagaian jenis rantai kunci hasil karya beliau boleh dilihat dengan melayari Instagram *projekcetak.bn*.

Kesimpulan

Dengan menggunakan rantai kunci, risiko kunci hilang dapat dikurangkan kerana pemilik kunci mudah menjaga dan memegang kunci dengan lebih baik. Dengan reka bentuk yang pelbagai dan sering berubah mengikut edaran masa, rantai kunci terus menjadi pilihan cenderamata dalam pelbagai acara. Ini setentunya dapat membantu meneruskan kelangsungan perniagaan bagi pengusaha rantai kunci.

MAJLIS KHATAM AL-QURAN GIAT DILAKSANAKAN



PEMANGKU Pengarah Pengajian Islam, Dayang Hajah Mariana binti Haji Jamil hadir selaku tetamu khas majlis.

KAMPUNG KATOK, Sabtu, 14 Mac. - Bagi menyemarakkan lagi penghayatan bulan Ramadan yang penuh keberkatan, Jabatan Pengajian Islam (JPI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) mengadakan Majlis Penutup Tadarus dan Khatam Al-Quran bagi para pegawai dan kakitangannya di Surau Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan

Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Kampung Katok, pagi tadi.

Hadir selaku tetamu khas majlis ialah Pemangku Pengarah Pengajian Islam, Dayang Hajah Mariana binti Haji Jamil. Turut hadir, para pegawai kanan, pegawai serta kakitangan jabatan berkenaan.

Majlis Khatam Al-Quran

dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar, diikuti bacaan Surah Al-Fatihah serta bacaan ayat-ayat lazim yang dipimpin oleh Awang Haji Abdullah bin Haji Sahat.

Kemudian majlis diteruskan dengan bacaan Tahlil serta Doa Khatam Al-Quran dan diserikan dengan persembahan Dikir Marhaban dan diakhiri dengan bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam yang disampaikan oleh Pegawai JPI, Awang Mohammad Zamery bin Haji Nayan.

Majlis berkenaan turut diselenggarakan dengan penyampaian sumbangan derma kepada empat orang anak yatim dalam kalangan anak-anak warga JPI.

Penyampaian sumbangan tersebut merupakan antara aktiviti muhibah tahunan JPI bagi sama-sama menyemarakkan bulan Ramadan di samping membuat persiapan menyambut kedatangan bulan Syawal yang bakal menjelang dengan penuh rahmat serta mengharapkan keredaan Allah Subhanahu Wata'ala.

■ **Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama**



ANTARA yang hadir pada Majlis Penutup Tadarus dan Khatam Al-Quran bagi para pegawai dan kakitangannya di Surau Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Kampung Katok.

Berkongsi keberkatan Ramadan sambil menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

JERUDONG, Sabtu, 14 Mac. - Dalam menghayati nilai kasih sayang dan kemurahan hati di bulan Ramadan yang mulia, Kumpulan YMRM telah menganjurkan Majlis Penyerahan Sumbangan Kepada Anak-anak Yatim dan Kurang Berkemampuan di Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam (Pusat Ehsan) daripada Kumpulan Syarikat YMRM (YMRM Group of Companies), bertempat di McDonald's Jerudong Park.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Pemegang Amanah Eksekutif Pusat Ehsan, Pengiran Datin Hajah Noraini binti Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Haji Abdul Momin.

Turut hadir, Pesuruhjaya Tinggi Republik India ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Tuan Yang Terutama Ramu Abbagani dan isteri, yang mencerminkan semangat sokongan komuniti dan muhibah yang kukuh.

Sumbangan disampaikan oleh Pengerusi dan Pengasas Kumpulan YMRM, Ramesh J. Bhawnani; Pengarah Urusan Kumpulan YMRM, Hitesh R. Bhawnani, bersama pasangan masing-masing.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan Tahlil dan Doa Arwah, yang mewujudkan suasana penuh khusyuk dan bermakna sebagai tanda ingatan dan kesyukuran.

Kemuncak acara ialah penyampaian sumbangan kepada kanak-kanak dari Pusat Ehsan, yang menegaskan komitmen berterusan Kumpulan YMRM dalam menyokong golongan masyarakat yang memerlukan.

Melalui inisiatif berkenaan, Kumpulan YMRM berharap dapat berkongsi keberkatan bulan Ramadan sambil menyumbang kepada kesejahteraan dan kebajikan masyarakat.

Pada majlis tersebut, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Anisha Rosnah binti Adam juga berkenan memberikan kurnia yang disampaikan oleh Pengiran Datin Hajah Noraini kepada kanak-kanak dari Pusat Ehsan.

Organisasi berkenaan percaya bahawa amalan kebaikan dan tanggungjawab sosial memainkan peranan penting dalam mengeratkan hubungan komuniti serta meningkatkan kehidupan mereka yang memerlukan.



SUASANA sekitar Majlis Penyerahan Sumbangan Kepada Anak-anak Yatim dan Kurang Berkemampuan di Pusat Ehsan daripada Kumpulan Syarikat YMRM yang mengambil tempat di McDonald's Jerudong Park.

Gunakan sumbangan derma dalam perkara bermanfaat, berfaedah



PENGHULU Mukim Gadong 'B', Awang Rosliani bin Haji Umar menyempurnakan penyampaian sumbangan derma kepada anak yatim berkenaan.

■ **Berita dan Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad**

KAMPUNG KIARONG, Sabtu, 14 Mac. - Seramai 11 orang anak yatim dari Kampung-kampung Kiulap, Kiarong dan Menglait hari ini telah menerima sumbangan derma pada Majlis Penyampaian Derma Anak Yatim yang diadakan di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kiarong, di sini.

Hadir menyempurnakan penyampaian sumbangan derma

kepada anak-anak yatim berkenaan ialah Penghulu Mukim Gadong 'B', Awang Rosliani bin Haji Umar.

Terdahulu, Penguasa Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Awang Haji Haris bin Haji Suboh dalam ucapan alu-aluannya antara lain menyatakan, wang derma berkenaan merupakan hasil sumbangan daripada jemaah dan

orang ramai melalui tabung khas yang telah diluluskan oleh Majlis Ugama Islam Brunei di tempat di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah dan telah terkumpul sebanyak BND13,884.79.

Hasil jumlah kutipan tersebut, katanya diserahkan kepada seramai 11 orang anak yatim dari tiga buah kampung iaitu Kampung Kiarong, Kiulap dan juga Menglait.

"Semoga sumbangan ini nanti akan dapat menampung keperluan perbelanjaan seharian mereka terutama perbelanjaan semasa di bulan Ramadan ini dan perbelanjaan menyambut Hari Raya Aidilfitri nanti.

"Mudah-mudahan niat dan usaha *kitani* untuk memberikan sumbangan dan bantuan kepada anak-anak yatim dan memberikan sedikit kasih sayang dan rasa tanggungjawab menjaga mereka akan mendapat pahala berlipat ganda daripada Allah Subhanahu Wata'ala," tambahnya lagi.

Awang Haji Haris seterusnya berkata, pihak Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah penuh berharap agar sumbangan tersebut akan dapat dipergunakan dengan sebaik-baiknya dalam perkara-perkara yang bermanfaat lagi berfaedah.

Majlis diungkuayahkan oleh Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid berkenaan antara lain bagi membantu meringankan beban perbelanjaan anak-anak yatim di samping memberikan keceriaan kepada mereka pada bulan Ramadan Al-Mubarak, khususnya menjelang Hari Raya Aidilfitri yang bakal tiba.

Selain itu, majlis itu diadakan adalah juga bertujuan untuk meraih keredaan Allah Subhanahu Wata'ala dalam bulan Ramadan yang penuh keberkatan, di samping menggalakkan amalan bersedekah serta menyemai rasa prihatin terhadap golongan yang memerlukan, di mana setiap amal kebajikan dijanjikan ganjaran pahala yang berlipat ganda.

Selamatkan Usus Awda.
Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.



Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa* Doktor awda hari ini atau layari www.ppkk.gov.bn

PENGESANAN AWAL DAPAT MENYELAMAT NYAWA
Selamatkan Usus Awda

*Sasaran pemeriksaan: Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.

ANGGOTA PASUKAN PENGAMAN PBB CEDERA DALAM SERANGAN KE ATAS POSISI UNIFIL DI SELATAN LUBNAN



ISTANBUL, 15 Mac. - Seorang anggota pasukan pengaman Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) cedera dalam serangan semalaman ke atas posisi Pasukan Interim PBB di Lubnan (UNIFIL) di selatan Lubnan, yang turut mengakibatkan kebakaran, kata seorang pegawai pada Sabtu, lapor Anadolu Ajansi.

Jurucakap UNIFIL Kandice Ardiel berkata dalam satu kenyataan bahawa "satu daripada posisi kami berhampiran Meiss ej Jebel telah terkena serangan, berkemungkinan daripada tembakan mesingan berat". Beliau menambah bahawa

"impak tersebut menyebabkan kebakaran, dan seorang anggota pasukan pengaman yang sedang dalam perjalanan ke tempat perlindungan mengalami kecederaan ringan".

Ardiel berkata UNIFIL telah melancarkan siasatan terhadap insiden berkenaan.

Beliau turut mengingatkan semua pihak tentang tanggungjawab masing-masing dengan berkata: "Kami mengingatkan semua pelaku tentang kewajipan mereka untuk memastikan keselamatan dan sekuriti anggota pasukan pendamai pada setiap masa". Kumpulan Hizbullah di Lubnan

mula menyasarkan tapak tentera Israel pada 2 Mac sebagai tindak balas terhadap serangan AS-Israel ke atas Republik Islam Iran yang mengorbankan Pemimpin Agung ketika itu Ali Khamenei di Tehran, serta serangan Israel ke atas Lubnan, walaupun gencatan senjata telah dicapai pada November 2024.

Israel memperluaskan kempenya pada hari yang sama dengan serangan udara ke atas pinggir bandar selatan Beirut serta kawasan di selatan dan timur Lubnan.

Pada 3 Mac, Israel juga melancarkan pencerobohan darat terhadap ke selatan Lubnan,

bersama-sama kempen ketenteraan bersama AS terhadap

Republik Islam Iran yang bermula pada 28 Februari. - ©BERNAMA

Peningkatan permintaan airancam kekurangan bekalan di sebahagian Republik Indonesia

JAKARTA, 14 Mac. - Kekurangan bekalan air boleh menjejaskan beberapa wilayah di Republik Indonesia, khususnya Pulau Jawa yang padat penduduk, dalam beberapa dekad akan datang apabila permintaan diunjurkan meningkat seiring pertumbuhan penduduk serta peningkatan aktiviti perindustrian.

Pengarah Perhutanan dan Pemuliharaan Sumber Air di Kementerian Perancangan Pembangunan Nasional, Dadang Jainal Mutaqin berkata walaupun keadaan bekalan air ketika ini kekal agak stabil di seluruh negara, kekurangan dijangka berlaku di beberapa wilayah berikutan pengagihan air yang tidak seimbang.

"Banyak wilayah yang berdepan potensi kekurangan bekalan adalah di Pulau Jawa, termasuk Jakarta, Jawa Timur dan beberapa kawasan di Jawa Barat.

"Di luar Jawa, bandar seperti Medan dan Makassar juga antara yang berisiko," katanya menurut Agensi Berita ANTARA pada Jumaat.

Menurut Dadang, ketersediaan air tahunan Republik Indonesia mencecah kira-kira 3.9 bilion meter padu, dengan sekitar 80 peratus digunakan bagi pengairan dan loji janakuasa hidroelektrik yang menjana 7.5 peratus daripada bekalan elektrik negara, berdasarkan data Bank Dunia 2021.

Beliau berkata permintaan air diunjurkan meningkat sebanyak 31 peratus menjelang 2045 berbanding tahap 2015, didorong pertumbuhan penduduk serta peningkatan empat kali ganda permintaan industri.

Beliau menambah bahawa Republik Indonesia turut berdepan cabaran alam sekitar termasuk kejadian ambeles (penurunan tanah) akibat pengambilan air bawah tanah serta 12.7 juta hektar tanah terdegradasi.

Bagi menangani cabaran itu, Dadang berkata kerajaan telah mengutamakan pemuliharaan sumber air melalui kawalan pencemaran, pemantauan kualiti air serta perlindungan sumber air.

"Bagi mencapai keupayaan sara diri air, kami telah memulakan program pemuliharaan kawasan tadahan air. Ini termasuk pemuliharaan hutan dan tanah, pengurusan sistem pengairan, pembinaan empangan pelbagai guna serta inisiatif lain," katanya. - ©BERNAMA

Lapangan Terbang AS menyaksikan barisan panjang apabila penutupan separa kerajaan berlarutan



PENUMPANG beratur untuk mendaftar masuk di Lapangan Terbang LaGuardia di New York, Amerika Syarikat, pada 31 Oktober 2025.

NEW YORK, 14 Mac. - Lapangan terbang utama AS menyaksikan barisan panjang di pusat pemeriksaan keselamatan di tengah-tengah penutupan separa kerajaan yang berterusan yang telah berlarutan selama hampir sebulan.

Kira-kira 50,000 pegawai Pentadbiran Keselamatan Pengangkutan (TSA) telah bekerja tanpa gaji sejak 14 Februari, apabila Kongres A.S. membenarkan pembiayaan untuk Jabatan Keselamatan Dalam Negeri, yang

menyelia TSA, tamat tempoh kerana perselisihan faham mengenai penguatkuasaan imigresen.

Pelancong menghadapi masa menunggu sehingga lebih daripada tiga jam di lapangan terbang di New Orleans dan Houston pada hujung minggu. Foto dan video dalam talian menunjukkan barisan di Lapangan Terbang Antarabangsa Austin-Bergstrom yang terbentang dari bangunan terminal ke tempat letak kereta.

Di kawasan Bandar Raya New

York, kelewatan di Lapangan Terbang Antarabangsa John F. Kennedy, Lapangan Terbang LaGuardia dan Lapangan Terbang Antarabangsa Newark Liberty menjangkau hampir sejam. Terminal C di Lapangan Terbang Antarabangsa Philadelphia ditutup sementara pada Khamis untuk mengurangkan tekanan ke atas kakitangan.

Pakar memberi amaran bahawa keadaan boleh menjadi lebih buruk pada hujung minggu ini apabila rakyat AS melancong untuk cuti musim bunga dan ejen TSA dijangka terlepas gaji penuh pertama mereka pada hari Jumaat, meningkatkan kemungkinan mereka akan ponteng kerja.

Sesetengah lapangan terbang meminta penumpang untuk memberi lebih banyak masa daripada biasa untuk melepasi kawalan keselamatan, kerana kekurangan kakitangan menyebabkan lebih banyak kesesakan dan barisan yang lebih panjang.

Ketika Senat berusaha untuk mengemukakan rang undang-undang untuk menamatkan penutupan kerajaan separa, kedua-dua Republikan dan Demokrat menyalahkan barisan parti atas penutupan yang berpanjangan. Menurut ramalan perjalanan daripada Airlines for America, dianggarkan 171 juta orang dijangka terbang semasa cuti musim bunga tahun ini. - ©XINHUA

Arab Saudi pertingkat pemeriksaan di Makkah, Madinah pada 10 hari terakhir Ramadan

MAKKAH, 14 Mac. - Kementerian Pelancongan Arab Saudi meneruskan kempen pemeriksaan intensif yang menyasarkan kemudahan hospitaliti serta penyedia perkhidmatan pelancongan di Makkah dan Madinah sepanjang 10 hari terakhir Ramadan.

Agensi Berita Arab Saudi (SPA) melaporkan bahawa usaha itu adalah sebahagian daripada kempen berterusan bagi memastikan pematuhan terhadap keperluan yang ditetapkan oleh

peraturan serta meningkatkan kualiti perkhidmatan yang diberikan kepada jemaah.

Pasukan lapangan menjalankan pemeriksaan dan lawatan kesedaran yang merangkumi kemudahan hospitaliti, premis penginapan persendirian, agensi pelancongan dan pengembaraan serta aktiviti pelancongan lain bagi mengesahkan pematuhan terhadap keperluan pelesenan serta piawaian kualiti dan keselamatan.

Kementerian itu menegaskan bahawa menjalankan aktiviti

hospitaliti tanpa lesen yang sah merupakan satu pelanggaran peraturan yang boleh dikenakan denda sehingga SAR1 juta, penutupan premis, atau kedua-duanya sekali.

Ia juga menegaskan kesediaannya untuk menerima pertanyaan dan maklum balas pengunjung mengenai perkhidmatan pelancongan melalui pusat panggilan pelancongan bersepadu 930, yang beroperasi sepanjang masa setiap hari dalam seminggu. - ©BERNAMA

Permohonan penggantungan tidak jejas prinsip hak 40 peratus Sabah

KOTA KINABALU, 15 Mac. - Permohonan mengantung pelaksanaan perintah mahkamah berkenaan tuntutan 40 peratus hasil Sabah tidak menjejaskan hak pemberian khas itu seperti yang termaktub di bawah Perkara 112C dan 112D Perlembagaan Persekutuan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Sabah dan Sarawak), Datuk Mustapha Sakmud berkata permohonan Kerajaan Persekutuan itu bertujuan memberikan ruang sewajarnya kepada kedua-dua pihak untuk meneruskan rundingan dan penelitian terperinci berkaitan pengiraan hasil bersih Persekutuan.

Beliau berkata sejak November 2025, Kerajaan Persekutuan telah berkongsi data hasil bersih yang diperolehi dari Sabah bagi tempoh 2007 hingga 2025 menerusi siri mesyuarat Jawatankuasa Rundingan di peringkat pegawai.

"Usaha sedang dijalankan untuk melengkapkan data bagi tempoh terdahulu khususnya era The Lost Years, yang sebahagian besarnya direkodkan secara manual dan memerlukan penelitian lanjut," katanya dalam kenyataan malam ini.

Pada 17 Oktober 2025, Mahkamah Tinggi di sini memerintahkan Kerajaan Persekutuan untuk mengadakan semakan bersama Kerajaan Negeri Sabah dalam tempoh 90 hari, dan mencapai persetujuan dalam tempoh 180 hari berhubung hak pemberian khas 40 peratus negeri itu bagi tempoh 1974 hingga 2021.

Mustapha berkata tempoh 180 hari berkaitan pelaksanaan perintah mahkamah itu dijangka tamat pada 15 April 2026.

"Tanpa penggantungan tersebut, kedua-dua pihak berdepan risiko prosiding pengkomitan (menghina mahkamah) walaupun proses rayuan masih belum didengar," katanya sambil menambah permohonan itu dijadual didengar di Mahkamah Rayuan pada 31 Mac ini.

Mustapha turut menegaskan pendirian Kerajaan Negeri Sabah dan Persatuan Peguam Sabah (SLS) yang membantah permohonan itu harus dihormati sebagai proses semak dan imbang. - ©BERNAMA



F1 BATALKAN GP BAHRAIN, ARAB SAUDI SUSULAN KETEGANGAN DI ASIA BARAT

ISTANBUL, 15 Mac. - Formula Satu (F1) mengesahkan pada awal Ahad bahawa perlumbaan Grand Prix (GP) Bahrain dan Arab Saudi tidak akan berlangsung pada April berikutan ketegangan yang semakin memuncak di Asia Barat susulan konflik Amerika Syarikat (AS) dan Israel dengan Republik Islam Iran, lapor Anadolu Ajansi.

Dalam satu kenyataan, F1 memaklumkan beberapa alternatif telah dipertimbangkan, namun akhirnya diputuskan bahawa tiada perlumbaan gantian akan diadakan pada April.

"Perlumbaan Formula 2, Formula 3 dan F1 Academy juga tidak akan berlangsung

mengikut jadual yang ditetapkan. Keputusan ini dibuat melalui rundingan penuh dengan Persekutuan Automobili Antarabangsa (FIA) serta penganjur berkaitan," menurut kenyataan itu.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Formula One Group, Stefano Domenicali berkata keputusan itu sukar namun merupakan langkah yang tepat mengambil kira situasi semasa di Asia Barat.

"Bahrain dan Arab Saudi amat penting kepada ekosistem musim perlumbaan kami, dan saya berharap dapat kembali ke kedua-dua negara itu sebaik sahaja keadaan mengizinkan," kata Presiden FIA,

Mohammed Ben Sulayem.

Ketua Pegawai Eksekutif Litar Antarabangsa Bahrain, Sheikh Salman bin Isa Al Khalifa menyatakan sokongan terhadap keputusan F1 itu serta mengucapkan terima kasih kepada FIA dan komuniti F1. Beliau berkata Bahrain menantikan kehadiran semula peminat apabila perlumbaan F1 kembali diadakan.

Pengerusi Persekutuan Automobili dan Motosikal Arab Saudi (SAMF) serta Pengerusi Saudi Motorsport Company (SMC), Putera Khalid bin Sultan Al-Abdullah Al-Faisal berkata kerajaan Arab Saudi menghormati keputusan

kalender F1 2026 dan menegaskan perkongsian berterusan dengan F1.

Sejak Israel dan AS melancarkan serangan bersama terhadap Republik Islam Iran pada 28 Februari lepas yang mengorbankan kira-kira 1,200 orang, termasuk Pemimpin Agung ketika itu Ayatollah Ali Khamenei, permusuhan semakin memuncak.

Republik Islam Iran kemudian bertindak balas dengan melancarkan serangan dron dan peluru berpandu yang menasarkan Israel, Jordan, Iraq serta beberapa negara Teluk yang menempatkan aset ketenteraan AS. - ©BERNAMA

Liga Super : Jaringan tunggal Gabriel lonjak The Cats ke tangga kedua

KUALA LUMPUR, 15 Mac. - Kuching City FC merampas kedudukan kedua Liga Super 2025/2026 selepas merakam kemenangan tipis 1 - 0 ke atas Penang FC di Stadium Bandaraya, Pulau Pinang, malam ini.

Penyerang Gabriel Nistelrooy Tamin muncul wira The Cats apabila jaringan tunggalnya sudah cukup buat pelawat membawa pulang tiga mata berharga dan mengumpul 40 mata untuk melonjak dua anak tangga selepas 19 perlawanan setakat ini.

Keputusan tersebut menyaksikan pasukan bimbingan Aidil Sharin Sahak mengatasi Selangor FC dan Kuala Lumpur City FC yang berkongsi 38 mata, selepas masing-masing menghuni tempat ketiga dan keempat, manakala Penang FC pula kekal di kedudukan kesembilan dengan 19 mata.

Tuan rumah menampilkan aksi positif pada keseluruhan babak pertama, namun serangan tumpul termasuk percubaan penyerang berpengalaman dari Ivory Coast, Kipre Tchetché yang melambung tinggi pada minit ke-32 menafikan mereka daripada menembusi gawang pelawat.

Kegagalan Ketua Pasukan Penang FC, Stefano Brundo untuk mengeluarkan bola dari kawasan berbahaya dengan cepat, pantas dihidu Gabriel untuk menolak masuk gol pembukaan pelawat, lima minit sebelum separuh masa pertama tamat.

Bersambung babak kedua, Kuching City FC berjaya menyerap tekanan Harimau Kumbang dengan percubaan terbaik tuan rumah sekali lagi hadir menerusi Kipre pada minit ke-80, namun sepakannya tepat ke dakapan penjaga gol Muhammad Haziq Nadzli dan kedudukan itu kekal sehingga tamat perlawanan.

Sementara itu, Imigresen FC bangkit daripada ketinggalan untuk menundukkan tuan rumah Sabah FC 2-1 di Stadium Likas, Kota Kinabalu.

Tonggak serangan Mohammad Fayadh Mohd. Zulkifli Amin muncul wira Imigresen FC apabila menyambut hantaran lintang pemain gantian Mohd. Fadzrul Danel Mohd. Nizam sebelum kuisannya tepat menewaskan penjaga gol Sabah Damien Chien Khai Lim pada minit ke-83 untuk mengesahkan kemenangan keenam mereka musim ini.

Sabah bermula garang apabila hantaran S. Kumaahran menemui penyerang Darren Lok yang tenang menolak masuk gol pembukaan pada minit ke-29, namun penyerang pelawat dari Colombia Wilmar Jordan Gil menyamakan kedudukan menerusi sepakan penalti pada minit ke-74.

Imigresen FC berdepan situasi cemas buat seketika di penghujung perlawanan apabila penjaga gol Muhammad Zarif Irfan Hashimuddin gagal menangkap kemas sepakan percuma Dean Pelekanos pada minit ke-89.

Jaringan penyamaan tersebut dibatalkan selepas semakan Video Bantuan Pengadil (VAR) mendapati penyerang tuan rumah Azhad Harraz Arman berada dalam kedudukan offside dan menghalang pandangan Muhammad Zarif sebaik sahaja Pelekanos melepaskan sepakan percumanya.

Imigresen FC kini berada di kedudukan ketujuh dengan 21 mata manakala Sabah pula kekal di tangga ke-10 selepas mengutip 15 mata. - ©BERNAMA

Sadat Marzuqi sasar pecah rekod peribadi pada AUG 2026

KUALA LUMPUR, 15 Mac. - Atlet lontar tukul besi lelaki negara Sadat Marzuqi Ajjan menasak untuk memperbaharui rekod peribadi dengan lontaran melebihi 65 meter (m) pada Sukan Universiti ASEAN (AUG) 2026.

Pemenang pingat perak Sukan SEA 2025 itu berkata beliau memulakan musim ini dengan program latihan baharu selepas mula bekerjasama dengan jurulatih tempatan Tan Song Hwa, yang memperkenalkan pendekatan berbeza dari segi teknik dan latihan kekuatan.

Sadat Marzuqi berkata program latihan itu bermula daripada asas semula bagi membolehkannya menyesuaikan diri dengan teknik baharu yang diyakini mampu meningkatkan jarak lontaran.

"Untuk tahun ini, saya bermula daripada kosong kerana jurulatih mahu saya mengikuti program baharu selepas kami mula bekerjasama. Saya percaya pendekatan ini boleh membantu meningkatkan jarak lontaran dan sasaran saya adalah untuk mencapai 65m ke atas.

"InsyaAllah mungkin pertengahan atau hujung tahun tetapi sasaran paling penting adalah pada AUG hujung tahun ini di Universiti Putra Malaysia (UPM). Mungkin saya boleh pecahkan rekod di situ," katanya baru-baru ini.

Sadat Marzuqi ketika ditanya mengenai hasrat mewakili negara ke Sukan Komanwel 2026 di Glasgow dan Sukan Asia 2026 di Aichi-Nagoya berkata beliau perlu terlebih dahulu mencapai jarak kelayakan yang ditetapkan.

"Memang ada hasrat untuk layak ke sukan itu tetapi saya perlu melepasi jarak tertentu. Sekurang-kurangnya untuk Sukan Asia saya perlu lontar 65m ke atas manakala pada Komanwel mungkin sekitar 68 hingga 70m," katanya.

Sadat Marzuqi yang memiliki rekod peribadi 60.63m dilakukan pada Sukan Malaysia 2022 di Kuala Lumpur berkata beliau merancang menjalani latihan di luar negara bagi meningkatkan prestasinya, dengan Algeria antara destinasi yang dipertimbangkan kerana kemudahan latihan selain hubungan baik antara jurulatihnya dengan jurulatih di negara berkenaan.

Beliau pernah menjalani latihan selama kira-kira sebulan di Republik Rakyat China pada 2023 bagi menimba pengalaman serta memperbaiki teknik lontaran.

Pelajar tahun akhir jurusan Pendidikan Jasmani di UPM itu berkata beliau yang kini berada dalam Program Podium Majlis Sukan Negara (MSN) menghargai sokongan serta pengurusan lebih sistematik oleh Olahraga Malaysia (MA) yang membolehkannya memberi tumpuan sepenuhnya kepada latihan dan persediaan menghadapi kejohanan.

Sukan Komanwel 2026 akan berlangsung dari 23 Julai hingga 2 Ogos manakala Sukan Asia 2026 dijadualkan dari 19 September hingga 4 Oktober, selain AUG 2026 dari 10 hingga 20 Disember ini. - ©BERNAMA

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

AMALKAN KONSEP MURAOBAH, INTROSPEKSI DIRI